

Industri negara kita hebatkan  
Teknologi terkini kita majukan  
Ekonomi rakyat kita makmurkan.



## TEMA 5

# MEMACU PRODUKTIVITI

1. Tahukah anda tentang Sistem Binaan Berindustri? Jelaskan.
2. Bagaimanakah arang kayu bakau dihasilkan?
3. Apakah industri yang berasaskan bidang teknikal dan vokasional yang anda ketahui?





# Rumah Pasang Siap



1. Dengar dan analisis maklumat dalam kedua-dua bahan.
2. Jelaskan maklumat tentang pembinaan pasang siap yang anda dengar kepada kelas.
3. Kumpulkan gambar binaan yang menggunakan Sistem Binaan Berindustri dan jelaskan keunikan binaan tersebut.

## Sistem Binaan Berindustri

Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS) juga dikenali sebagai sistem pembinaan pasang siap. Dengan menggunakan sistem ini, komponen-komponen binaan dihasilkan di kilang terlebih dahulu sebelum dihantar ke tapak pembinaan untuk dipasang menjadi struktur binaan bangunan.



Sistem konkrit pratuang



Sistem kerangka keluli



Sistem acuan




Sistem kerangka kayu



Sistem blok





Pelanggan saya berpuas hati dengan rumah yang dibina dengan menggunakan Sistem Binaan Berindustri ini. Kos pembinaan dengan menggunakan sistem ini adalah lebih rendah berbanding dengan menggunakan batu bata. Pelanggan juga tidak perlu menunggu waktu yang lama untuk menghuni rumah idaman kerana rumah boleh disiapkan dengan lebih cepat. Mereka tidak perlu bimbang dari segi kualiti kerana struktur binaan dengan kaedah ini ringan dan kukuh. Saya juga tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk menyiapkan sesebuah rumah dengan menggunakan sistem ini.

**Encik Muhammad Aini bin Othman,**  
Kontraktor Binaan.

Saya telah menghuni rumah yang dibina dengan Sistem Binaan Berindustri ini selama tujuh tahun. Sepanjang saya tinggal di rumah ini tiada sebarang masalah dengan struktur binaan seperti keretakan dinding dan kebocoran atap. Saya berpuas hati dengan reka bentuk binaan rumah yang menggunakan sistem ini. Kontraktor telah membina rumah ini dengan hasil kerja yang berkualiti. Saya juga mendapati suasana di dalam rumah saya lebih senyap. Keadaan dalam rumah juga lebih sejuk. Saya juga difahamkan bahawa rumah yang dibina dengan kaedah ini mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap gempa bumi.

**Puan Kalaiwani a/p S. Balan,**  
Pemilik Rumah.

Sistem Binaan Berindustri telah digunakan dengan meluasnya di negara-negara maju. Di Malaysia, sistem ini telah diperkenalkan dalam industri pembinaan bermula dengan projek perumahan Flat Pekeliling, Kuala Lumpur dan Flat Rifle Range Road (Jalan Padang Tembak), Pulau Pinang pada tahun 1966. Matlamat Sistem Binaan Berindustri diperkenalkan di negara ini adalah untuk meningkatkan kualiti bangunan dan kerja, mengurangkan penggunaan buruh asing di tapak projek, serta mempercepat kerja pembinaan.

**Encik Low Kok Chuan,**  
Ahli Akademik.

1.3.2 Mendengar, menganalisis dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul dan bermakna.





# Khazanah Hutan Bakau



Aktiviti

1. Baca dan teliti bahan. Kemudian, nilai bentuk serta kandungan teks bahan tersebut dengan betulnya dan tepatnya dengan menggunakan Borang Penilaian Kendiri.
2. Kategorikan kata kerja tak transitif yang terdapat dalam teks. Kemudian, bina perenggan dengan kata kerja tak transitif tersebut.
3. Pada pendapat anda, adakah arang kayu bakau masih digunakan pada masa akan datang? Berikan alasan.

## Arang Kayu Bakau di Kuala Sepetang

Khazanah hutan yang ada di Kuala Sepetang, Perak ialah hutan paya bakau. Hutan ini berfungsi untuk mengawal hakisan pantai dan menjadi habitat beberapa hidupan akuatik. Kayu bakau dari hutan ini pula digunakan untuk menghasilkan arang.

Kayu bakau yang sesuai untuk dijadikan arang ialah kayu bakau kurap dan kayu bakau minyak. Walau bagaimanapun, pengusaha kilang arang kayu bakau tidak boleh sesuka hati menebang pokok bakau untuk dijadikan arang. Mereka perlu menebang pokok bakau mengikut kapasiti yang ditentukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

Proses untuk menghasilkan arang kayu bakau ini memerlukan kepakaran tenaga kerja yang unik dan mencabar. Secara ringkasnya, proses pembakaran kayu bakau di dalam dapur yang berbentuk iglu dibahagikan kepada tiga peringkat yang memakan masa kira-kira sebulan. Peringkat pertama bermula dengan pembakaran “api besar” selama sepuluh hari. Peringkat kedua pula pembakaran dengan “api kecil” selama sepuluh hari lagi. Pada peringkat ketiga, pintu dapur ditutup sepenuhnya selama sepuluh hari untuk proses penyejukan. Peringkat ini merupakan masa paling kritikal dan perlu dikawal rapi bagi memastikan arang di dalam relau tidak terbakar hingga menjadi abu.

Walaupun bagaimanapun, tempoh pembakaran kayu bakau mungkin mengambil masa yang lebih daripada 30 hari bergantung pada saiz kayu dan kelembapan persekitaran. Dalam hal ini, kepakaran tukang dapur menghidu bau asap diperlukan. Tukang dapur yang mahir dapat mengetahui kayu bakau yang telah masak atau belum dengan menghidu bau dan menyentuh asap yang keluar pada hari-hari terakhir. Tukang dapur juga perlu memastikan pembakaran dikawal selama 24 jam sehari bagi memastikan tiada kebocoran pada dinding dapur. Jika terdapat kebocoran yang tidak disedari, kayu bakau di dalam dapur boleh terbakar sehingga menjadi abu.

Arang kayu bakau yang dihasilkan di Kuala Sepetang mempunyai kualiti antara yang terbaik di dunia dan mendapat sambutan tinggi di Jepun, Arab Saudi, dan Korea. Selain menjadi bahan bakar, arang digunakan dalam industri pembuatan barangan kosmetik, bahan pencuci, baja, dan ubat nyamuk.

Peringkat	Langkah	Keadaan Asap
Pertama	Pembakaran dengan api besar selama sepuluh hari.	Banyak asap putih dikeluarkan.
Kedua	Pembakaran dengan api kecil selama sepuluh hari.	Asap putih yang dikeluarkan semakin kurang.
Ketiga	Pintu dapur ditutup sepenuhnya untuk proses penyejukan kayu arang selama sepuluh hari.	Asap putih tidak lagi keluar.



## Proses Penghasilan Arang Kayu Bakau

1



Kayu bakau disusun di dalam dapur mengikut susunan menegak.

2



Sebahagian daripada pintu dapur ditutup dengan batu bata yang ditampal dengan campuran pasir dan tanah.

3



Kayu bakau dibakar dengan "api besar".

4



Kayu bakau dibakar dengan "api kecil".

5



Pintu dapur ditutup sepenuhnya dan kayu arang dibiarkan menyejuk.

6



Kayu bakau yang telah menjadi arang dikeluarkan dari dapur.





# Kek Aneka Rona



1. Berdasarkan bahan dan pelbagai bahan rujukan, lengkapkan maklumat tentang kek lapis Sarawak.
2. Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memajukan industri kek lapis Sarawak.

## Kek Lapis Sarawak

Kek lapis Sarawak ialah sejenis pemanis mulut yang istimewa di negeri Sarawak. Kek ini selalu dihidangkan dalam perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, dan Krismas. Kek lapis Sarawak juga menjadi hidangan dalam majlis hari lahir dan perkahwinan. Selain itu, kek lapis juga dijadikan hantaran pertunangan atau hadiah buat insan istimewa.

Kek lapis Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kek dengan lapisan biasa dan kek dengan corak, motif, atau bentuk tertentu. Kek lapis Sarawak mempunyai sekurang-kurangnya dua warna. Kek lapis ini dibakar di dalam ketuhar. Kek ini dilapisi jem atau bahan manis. Bagi sesetengah kek lapis, acuan khas digunakan bagi menghasilkan corak kek lapis yang lebih unik.

Kelebihan utama kek lapis Sarawak ialah motif dan coraknya yang unik serta digabungkan dengan keenakan rasa, di samping teksturnya yang lembap tetapi pejal. Pembuat kek lapis Sarawak juga telah melakukan pelbagai inovasi dari segi rasa dan rupa agar kek ini terus mendapat sambutan daripada pelanggan. Namun demikian, hanya mereka yang mempunyai kesabaran dan daya kreativiti yang tinggi mampu menghasilkan corak kek lapis yang unik serta menarik. Industri kek lapis Sarawak mampu berkembang dengan pesatnya. Badan kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia yang juga dikenali sebagai *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)* bersedia untuk membantu usahawan yang berminat. Misalnya, MARDI telah menghasilkan mesin yang berfungsi untuk menggantikan tenaga kerja manusia bagi meningkatkan pengeluaran kek lapis Sarawak.



## Ikon Pelancongan Bumi Kenyalang

Kurang lengkap kunjungan seseorang pelancong yang bertandang ke Sarawak jika tidak membawa pulang kek lapis Sarawak. Juadah ini menjadi pilihan pelancong sebagai cenderamata untuk diberikan kepada sanak saudara dan sahabat handai. Oleh yang demikian, kek lapis Sarawak mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja pada hari perayaan, malahan pada hari biasa. Pada masa ini, kek lapis Sarawak telah menjadi sebahagian daripada ikon pelancongan Bumi Kenyalang.

Permintaan yang tinggi ini menjadikan pembuatan kek lapis ini sebagai satu industri besar di Sarawak, khususnya yang diusahakan oleh golongan wanita. Masyarakat tempatan mengambil peluang perniagaan dalam penghasilan kek lapis apabila menyedari potensinya yang memberikan pulangan lumayan. Perusahaan ini juga mendapat perhatian daripada kerajaan negeri Sarawak yang memberikan bantuan modal kepada pengusaha yang berminat untuk mengusahakannya.

Pengusaha kek lapis Sarawak mestilah menghasilkan produk yang memenuhi piawaian dari segi kualiti, pembungkusan, dan pelabelan untuk menarik minat pelanggan. Pembuatan dan penghasilan kek lapis berperanan penting kepada sektor pelancongan kerana produk ini sinonim dengan imej negeri Sarawak.



3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.





Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

# Menghadapi Rintangan



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, sampaikan pendapat anda melalui ceramah tentang peluang dalam industri yang berasaskan bidang teknikal dan vokasional.
2. Nyatakan lima peribahasa yang sesuai berdasarkan kandungan bahan. Kemudian, bina ayat dengan peribahasa tersebut.
3. Jika anda ingin menceburi industri yang berasaskan bidang teknikal dan vokasional, apakah industri yang akan anda ceburi? Mengapa?



## Maju dalam Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* menawarkan pelbagai bidang teknikal dan vokasional seperti automotif, elektrik, dan kimpalan. Para pelajar daripada bidang ini boleh menceburi pelbagai bidang industri setelah tamat latihan.



Teknologi automotif

## Modal

- Tabungan sendiri.
- Modal bersama dengan rakan kongsi.
- Bantuan daripada kerajaan.
- Pinjaman daripada bank.



Teknologi elektrik

## Latihan dan kemahiran

- Giat Mara Malaysia.
- Institut Kemahiran Mara.
- Kolej Kemahiran Tinggi Mara.
- Institut Latihan Perindustrian.
- Institut Kemahiran Belia Negara.
- Kolej Vokasional.



Seni reka fesyen







## Bahan mentah

- Memastikan bekalan bahan mentah tidak terputus.
- Berurusan dengan pembekal bahan mentah yang mempunyai reputasi yang baik.
- Menyediakan tempat menyimpan bahan mentah.



Teknologi kimpalan

## Pasaran

- Menghasilkan barangan yang berkualiti.
- Membuat pengiklanan dan promosi.
- Melebarkan pasaran domestik.
- Menjalinkan rantaian pemasaran yang kukuh.



Bakeri dan pastri




Teknologi penyejukan dan penyamanan udara

## Pengurusan

- Mentadbir perusahaan dengan efisiennya.
- Menguruskan kewangan dengan cekapnya.
- Menguruskan pekerja dengan baiknyaa.



Seni kulinari



1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui **ceramah**, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila.

4.2.1 Menggunakan peribahasa dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.





# Maju dalam Industri Mutakhir



1. Berdasarkan bahan, analisis dan senaraikan isi-isi penting karangan tentang kepentingan industri 4.0.
2. Tulis kerangka karangan berdasarkan isi-isi penting yang telah anda senaraikan.
3. Bayangkan dan ceritakan kehidupan manusia yang sangat bergantung pada robot.

## Revolusi Industri

Pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *The Fourth Industrial Revolution* menjelaskan bahawa revolusi industri 4.0 ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik, dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak. Dalam erti kata lain, hidup manusia akan dipermudah dengan bantuan robot yang bakal menjadi “kawan” yang akan menguruskan hal ehwal dan tugas harian manusia.

Melalui kemajuan dalam revolusi industri 4.0, pesanan piza yang kita lakukan melalui telefon akan dihantar dengan menggunakan perkhidmatan dron sampai di depan pintu rumah. Selain itu, segala urusan rumah seperti mencuci baju, memberikan makanan kepada haiwan kesayangan, dan mematikan alat pendingin hawa hanya perlu dilakukan dengan menekan butang di telefon pintar masing-masing. Kita tidak perlu lagi bersusah payah untuk mengambil perkhidmatan pembantu rumah.

Untuk ke pejabat pula, kita tidak perlu lagi memandu kereta kerana segala urusan pemanduan akan dikawal sepenuhnya melalui satelit ke tempat yang ingin dituju dengan selamatnya.

Senario tersebut secara perlahan-lahan telah mula berkembang dan berevolusi menjadi satu bentuk norma yang biasa pada masa akan datang. Melalui industri 4.0 ini, segala urusan harian manusia akan dikongsi dengan robot yang dicipta khusus untuk mengoptimalkan keperluan dan keselesaan manusia. Banyak aplikasi yang digunakan telah pun kita nikmati. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi navigasi seperti *Waze* atau *Google Maps* membantu pemandu dengan memberikan arahan dan maklumat laluan serta perjalanan.

Revolusi industri 4.0 memerlukan semua pihak mengadaptasi kehidupan harian seiring dengan pembangunan pesat dalam produk berteknologi dan sistem automasi lebih pintar. Malaysia antara negara yang bergerak ke hadapan dalam perkembangan ini. Langkah proaktif perlu diambil kerana beberapa buah negara seperti Jepun telah mengorak langkah ke arah industri 5.0.



### Panduan menulis kerangka penulisan adalah seperti yang berikut:

1. Tentukan skop kerangka penulisan yang hendak disediakan.
2. Baca bahan yang disediakan dengan telitinya.
3. Analisis dan pilih isi yang sesuai dengan skop kerangka penulisan.
4. Susun isi yang telah dipilih.
5. Tulis kerangka penulisan dalam bentuk yang sesuai dengan isi yang dipilih.

Kerangka penulisan boleh disediakan dalam bentuk peta pemikiran, carta alir, dan sebagainya.



## Zaman Robot


Zaman dahulu robot hanyalah sekadar mesin. Kini, kita menyaksikan robot dapat bertindak mengikut arahan yang disambungkan kepada sistem yang membolehkannya berfungsi dengan robot lain. Lebih tepat lagi, penggunaannya bersangkut paut dengan keupayaan Internet. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan menjadi lebih cekap apabila semua urusan dilakukan melalui Internet.

Sebagai contoh, penggunaan robot sebagai pengesan dalam pertanian bukan sahaja mampu menentukan keadaan cuaca, malahan berupaya memaklumkan jumlah air yang diperlukan oleh tanaman. Robot ini kemudiannya memaklumkan data tersebut kepada robot lain. Selepas itu, robot lain pula akan menghasilkan nutrien tertentu mengikut bacaan robot pengesan tadi bagi menjadikan tanaman lebih terpelihara dan lebih hebat apabila tindakan ini dilakukan setiap saat tanpa henti dalam setahun.

Dalam bidang perubatan pula, penggunaan robot berupaya untuk mempercepat proses rawatan. Dalam bidang ini, robot membantu manusia untuk menganalisis dan mendiagnosis pelbagai jenis penyakit seperti pertumbuhan kanser. Robot juga berguna untuk membantu doktor menjalankan operasi pembedahan dalam bahagian tubuh manusia yang sensitif dan sukar dilakukan dengan tangan.

Selain itu, penggunaan robot turut membawa kepentingan dalam bidang ketenteraan dan menjaga keselamatan negara. Kemajuan teknologi dalam bidang robotik boleh membantu tentera mengesan bom, periuk api, dan sebagainya. Di samping itu, robot juga memainkan peranan penting sebagai ejen perisikan dan mengesan segala pergerakan yang dirancang oleh musuh. Oleh yang demikian, keselamatan negara lebih terjamin daripada pencerobohan.

Banyak lagi tugas manusia yang boleh dilakukan oleh robot dengan lebih efektif. Manusia boleh memanfaatkan penggunaan robot untuk pelbagai tujuan. Robot boleh mengambil alih tugas manusia sebagai pekerja kilang, pembantu rumah, penghibur, dan sebagainya. Tidak mustahil suatu masa nanti, manusia akan terlalu bergantung pada robot dalam kehidupan. Robot akan berada di mana-mana untuk membantu manusia menjalankan tugas dalam pelbagai rutin kehidupan.







Pemulihan

# Industri Kraf Tangan



Aktiviti

Lengkapkan kerangka karangan di bawah.



## Usaha-usaha Memajukan Industri Kraf Tangan

TEMA 5

Memacu Produktiviti

### Pendahuluan

**Isu:** Industri kraf tangan di Malaysia berpotensi untuk dimajukan

- **Kesan** Kemajuan dalam industri ini memberikan pulangan yang lumayan kepada rakyat
- **Contoh** Kraf tangan seperti anyaman bakul, ukiran kayu, dan hasil tenunan boleh menjadi punca pendapatan
-  ...
-  ...



### Isi 1

Kerajaan mempromosikan kraf tangan Malaysia ke luar negara

- **Huraian isi** Masyarakat luar masih belum mengenali kraf tangan negara kita
- **Contoh** Mengadakan promosi secara besar-besaran melalui media massa – menganjurkan pameran kraf tangan di luar negara
- **Huraian contoh** Kraf tangan negara semakin dikenali oleh pelancong asing
- **Penegasan** Kerajaan memainkan peranan penting dalam memajukan industri kraf tangan




### Isi 2

Pengusaha menghasilkan kraf tangan yang kreatif

- **Huraian isi** Pembeli tertarik untuk membeli barangan yang terkini dan mengikut peredaran zaman
- **Contoh** Menghasilkan kraf tangan yang menarik dengan menggunakan bahan-bahan tempatan seperti cangkerang hidupan laut, buluh, dan buah kelapa
-  ...
-  ...

### Isi 3

Sokongan masyarakat terhadap kraf tangan ciptaan warga tempatan



- **Huraian isi** Kita sewajarnya menghargai titik peluh dan kreativiti rakyat Malaysia dalam menghasilkan karya seni
-  ...
-  ...
-  ...

### Isi 4

Media massa memainkan peranan untuk memperkenalkan kraf tangan tempatan

-  ...
-  ...
-  ...
-  ...

### Kesimpulan

- **Kesimpulan** Kraf tangan yang menjadi lambang kebudayaan dan kesenian perlu dipertahankan
- **Cadangan** Semua pihak perlu berganding bahu untuk memajukan industri kraf tangan negara
-  ...
-  ...








# Teka Silang Kata



Lengkapkan teka silang kata di bawah dengan perkataan yang tepat dan bandingkan jawapan dengan rakan anda. Kemudian, bina ayat lain dengan perkataan tersebut.



## Menegak

1. Harga bahan mentah untuk membuat keropok lekor \_\_\_\_\_ naik.
2. Anda tidak akan berjaya dalam perusahaan kek lapis jika \_\_\_\_\_ sahaja.
3. Sektor perindustrian mula \_\_\_\_\_ pada industri berat pada tahun 1980-an.
4. Industri tekstil di Malaysia menggunakan mesin yang canggih dan \_\_\_\_\_ tinggi.
5. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) membantu syarikat yang \_\_\_\_\_ untuk melabur dalam sektor perkilangan.
7. Hasil pengeluaran syarikatnya \_\_\_\_\_ mendadak pada bulan lepas.

## Melintang

2. Sektor perkilangan \_\_\_\_\_ pemacu utama eksport negara.
6. Encik Bakri telah \_\_\_\_\_ untuk mengumpulkan wang bagi membuka kilang kek dan roti.
8. Semangat Syamila semakin \_\_\_\_\_ untuk memperluas pasaran alat kosmetik yang dihasilkannya.
9. Kehadiran industri 4.0 pasti \_\_\_\_\_ dan kesannya akan dirasai oleh seluruh dunia termasuk Malaysia.
10. Arif \_\_\_\_\_ seorang diri memikirkan cara untuk meningkatkan prestasi jualan kilangnya yang semakin menurun.
11. Pasaran sesuatu barangan \_\_\_\_\_ pada saiz penduduk, kuasa beli pengguna, dan kualiti barangan tersebut.



Sejenak terpaku melihat negaraku  
Dipayungi adat, budaya, seni, budi pekerti tinggi  
Dilimpahi juadah istimewa cita rasa tradisi  
Dilatari alam semula jadi indah tak terperi.



## TEMA 6

# DUNIA PELANCONGAN

1. Apakah pelancongan gastronomi?
2. Antara taman negara dengan gua, yang manakah yang menjadi destinasi pilihan? Mengapa?
3. Pernahkah anda menyertai gotong-royong ketika melancong? Jelaskan.
4. Apakah yang ada di Pos Kuala Mu yang menjadi tumpuan pelancong?









Mendengar dan Bertutur

# Malaysia Syurga Makanan



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, kemukakan pendapat anda dalam perbualan santai secara bertatasusila.
2. Lengkapkan itinerari pelancongan gastronomi bagi negeri-negeri lain di Malaysia.



TEMA 6

Dunia Pelancongan



## Pelancongan Gastronomi

Tujuan aktiviti melancong bermacam-macam. Ada yang melancong untuk merehatkan minda dan tubuh badan. Ada yang melancong untuk memperkaya pengetahuan dan pengalaman. Ada pula yang melancong untuk meluaskan pandangan dan pelbagai lagi tujuan. Namun, kali ini saya akan membawa anda melancong untuk menikmati makanan. Mari rancang itinerari pelancongan gastronomi bagi menikmati beberapa jenis makanan yang terkenal di negeri Kelantan dan Terengganu.

### Jeli

- \* nasi kerabu kuali gelegak
- \* mi udang galah
- \* sambal pijat



### Gua Musang

- \* nasi daging rusa
- \* nasi daging kijang
- \* kuih bauli



## Kota Bharu

- \* nasi ulam, nasi kerabu, nasi kukus ayam berempah, nasi kerabu daging bakar
- \* martabak raja, sotong sumbat

## Setiu

- \* ikan, udang, dan sotong celup tepung Pantai Penarik dan Pantai Rhu Sepuluh

## Kuala Terengganu

- \* laksa Terengganu, laksam
- \* nasi dagang, keropok lekor
- \* singgang, masak gulai

## Dungun

- \* mi atau mihun Champa
- \* satar goreng

## Kijal

- \* lemag
- \* lempeng nyiur

## Chukai

- \* satar, pais ikan, otak-otak, pulut lepa Kampung Geliga
- \* kuih-muih tradisional Pasar Binjai Lama

## Pasir Puteh

- \* makanan laut di Tok Bali
- \* kuih buah tanjung

# KELANTAN

Kota Bharu

Pasir Puteh

Gua Musang

Setiu

# TERENGGANU

Kuala Terengganu

Dungun

Kijal

Chukai





Membaca



Seni Bahasa

# Tahan Menghijau



Aktiviti

1. Baca bahan. Kemudian, nilai bentuk serta kandungan teks bahan tersebut dengan betulnya dan tepatness dengan menggunakan Borang Penilaian Kendiri.
2. Analisis penggunaan peribahasa dalam bahan. Kemudian, bina perenggan berdasarkan peribahasa yang sesuai dan hubung kaitkan maksudnya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat tentang keistimewaan Gunung Tahan dan sediakan brosur yang dapat dijadikan panduan oleh pelancong.

TEMA 6

Dunia Pelancongan

## Panggilan Tahan

Tatkala tiba di jeti Kuala Tahan, kami mulai memunggah barang-barang ke dalam bot panjang yang akan membawa kami ke seberang. Ketika itu, hujan halau mentua pun turun. Kak long kelam-kabut cuba menyelamatkan beg sandangnya daripada terkena air hujan. Tanpa banyak soal, adik mengambil beg plastik yang agak besar lalu menyarungkan beg kak long ke dalamnya. Kak long berasa kagum dengan tindakan adik.

“Wah, kecil-kecil cili padi!” Kembang hidung adik dipuji kak long.

“Itulah kak long. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.”

Sindir aku mengingatkan kak long tentang peristiwa semalam apabila kak long mentertawakan adik yang menggunakan wang simpanannya untuk membeli beg kalis air.

Kak long menjeling tajam lalu menjawab, “Ala, masalah kecil sahaja! Bukankah peribahasa ada mengingatkan, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai?”



## Litar Bukit Tereseck

### 1. Bulatan Paya

- Perjalanan sejauh 630 meter meniti pelantar laluan.
- Memerhatikan ayam pegar mengais makanan.

### 2. Bumbun Tahan

- Pondok pemerhatian hidupan liar di kawasan padang ragut.
- Sering dikunjungi mamalia ungulata seperti rusa sambar, kijang, dan babi hutan.

### 3. Titian Kanopi

- Berjalan kaki ke titian ini mengambil masa 45 minit, namun khidmat bot dari Sungai Tembeling ada disediakan.
- Merentas titian kanopi sepanjang 510 meter mengambil masa 40 minit.

### 4. Bukit Tereseck

- Terdapat dua buah tinjau di puncak bukit. Tinjau pertama menghadap Sungai Tembeling. Tinjau kedua pemandangan pergunungan dan Sungai Tahan.
- Jenut muda yang terdiri daripada dua kolam berlumpur akan ditemukan dalam perjalanan turun ke Sungai Tahan.

### 5. Lubuk Simpon

- Berjalan kaki di atas pelantar laluan dari Pusat Pelawat mengambil masa 20 minit.
- Mempunyai tebing yang berpasir dan cetek.
- Amat sesuai untuk berkelah dan berenang.

(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan))

“Tapi, kita bukannya hendak ke pantai. Taman negara mana ada laut, mana ada ombak!” sampuk adik.

“Itu peribahasalah,” jelas kak long.

Setibanya di seberang sungai, aku, ayah, ibu, kak long, dan adik berjalan ke arah tempat penginapan kami untuk mendaftar masuk. Ayah menyewa sebuah calet besar yang memuatkan kami berlima dengan selesanya. Ayah juga menjelaskan bahawa di pintu masuk Kuala Tahan ini ada empat rangkaian rentis yang sering dilalui oleh pengunjung taman negara, iaitu Rentis Bukit Tereseck, Rentis Sungai Tahan, Rentis Kuala Trenggan-Kuala Keniam, dan Rentis Sungai Tenor. Bersesuaian dengan percutian keluarga, ayah memilih Rentis Bukit Tereseck untuk menerokai keindahan taman negara.

Aku sudah tidak sabar-sabar lagi. Gunung Tahan seolah-olah memanggilku dari kejauhan. Namun, aku akur apabila ayah meminta kami berehat dan menunaikan solat dahulu. Ah, takkan lari gunung dikejar! Tahan, tunggu aku!

2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

4.2.1 Menggunakan peribahasa dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.







Aktiviti

1. Analisis maklumat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan pendahuluan jenis sejarah, suasana, dan peribahasa.
2. Kenal pasti kata kerja transitif yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina ayat dengan menggunakan kata kerja tersebut mengikut konteks.
3. Terokai tempat pelancongan yang menawarkan aktiviti yang unik dan luar biasa. Kemudian, persembakkannya dalam bentuk kreatif.

## Mulu - Mencipta Kelainan

Bosan akan percutian yang sama - di tepi pantai atau beriang ria di kota raya metropolitan? Jom ke Taman Negara Mulu, Sarawak. Pelbagai kelainan dapat dicipta.

### Taman Negara Mulu

Menghiasi taman negara ini ialah Gunung Mulu yang merupakan gunung batu pasir setinggi kira-kira 2377 meter dan mempunyai sejarah yang berusia lebih daripada 1.5 juta tahun lamanya. Gunung Mulu juga telah diisytiharkan sebagai salah satu tapak warisan dunia pada tahun 2000 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

### Amat sesuai

- 1 Melarikan diri daripada kesibukan kota.
- 2 Mendambakan ketenangan.
- 3 Menginginkan kegiatan lasak.



Luasnya 52 864 hektar dan mempunyai kira-kira 3500 spesies tumbuhan vaskular.

Khazanah hutan diperkaya dengan 109 spesies palma daripada 20 genus.

Dihiasi pancang batu kapur tajam, iaitu *The Pinnacles* yang merupakan contoh luluhawa batu kapur tropika terbaik di dunia.

## Tarikan Taman Negara Mulu:

Mempunyai terowong gua yang terbesar di dunia, iaitu Gua Rusa.

Rangkaian gua terpanjang di dunia dengan empat buah gua utama, iaitu Gua Rusa, Gua Lang, Gua Jernih, dan Gua Angin.

Kamar Sarawak, iaitu ruang bawah tanah terbesar di dunia ditemukan di sini.

Keterujaan merentasi laluan udara kanopi yang panjangnya 480 meter.

### bagi mereka yang rendah gunung tinggi harapan

- 4** Menyokong aktiviti pelancongan tempatan:
- \* Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.
  - \* Jauhari sahaja yang mengenal manikam.
  - \* Indah khabar daripada rupa.

- 5** Menginginkan pemandangan yang menakjubkan:
- \* Bentuk geografi yang unik.
  - \* Hutan dara tropika.
  - \* Gua batu kapur.
  - \* Lingkaran air batu yang jernih macam cermin.
  - \* Berjuta-juta kelawar dan burung layang-layang gua berterbangan pada waktu senja.

(Sumber: Sarawak Tourism Board)

3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.

5.2.2 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks.





Mendengar dan Bertutur

# Pelancong Hijau



Aktiviti

1. Berdasarkan maklumat dalam bahan, sampaikan pendapat anda dengan yakinnya secara bertatasusila dalam bentuk syarahan.
2. Cari maklumat tambahan tentang pertubuhan yang menyokong gerakan ekopelancongan.



## Sebarkan Mesej Lestarikan Alam

Sebagai pelancong, kita memiliki tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam apa-apa keadaan sekalipun seperti tanggungjawab kita dalam penjagaan alam sekitar. Kini, pelancongan hijau yang menyebarkan mesej lestarikan alam sekitar semakin mendapat tempat di seluruh dunia.



### Ciri-ciri Pelancong Hijau

1

Memilih penginapan yang berkonsepkan hotel hijau yang diperakukan.

2

Membeli produk tempatan yang mesra alam, contohnya makanan organik.

3

Berjalan kaki, menggunakan basikal, atau pengangkutan awam.

4

Berjimat dalam penggunaan air, elektrik, dan tenaga yang tidak boleh dibaharui.

5

Mengurangkan penghasilan sampah. Membawa atau membeli peralatan mesra alam seperti botol air pakai ulang, beg beli-belah, dan penyedut minuman.

6

Mengambil tahu, menyokong, dan menyertai kegiatan setempat yang berkaitan dengan pelestarian alam sekitar, contohnya gotong-royong atau aktiviti yang dianjurkan oleh *Trash Hero*.







## Trash Hero Langkawi

- Ditubuhkan pada tahun 2015.
- Bertujuan untuk memberikan kesedaran berkaitan dengan kepentingan penjagaan kebersihan dan alam semula jadi kepada masyarakat umum.
- Merupakan *Trash Hero* yang pertama di Malaysia.
- Kejayaan yang dicapai:
  - Dilantik sebagai rakan kongsi *Langkawi UNESCO Global Geopark* (LUGGp).
  - Menjalankan aktiviti pembersihan pada pukul 10:00 pagi setiap Sabtu di tempat yang ditetapkan dari masa ke masa.
  - Mendapat sokongan daripada:
    - Agensi kerajaan dan swasta.
    - Sukarelawan dalam negara berjumlah lebih lima ribu orang.
    - Sukarelawan luar negara berjumlah lebih satu ribu orang.

(Sumber: *Trash Hero* Langkawi)

## Tahukah anda?

- Sumbangan secara langsung industri pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 6.1 peratus dengan nilai RM82.6 bilion pada tahun 2017 berbanding dengan RM76.6 bilion pada tahun 2016.
- Beli-belah kekal sebagai komponen terbesar dalam produk pelancongan dengan nilai RM26.8 bilion pada tahun 2017 diikuti penginapan (RM20.7 bilion) dan pengangkutan (RM15.0 bilion).
- Pelancong antarabangsa mengalami penurunan daripada 26.8 juta orang pada tahun 2016 kepada 25.9 juta orang pada tahun 2017, manakala bilangan pelawat tempatan mencatatkan peningkatan sebanyak 205.4 juta orang daripada 189.3 juta orang.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/09/473549/pelancongan-sumbang-149-peratus-ekonomi-negara>)

1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, **syarahan** dan forum dengan yakin secara bertatasusila.





# Pos Kuala Mu



1. Baca, kenal pasti, dan jelaskan maklumat tersurat dan tersirat daripada bahan.
2. Laksanakan kajian lapangan untuk mengenal pasti kegiatan pelancongan yang menarik di tempat anda. Kemudian, cadangkan usaha-usaha untuk mempromosikannya.

## Jom Berkelah

Tatkala terasa ingin keluar daripada hiruk-pikuk kota, bayangkan suasana damai di pinggir hutan. Bayangkan juga kesegaran dan kenyamanan udara gunung serta deruan jeram yang menjadi terapi minda yang kepenatan. Impikan juga nyanyian cengkerik yang bersahut-sahutan menguliti tidur malam. Tatkala itu berlaku, jom ke Pos Kuala Mu, di Sungai Siput, Perak untuk berehat dan menyatukan diri dengan alam semula jadi.



### Calet dan Tapak Perkhemahan Kampung Gapeh

- Mempunyai lima unit calet, satu unit rumah papan dua bilik, tandas, ruangan barbeku, empat unit wakaf, dan tapak perkhemahan.
- Antara aktiviti yang ditawarkan ialah lawatan ke taman herba, memancing ikan tengas, menjelajah Gunung Yong Yap, dan menyaksikan tarian sewang.
- Suhu airnya unik, iaitu sejuk dan suam kerana terletak di pertemuan antara dua batang sungai, iaitu Sungai Pelus dengan Sungai Mu.

### Calet Dusun Kuala Mu

- Mempunyai enam belas unit calet, tandas, balai adat, ruang barbeku, dan peralatan memasak serta tiga unit wakaf.
- Lokasi calet di dalam dusun.
- Antara aktiviti yang ditawarkan ialah pakej memancing, merentas hutan ke Air Terjun Lubuk Taring, mendaki hutan lumut Gunung Tapej, lawatan ke balai kraf tangan, dan nurseri herba.



## Calet Kampung Bersah

- Mempunyai dua puluh unit calet, balai adat, enam unit wakaf, tandas, dan peralatan barbeku.
- Menyediakan pakej makan tengah hari, minum petang, dan makan malam menu kampung.
- Berhampiran dengan jalan utama.
- Antara aktiviti yang ditawarkan ialah pakej memancing, merentas hutan ke air terjun dan lokasi bunga pakma, lawatan ke Santuari Ikan Tengas, dan demonstrasi anyaman oleh penduduk tempatan.



**Encik Hamid bin M. Raffi,**  
Pengerusi Majlis  
Pembangunan Komuniti  
Kampung (MPKK) Orang  
Asli, Kampung Gapeh.

“Pelestarian alam semula jadi menjadi keutamaan kami ketika membangunkan projek ekopelancongan ini. Keindahan dan keunikan kampung ingin kami kongsi dengan pelancong tempatan dan luar negara. Projek ini telah mengubah kehidupan kami dan semoga akan mengubah kehidupan kita semua.”



**Tok Batin Hadu bin Long,**  
Kampung Bersah.

“Di Pos Kuala Mu, calet yang diperbuat daripada buluh dan bertam disediakan untuk pengunjung. Calet ini mempunyai nilai seni suku kaum Temiar yang menjadi kebanggaan kami. Bagi yang berhasrat untuk berkelah dan bermandi-manda sahaja, pondok-pondok rehat juga disediakan. Apakah yang ditunggu lagi? Silakanlah ke Pos Kuala Mu.”



**Tok Batin Jamal bin Ngah,**  
Kampung Toh, Pos Kuala Mu.

“Sejak dibuka, Pos Kuala Mu tidak putus-putus menerima kedatangan pelancong. Ada yang datang dengan keluarga kerana jeram yang jernih dan cetek ini sesuai untuk mereka. Banyak juga yang datang secara berkonvoi sama ada berkereta atau bermotosikal. Atas sokongan semua, ribuan terima kasih kami ucapkan. Silalah datang lagi.”

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia)









# Sambil Menyelam Minum Air



Berdasarkan bahan, bina perenggan pendahuluan yang telah anda pelajari.

## Kembara Ilmu

Mari melancong sambil belajar, di eDU-PARK, Universiti Putra Malaysia. Pelancongan pendidikan ini sesuai untuk mereka yang mendambakan pengalaman baharu sambil “Bermain, Belajar, dan Kekal Bertenaga”.





### Pelan Tapak Taman Pelancongan Pendidikan Universiti Putra Malaysia



TEMA 6

Dunia Pelancongan

### Keistimewaan eDU-PARK:

-  **1** Pengalaman pembelajaran untuk semua peringkat usia.
-  **2** Landskap hijau dan pemandangan ladang yang luas.
-  **3** Peluang mempelajari proses menjalankan penyelidikan.
-  **4** Pembelajaran yang kondusif berserta panduan oleh pakar yang berpengalaman dan terlatih.

(Sumber: Universiti Putra Malaysia)





Berdasarkan bahan, sampaikan syarahan dengan yakinnya dan bertatasusila.

## Faedah Melancong

- ✓ Berehat.
- ✓ Menenangkan minda.
- ✓ Meredakan tekanan.

- ✓ Bersama keluarga dan rakan.
- ✓ Mengeratkan tali silaturahmi.

- ✓ Belajar daripada pengalaman.
- ✓ Belajar daripada pemerhatian.
- ✓ Meluaskan horizon pemikiran.
- ✓ Jauh berjalan luas pandangan.

- ✓ Meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal.
- ✓ Melakukan pelbagai aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berbasikal, berenang, dan mendaki.

- ✓ Mengembalikan tenaga dan semangat.
- ✓ Menikmati keindahan alam dan udara yang segar.
- ✓ Menjadikan mental dan emosi lebih positif dan ceria.

- ✓ Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.
- ✓ Lebih menghargai dan mencintai negara sendiri.





Kedamaian bertakhta  
Tatkala tindakan dipagari peraturan  
Fikiran disirami kewaspadaan  
Hati dibungai keselamatan.

## TEMA 7

# DEMI KEDAMAIAN

1. Adakah anda mahu berasa seronok dan selamat dalam aktiviti yang dilakukan? Mengapa?
2. Apakah ancaman-ancaman yang ada di sekeliling kita?
3. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang sukarelawan?






# Muafakat Korporat



1. Dengar dan analisis maklumat dalam bahan. Kemudian, jelaskan maklumat tersebut.
2. Kenal pasti tanda-tanda ancaman atau bahaya yang ada di kawasan persekitaran dan cadangkan langkah untuk mengatasinya.

## NIOSH Menyantuni Sekolah

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) atau Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara ditubuhkan pada tahun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia. NIOSH Malaysia berfungsi untuk mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat dalam sektor pekerjaan termasuk di sekolah. Sehubungan dengan itu, atas kesedaran tentang tanggungjawab sosial korporat, NIOSH telah menyantuni sekolah melalui Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di sekolah sejak tahun 2015.











# Jebak Digital



Aktiviti

1. Baca, analisis, dan cari persamaan serta perbezaan maklumat dalam bahan. Kemudian, catat maklumat dalam bentuk pengurusan grafik banding beza.
2. Kenal pasti kata adjektif dalam bahan. Kemudian, gunakannya semula dengan betulnya mengikut konteks.
3. Kenal pasti teknik yang digunakan oleh penjenayah digital untuk memerangkap mangsa dan bincangkannya.



## Modus Operandi Sindiket Penipuan

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang kuat dalam kehidupan pada zaman milenium ini menyebabkan modus operandi para penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon bimbit sebagai saluran modus operandi semakin berleluasa dan masalah ini mesti dibanteras segera.


### Kes Pesona Cinta Siber

Perkenalan di alam siber membungkan cinta dalam masa yang singkat lalu mangsa terjebak dalam cinta jarak jauh. Akibat lemas dalam ayat cinta dan janji manis yang amat mempesonakan, mangsa tidak ragu-ragu untuk berkorban wang ringgit dan harta benda asalkan orang yang disayangi dapat segera keluar daripada masalah yang direka. Selalunya penipuan ini lambat disedari, iaitu hanya setelah mangsa mengalami kerugian yang besar. Peristiwa ditipu bulat-bulat oleh penyangak siber sering terjadi terhadap mangsa yang lurus, pendiam, dan pendek akal. Peristiwa hitam ini menjadi kenangan pahit seumur hidup mereka. Oleh itu, berhati-hatilah. Janganlah terlalu mudah meletakkan kepercayaan kepada orang yang baru dikenali.



### Kes Penipuan Macau

Dalam kes ini, penyangak digital begitu berani menyamar sebagai pegawai polis, pegawai mahkamah, pegawai bank, atau pegawai kastam. Mereka nekad menelefon mangsa dan membawa khabar buruk tentang keterlibatan mangsa dalam masalah perundangan atau kewangan. Penjenayah ini amat licik dan petah berkata-kata sehingga mangsa berasa gundah-gulana, cemas, kebingungan, dan ketakutan lantas benar-benar percaya bahawa mereka terlibat tanpa berfikir panjang. Mereka kemudiannya tanpa segan silu menawarkan bantuan untuk menyelesaikan masalah tersebut dan secara terang-terangan meminta bayaran. Namun, sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga.





## Langkah Mengatasi

### Panggilan Palsu

1. Jangan hubungi nombor yang diberikan melalui SMS untuk membuat sebarang pengesahan. Sebaliknya hubungi pihak agensi atau bank yang berkenaan melalui talian bantuan yang diperoleh daripada laman sesawang agensi tersebut.
2. Semak perkataan, ayat, dan tatabahasa di dalam teks SMS tersebut. Jikalau terdapat kesalahan, abaikan sahaja SMS tersebut.
3. Hubungi penyedia perkhidmatan anda untuk menyekat nombor SMS spam yang diterima.

1. Jika anda menerima panggilan daripada bank atau penguat kuasa undang-undang mengenai masalah tertentu, jangan panik. Katakan bahawa anda tidak boleh bercakap panjang. Minta butiran diri pemanggil seperti nama penuh, jawatan, tempat bertugas, dan nombor telefon agar anda dapat menghubunginya semula. Kemudian, semak maklumat yang diberikan untuk memastikan kesahihannya. Jika sahih, hubungi mereka semula untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Pergi ke pejabat mereka, jika perlu.
2. Jangan jawab panggilan telefon daripada nombor telefon luar negara yang pelik atau yang tidak dikenali. Putuskan panggilan, biarkan berdering atau alihkan ke peti mel suara anda.
3. Jangan sewenang-wenangnya memberikan maklumat peribadi yang sulit kepada pihak yang tidak berkenaan. Jika pihak tersebut bersungguh-sungguh memintanya, tamatkan panggilan tersebut.
4. Jangan muat turun apa-apa aplikasi sekiranya anda diminta berbuat demikian kerana dikhuatiri aplikasi itu mengandungi perisian hasad atau perisian intip yang dapat mendedahkan butiran peribadi anda.
5. Hubungi penyedia perkhidmatan telefon jika anda menerima panggilan yang tidak dikenali berulang kali.

### Penipuan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

- 2.3.2 Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
- 5.2.3 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata adjektif dengan betul mengikut konteks.





Menulis

# Geruh-gerah Badan Air



Aktiviti

1. Berdasarkan maklumat dalam bahan, tulis perenggan pendahuluan jenis suasana, persoalan, statistik, dan gabungan.
2. Terokai punca-punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan di badan air dengan mengambil kira pelbagai faktor. Kemudian, persembahkannya.

## Menghidu Bahaya

Peribahasa bagi itik mendapat air bermaksud kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai. Berdasarkan peribahasa tersebut, dapat dibayangkan betapa gembiranya itik tatkala berenang di dalam air. Begitulah juga dengan manusia. Bezanya, tidak pernah lagi kita temukan insiden itik lemas. Oleh itu, sentiasalah berawas kerana kalau tidak beradada, takkan tempua bersarang rendah, dan kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang. Ambil langkah berjaga-jaga kerana peribahasa ada menggambarkan bahawa air tenang jangan disangka tiada buaya. Kenali risiko-risiko yang ada di badan air agar aktiviti riadah dapat dinikmati tanpa rasa gundah.



Tasik: Kedalaman berbeza, objek berbahaya di dalam air, dan haiwan berbahaya

Pantai: Kedalaman yang berbeza, ombak besar, arus karau, dan haiwan berbahaya



## Panduan Keselamatan di Badan Air

- 1 Kenal pasti kemampuan diri dan keluarga.
- 2 Patuhi papan tanda/bendera keselamatan.
- 3 Dengar dan fahami taklimat keselamatan.
- 4 Kenal pasti risiko di badan air.
- 5 Tahu keadaan cuaca dan air pasang surut.
- 6 Tahu teknik menyelamatkan mangsa.
- 7 Bersiap sedia menghadapi kemungkinan.
- 8 Bergerak ke tempat selamat jika kejang otot.
- 9 Jangan berenang bersendirian.
- 10 Jangan melakukan aktiviti air jika sakit.
- 11 Jangan berada terlalu lama di dalam air.
- 12 Jangan berenang jika terlalu lapar atau terlalu kenyang.

**Sungai:** Kepala air, arus deras, tebing curam, permukaan licin, dan haiwan berbahaya

**Air terjun:** Kepala air, permukaan batu licin, tebing curam, objek jatuh dari tebing, objek berbahaya di dalam air, dan penyakit bawaan air

### Operasi Lemas yang Dihadiri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Tahun 2018

Jenis Insiden Lemas	Kehadiran JBPM	Meninggal Dunia	Cedera	Diselamatkan (Tidak Cedera)
Pantai	84	58	5	36
Sungai/Tali Air	225	182	0	30
Tasik/Lombong	37	39	0	2
Air Terjun/Jeram	27	27	0	3
Pembentungan	7	3	1	2
Jumlah Keseluruhan	380	309	6	73

(Sumber: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia)

3.4.2 Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis.





Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

# Gema Belantara




Aktiviti


1. Baca bahan dan persembahkannya semula dalam bentuk forum dengan yakinnya secara bertatasusila.
2. Berdasarkan bahan, tulis skrip drama dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.
3. Anda dan rakan-rakan akan mengikuti program jelajah hutan. Sebagai persediaan, cadangkan tiga jenis latihan yang diperlukan serta jelaskan sebab-sebabnya.

## Apabila Sang Monyet Berhenti Mengerih

Udara yang nyaman, pohon kehijauan yang merimbun dan mengagumkan, serta laluan hutan yang pelbagai cabaran menjadikan aktiviti jelajah hutan begitu mengujakan. Namun, peminat jelajah hutan perlu ingat bahawa hutan ini ada penghuninya. Kehadiran anda mungkin tidak dialu-alukan. Berwaspadalah sentiasa.







(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan))

1.4.2 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara melalui ceramah, syarahan dan forum dengan yakin secara bertatasusila.

4.3.1 Menghasilkan skrip drama secara berpandu dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.





# Tentang Bulan



1. Analisis maklumat dalam bahan dan tulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis.
2. Tulis pendapat tentang punca kurangnya penglibatan murid dalam kerja khidmat masyarakat dan cadangkan langkah mengatasinya.



## Misi Suci Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)



### Sejarah Awal Penubuhan

Cawangan Palang Merah yang pertama di negara ini telah ditubuhkan pada bulan April tahun 1948 di Borneo Utara (sekarang Sabah) sebagai Cawangan Palang Merah British. Palang Merah Malaysia ditukarkan nama kepada Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) pada tahun 1975 di bawah Akta 162 Akta Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama) 1975 dan kekal sehingga sekarang.

### Tujuan Penubuhan

**Mengendalikan dan menolong tugas di seluruh dunia:**

Dalam masa aman atau perang:

- meningkatkan kesihatan.
- mencegah penyakit.
- meringankan penderitaan.

Dalam masa perang:

- memberikan bantuan sukarela kepada mereka yang sakit, cedera, dan menderita akibat peperangan sama ada tentera atau bukan tentera, tawanan perang, dan orang awam.

### Antara Misi Bantuan BSMM

Dalam Negara	Luar Negara
Tanah Runtuh Bukit Antarabangsa, Ulu Klang, Selangor (2010)	Taufan Haiyan, Leyte, Filipina (2013) - Bantuan kemanusiaan
Tanah Runtuh Rumah Anak Yatim Al-Takwa, Kajang, Selangor (2011)	Gempa Bumi Kathmandu, Nepal (2015) - Bantuan kemanusiaan, mencari, dan menyelamatkan
Struktur Jejambat Pejalan Kaki Runtuh Eco City-Mid Valley (2016)	Gempa Bumi dan Tsunami Palu, Sulawesi, Indonesia (2018) - Bantuan kemanusiaan





Pertolongan cemas

Bantuan selimut pada musim sejuk

Kerjasama dengan pasukan penyelamat yang lain

## Bentuk Bantuan BSMM

Agihan bantuan makanan, pakaian, dan perubatan

Misi bantuan di Pakistan untuk pembinaan letempatan sementara

## Kenali Sukarelawan BSMM

Encik John Lam Ah Kian ialah sukarelawan bagi misi Pasukan Tindakan Bencana Serantau di bawah Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Beliau merupakan pesara yang berusia 66 tahun dan menggalas tugas sebagai Timbalan Pengerusi, Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Sarawak. Antara penglibatan beliau di luar negara dalam misi Pasukan Tindakan Bencana Serantau ialah:

- (i) Banda Aceh, Sumatera, Indonesia (2004 - Tsunami).
- (ii) Pulau Nias, Indonesia (2005 - Gempa Bumi).
- (iii) Pakistan (2005 - Gempa Bumi).
- (iv) Jogjakarta, Indonesia (2006 - Gempa Bumi).
- (v) Pulau Lombok, Indonesia (2018 - Gempa Bumi).

Encik John Lam Ah Kian berpendapat bahawa seseorang sukarelawan mestilah sangat komited, prihatin, penyayang, berkepemimpinan, dan terlatih. Di samping itu, sukarelawan juga perlu sihat fizikal dan mental serta emosi, tabah, dan mudah menyesuaikan diri dalam keadaan paling sukar.

(Sumber: Bulan Sabit Merah Malaysia)

3.4.3 Menulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis.





Penilaian

### Soalan 1

*Anda dan tiga orang rakan berhasrat untuk menyertai ekspedisi mendaki gunung semasa cuti persekolahan yang akan bermula pada bulan hadapan. Rajah di bawah ialah catatan anda tentang perkara-perkara penting yang perlu diambil kira semasa merancang ekspedisi tersebut bagi membantu anda membuat persediaan.*

*Huraikan perkara-perkara penting tersebut.*

TEMA 7

Demi Kedamaian





**Soalan 2**

Pilih satu daripada soalan di bawah. Kemudian, senaraikan isi-isi penting dalam bentuk rangka karangan dan tulis karangan dengan menggunakan ayat yang gramatis serta menarik.

1. Di tepi rumah anda terdapat sebuah kawasan lapang. Anda bercadang untuk bercucuk tanam di kawasan itu.  
Jelaskan tindakan-tindakan yang anda ambil bagi merealisasikan cadangan tersebut.
2. Rakan anda bercadang untuk bercuti dengan keluarganya lalu meminta pandangan anda. Tulis surat kepadanya untuk mencadangkan destinasi percutian yang sesuai dan menarik bagi mereka seisi keluarga.  
Tulis surat tersebut selengkapnya.
3. Sektor penternakan berpotensi untuk berkembang maju.  
Huraikan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan untuk memajukan sektor ini.

**Soalan 3**

Analisis jadual di bawah tentang Statistik Kemasukan Pelancong ke Pulau Tioman, Pahang bagi Tahun 2017.

Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam jadual, tulis pendapat anda tentang kemasukan pelancong ke Pulau Tioman, Pahang bagi tahun 2017.

**Statistik Kemasukan Pelancong ke Pulau Tioman, Pahang bagi Tahun 2017**

Bulan	Negara			Jumlah
	Antarabangsa	ASEAN	Malaysia	
Januari	1288	528	4526	6342
Februari	1417	207	3737	5361
Mac	4785	3003	21 687	29 475
April	4237	4152	23 095	31 484
Mei	2892	2635	24 405	29 932
Jun	9043	3902	23 036	35 981
Julai	6127	3891	19 764	29 782
Ogos	6923	3402	25 716	36 041
September	4618	1172	21 159	26 949
Oktober	1466	256	20 753	22 475
November	1752	1350	2356	5458
Disember	756	744	2511	4011
<b>Jumlah</b>	<b>45 304</b>	<b>25 242</b>	<b>192 745</b>	<b>263 291</b>

(Sumber: [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-kemasukan-pelancong-ke-pulau-tioman/resource/74016a39-daa4-4375-b217-333d2381455c](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-kemasukan-pelancong-ke-pulau-tioman/resource/74016a39-daa4-4375-b217-333d2381455c))



**Soalan 4**

Baca kedua-dua petikan dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Petikan 1**

Jam sudah menunjukkan pukul 6:00 pagi. Fajar sudah menyingsing. Cahaya matahari sudah menyingkap tabir subuh memancarkan sinaran paginya ke arah Bukit Kepong. Bukit Kepong mulai terang. Tembakan kedua-dua pihak terus hebat. Pasukan Sarjan Jamil Mohd. Shah masih kuat bertahan, pasukan komunis masih gagal masuk ke kawasan kompleks polis.

Tiba-tiba Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya mendengar bunyi *bugle* ditiupkan buat kali kedua. Bunyi tembakan musuh mula mereda, kemudian terus senyap. Tiba-tiba suara parau berkumandang di udara melalui satu corong pembesar suara.

“Polis, ooi pols, menyerah!” jerit Madera.

“Polis, baik menyerah! Awak semua sudah terkepung!” jerit Madera sekali lagi.

“Polis tidak menyerah, kami tidak akan menyerah!” jerit Othman Yusuf penuh semangat. Jeritan Othman Yusuf **menaikkan bulu roma** rakan-rakannya. Sarjan Jamil Mohd. Shah dan anak buahnya akur sahaja dengan jawapan Othman Yusuf tadi.

“Kita ke sini bukan untuk menyerah, kita menjalankan amanah dan tanggungjawab!” kata Sarjan Jamil Mohd. Shah kuat, memberikan semangat kepada anak buahnya.

“Polis tidak akan menyerah, kami akan lawan!” jerit kuat Sarjan Jamil Mohd. Shah. Anak buahnya sedang bertahan di dalam kubu masing-masing mematikan diri sambil bersiap sedia dengan senjata dihalakan ke arah musuh.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Bukit Kepong*, Ismail Johari, 1999, Dewan Bahasa dan Pustaka)

**Petikan 2****Pahlawan dan Tanah Air**

Pahlawan sejati,  
**Dalam hatinya bernyanyi,**  
Tanah air dan bangsa,  
Di mana terpaut cinta mulia,  
Untukmu darah ini mengalir,  
Padanya jasad ini cair.

Usman Awang  
1958

(Sumber: Dipetik daripada *Puisi-puisi Pilihan Sasterawan Negara*, Usman Awang, 1991, Dewan Bahasa dan Pustaka)



1. Bagaimanakah keadaan di kompleks polis Bukit Kepong pada pagi itu?
2. Apakah yang berlaku apabila tembakan mulai mereda?
3. Apakah maksud rangkai kata **menaikkan bulu roma**?
4. Wajarkah Sarjan Jamil Mohd. Shah tetap bertahan walaupun mereka telah terkepung? Jelaskan pendapat anda.
5. Apakah ciri-ciri pahlawan sejati yang terdapat dalam sajak?
6. Pada pendapat anda, mengapakah penyajak mengatakan bahawa pahlawan sejati **dalam hatinya bernyanyi**?
7. Pada pendapat anda, apakah persamaan yang terdapat dalam Petikan 1 dan Petikan 2?
8. Sekiranya musuh negara mengancam kita, apakah tindakan yang akan anda lakukan?

### Soalan 5

Jawab soalan-soalan di bawah ini.

- a. Bina ayat menggunakan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya.
 

i. awur-awuran	iii. hiruk-pikuk	v. berlegar-legar
ii. besar-besaran	iv. huru-hara	vi. berputar-putar
  
- b. Kenal pasti kesalahan penggunaan kata yang terdapat dalam ayat. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.
  1. Buah-buahan yang telah masak ranum itu jatuh bergelimpangan di atas tanah.
  2. Ibu memasukkan telur kuning ke dalam mangkuk lalu memukulnya hingga kembang.
  3. Penyakit aneh yang dideritai datuk memerlukan perhatian dan kajian doktor pakar.
  4. Faiz menemukan barang kemas yang tidak ternilai harganya itu secara tidak sedar.
  5. Adegan pihak polis kejar-mengejar perompak itu telah dirakam oleh orang ramai.
  6. Ibu menegur abang yang memakai pakaian compang-camping ke majlis kenduri.
  7. Syarikat ternama itu berjaya kerana mengutamakan penghasilan dalam setiap bidang.
  8. Adik amat gembira sekali kerana dihadiahkan rantai kunci yang berumbai-rumbai.
  9. Saya suka hati terhadap kanak-kanak itu kerana keletahnyanya yang manja dan bersahaja.
  10. Kulitnya terasa amat perit sekali apabila terkena air kerana lukanya masih belum pulih sepenuhnya.
  
- c. Bina ayat menggunakan peribahasa di bawah bagi menjelaskan maksudnya.
  1. seperti telur di hujung tanduk
  2. sambil menyelam minum air



**Soalan 6**

Pilih satu daripada tiga kad tugas. Kemudian, buat persembahan sama ada dalam bentuk ceramah, syarahan, ataupun pembentangan.

1.

Hidup ini penuh dengan cabaran. Jelaskan persediaan yang anda lakukan untuk menghadapi cabaran tersebut.



2.

Sektor pertanian berpotensi untuk dimajukan, namun kurang mendapat sambutan rakyat. Bincangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.



3.

Melancong akan menjadi suatu aktiviti yang amat menyeronokkan sekiranya dilaksanakan secara bijaksana. Huraikan ciri-ciri pelancong yang bijaksana.





Malaysia berdaulat negara tercinta  
Zaman-berzaman sejarah tercipta  
Warisan budaya tetap dipelihara.

## TEMA 8

# DALAM LIPATAN KENANGAN

1. Pernahkah anda melihat seni bina bangunan yang unik? Berikan komen.
2. Bagaimanakah sejarah dapat menjadikan kita lebih dewasa?
3. Apakah warisan di tempat anda yang wajar dikekalkan?





Mendengar  
dan Bertutur

# Rumah Pusaka Sutan Mangatas



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, dengar dan kenal pasti soalan dari segi jenis, kesesuaian soalan, dan kesesuaian masa.
2. Jalankan sesi temu bual dengan menggunakan soalan yang sesuai mengikut situasi.
3. Kumpulkan gambar dan keterangan tentang bangunan warisan dan buat buku scrap.

## Rumah Pusaka Chow Kit

TEMA 8

Dalam Lipatan Kenangan

- Rumah tradisional Melayu, Nombor 41, Jalan Chow Kit.
- Dibina pada tahun 1926.
- Pemilik asal rumah ini ialah Haji Jaafar Sutan Sinombar (Sutan Mangatas), yang merupakan anak saudara Sutan Puasa, pengasas Kuala Lumpur.
- Berpindah ke sini untuk mengembangkan kegiatan perniagaan.
- Masih utuh dan teguh berdiri walaupun telah melalui beberapa peristiwa seperti zaman pendudukan Jepun, kebangkitan komunis, kemerdekaan Malaysia, dan banjir besar di Kuala Lumpur.
- Penghuni terakhir ialah Puan Norma binti Manjawali.

- Beliau tinggal di rumah ini sejak lahir, iaitu pada tahun 1932.
- Puan Norma dibesarkan dan berkahwin serta membesarkan anak di rumah ini.
- Satu demi satu rumah di situ ditelan oleh arus pembangunan pesat di kawasan Chow Kit.
- Rumah ini terus berdiri walaupun diapit oleh bangunan konkrit.
- Rumah ini digelar "Rumah Degil" kerana menjadi satu-satunya rumah kayu yang masih tersergam di celah-celah bangunan konkrit di ibu kota.
- Pada bulan Mei 2014, tapak rumah ini telah dijual.



# Selamatkan Warisan Negara



IMBAS SAYA

Seorang arkitek, Ir. Tan Kay Chay, amat terkejut apabila mendapati rumah warisan yang sering dilihatnya sejak kecil hendak dirobohkan. Kemudian, beliau bergabung dengan beberapa orang sukarelawan, iaitu Encik James Chong, Encik Fatulrahman Ghazali, Encik Abdur-Razzaq Lubis, Puan Khoo Salma Nasution, dan Dr. Gwynn Jenkins untuk menubuhkan Persatuan Rumah Pusaka Chow Kit bagi memastikan kediaman yang mempunyai nilai sejarah itu tidak hilang begitu sahaja.

2014

Mac  
hingga  
Mei  
2015

Secara berperingkat, rumah ini telah dibuka dengan rapinya. Setiap bahagian kayu yang digunakan dalam rumah ini ditanda bagi memudahkan kerja-kerja pemasangan rumah ini semula. Kayu-kayu tersebut disimpan di sebuah rumah teres dua tingkat yang terletak di Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Persatuan Rumah Pusaka Chow Kit telah mengambil pelbagai usaha untuk membina rumah ini semula. Antaranya, mereka telah melancarkan rayuan melalui media sosial, iaitu *Facebook*.

2015  
hingga  
2016

2018

Jabatan Warisan Negara telah bersedia untuk mengambil alih rumah berkenaan. Balai Seni Negara pula bersetuju untuk menyediakan lokasi pembinaan semula Rumah Degil di pekarangan Balai Seni Negara, Kuala Lumpur.



Info Bestari

## Jenis soalan

1. Dari segi soalan, terdapat soalan dengan kata tanya dan soalan tanpa kata tanya.
2. Dari segi jawapan, terdapat jawapan yang pelbagai (soalan terbuka) dan jawapan ya atau tidak sahaja (soalan tertutup).

## Kesesuaian soalan

Soalan yang dikemukakan mestilah sesuai mengikut usia, status sosial, dan situasi.

## Kesesuaian masa

Masa juga menentukan kesesuaian soalan. Misalnya, terdapat soalan yang sensitif ditanya ketika seseorang dalam kesedihan.

1.5.1 Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila.





# Darah Sateria



Aktiviti

1. Baca kedua-dua bahan dengan menggunakan teknik QUACK. Kemudian, banding dan bezakan kisah *Fort Margherita* dengan peristiwa *Singapura Diserang Todak*.
2. Kategorikan golongan kata tugas praklausa dan pascakata yang terdapat dalam bahan. Kemudian, bina perenggan dengan kata-kata tersebut.
3. Terokai maklumat yang berkaitan dengan penentangan terhadap penjajah dan ceritakannya kembali.

## Fort Margherita

“Kita serang dari sungai. Aku sudah beberapa kali menjala di situ. Ya, aku sudah tahu benar keadaan di situ. Aku pasti kita berjaya mendaki tebing tinggi hingga ke kubu. Kita bergerak malam ini.” Suntong memerhati bebola mata tujuh orang rakan pejuang bergilir-gilir. Suntong yakin sesungguhnya dia dan rakan-rakan akan berjaya sekali lagi. Cekapnya lapan orang pejuang bekas Renjer Sarawak itu memang tidak boleh dipertikai. Selepas pembubaran Renjer Sarawak, pejuang itu memenuhi dada dengan ilmu persilatan.

Pada malam penentuan itu, kecekapan, pengalaman, dan ilmu telah menjayakan pejuang-pejuang mendaki tebing curam berlumut secara senyap. Belukar dan siratan akar-akar kayu dirempuh dengan mudahnya. Suntong dan rakan-rakan bersiap sedia dengan *rifle* dan *machine gun*. Muncung dihala setepat-tepatnya ke arah pengawal yang sedang berjalan mundur-mandir di atas benteng panjang di sebelah kiri kubu.

Dengan isyarat tangan, Suntong memberikan arahan untuk menembak. Gema tembakan bagaikan bertih digoreng tepat mengenai sasaran. Pengawal di atas kubu jatuh satu per satu. Kemudian, naik beberapa orang lagi ke atas benteng. Tembakan berbalas dari Fort Margherita. Suntong melontar pula bom tangan sekuat hati. Bom jatuh di dinding dan menggegarkan kubu. Tembakan dari arah kubu semakin rancak dituruti dentuman bom.

“Cis, kaurasakan ini musuh durjana!” Suntong geram.

Suntong semakin bersemangat dan geramnya menggila untuk memusnahkan kubu. Dia berlari sambil menembak dan berguling-guling berlindung di tanah tinggi rendah. Dengan semangat dan keberanian di tahap puncak, dia menghampiri kubu dan melontarkan bom tangan sekuat tenaga.

“Nah, kaurasakan dentuman bom ini!” jeritnya bersemangat.

Sasaran tepat, bom melambung tinggi, dan menjunam di tengah kubu. Hati Suntong puas melepaskan geram. Dia berundur menghampiri rakan di tebing sungai. Dia tahu pasukannya kurang peluru. Bom tangan pun sudah habis.

Tiba-tiba, tembakan datang dari arah kanan kubu. Tembakan itu disasarkan ke arah kubu. Tembak-menembak saling berbalas.

“Siapakah yang mara itu?” tanya salah seorang rakan pejuang.

“Ayuh kita berundur menuruni tebing curam. Itu tentera Maeda. Biar pemusnah memusnahkan perosak. Jangan ganggu tugas mereka.” Suntong bergerak ke arah tebing tinggi dan turun ke sungai dituruti rakan-rakan tanpa cedera.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada cerpen “Fort Margherita” oleh Mohd. Ali Salim dlm. *Karya Sasterawan 2011*, hlm 95 - 96. 2012, Persatuan Penulis Nasional Malaysia)



# Singapura Diserang Todak

Hatta tidak berapa lama antaranya, maka datanglah todak menyerang Singapura, berlompatan lalu ke parit. Maka segala orang yang di pantai itu banyak mati dilompati todak itu; barang yang kena terus-menerus olehnya. Maka tiadalah dapat orang berdiri di pantai itu lagi. Maka gemparlah orang berlari-larian ke sana ke mari, semuanya mengatakan, “Todak datang menyerang kita; banyak sudah mati ditikamnya.” Maka Paduka Seri Maharaja pun segera naik gajah, lalu baginda keluar diiringkan segala menteri hulubalang sida-sida bentara sekalian. Setelah datang ke pantai, maka baginda pun hairanlah melihat perihal todak itu. Maka baginda pun menitahkan orang berkotakan betis, maka dilompati oleh todak itu, terus berkancing ke sebelah. Adapun todak itu seperti hujan, usahakan kurang, makin banyak orang mati.

Syahadan pada antara itu, datanglah seorang budak berkata, “Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mendayakan diri kita. Jika berkotakan batang pisang alangkah baiknya?” Setelah didengar Paduka Seri Maharaja kata budak itu, maka titah baginda, “Benar seperti kata budak itu.” Maka dikerahkan baginda rakyat mengambil batang pisang diperbuat kota. Maka dikerjakan oranglah berkotakan batang pisang. Maka segala todak yang melompat itu lekatlah jongornya, tercacak kepala batang pisang itu, dibunuh oranglah

bertimbun-timbun di pantai itu, hingga tiadalah termakan lagi oleh segala rakyat. Maka todak itu pun tiadalah melompat lagi. Pada suatu ceritera pada masa todak itu melompat, datang ke atas gajah Paduka Seri Maharaja, kena baju baginda, maka diperbuat orang seloka:

Carek baju dilompati todak,  
Baharu menurut kata budak.

Setelah itu maka Paduka Seri Maharaja pun kembalilah ke istana baginda. Maka sembah Orang Besar-besar, “Tuanku, akan budak itu terlalu sekali besar akal nya. Sedang ia lagi budak sekian ada akal nya, jikalau sudah ia besar betapa lagi? Baiklah ia kita bunuh, tuanku.” Maka titah raja, “Benarlah bagai kata tuan hamba sekalian itu, bunuhlah ia!” Maka adalah budak itu, tatkala ia dibunuh, maka ia menanggungkan haknya atas negeri itu; lalu ia pun dibunuh oranglah.

(Sumber: Dipetik daripada *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. hlm. 68 - 69, diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, 2003, Dewan Bahasa dan Pustaka)



- 2.3.2 Membaca dan membanding beza maklumat daripada pelbagai bahan teks dengan betul.
- 5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.





Menulis

# Sejarah Mendewasakan Kita



Aktiviti

1. Teliti bahan dan tentukan jenis kesimpulan yang sesuai mengikut tema daripada bahan tersebut. Kemudian, tulis perenggan kesimpulan tersebut dengan menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik.
2. Apakah peristiwa penting yang tidak dapat dilupakan dalam hidup anda? Mengapakah anda menganggap peristiwa tersebut penting?

TEMA 8

Dalam Lipatan Kenangan



## Kepentingan Mempelajari Sejarah

Dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh, dan makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diketahui dan diambil teladan.

**Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali,**  
Pensyarah.

Mereka yang melupai sejarah pasti akan mengulanginya.

**George Santayana,**  
Ahli Falsafah.



titik hitam


pisang tidak berbuah dua kali

yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan

sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

**Pengalaman ialah guru  
yang terbaik**





Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi suatu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini. Tambahan pula, mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Walau bagaimanapun, terdapat murid yang beranggapan bahawa Sejarah merupakan suatu mata pelajaran yang susah dan membosankan sedangkan banyak faedah yang dapat diperoleh melalui mata pelajaran ini.

Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang telah kita lakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran, manakala kebaikan yang dicapai kita teruskan. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan. Sebagai contoh, negara kita pernah dijajah oleh negara asing sejak tahun 1511 hingga 1957. Kesilapan yang dilakukan ini tidak harus diulangi oleh generasi kini. Sebaliknya, kita mesti mempertahankan dan membangunkan negara.

Selain itu, sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. Mata pelajaran Sejarah berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini. Dalam hal ini, pengetahuan sejarah khususnya sejarah kebangsaan akan membolehkan sesuatu bangsa, terutamanya generasi muda menjadi lebih prihatin terhadap bangsa dan pembangunan negaranya. Rakyat yang mengenali sejarah akan bersikap lebih menghargai tanah airnya.

Melalui sejarah, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini. Oleh yang demikian, mereka tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara. Mereka tidak akan melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan nama baik negara Malaysia. Mereka akan menjauhi perbuatan jenayah dan rasuah kerana tindakan akan diambil terhadap mereka mengikut lunas undang-undang. Mereka juga tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perlembagaan negara.

Penghayatan terhadap sejarah juga dapat membentuk semangat patriotisme. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan tentang sejarah dapat melahirkan rasa bangga terhadap negara. Mata pelajaran Sejarah mendedahkan tokoh-tokoh pejuang tanah air kepada murid. Mereka akan mengenali perjuangan tokoh yang menentang penjajah yang menindas rakyat di negara ini suatu ketika dahulu. Melalui sejarah, pengalaman masa lampau merupakan satu rujukan untuk dijadikan teladan dalam merencanakan masa hadapan.

3.4.4 Menulis untuk membuat kesimpulan yang lengkap dan menepati tema menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik.





# Tekstil Warisan



1. Dengar dan sebut semula fakta serta hujah berdasarkan bahan.
2. Susun fakta dan hujah daripada pelbagai situasi.
3. Hasilkan skrip drama tentang pengalaman menjalankan usaha untuk menghidupkan tekstil warisan.
4. Rancang dan adakan pameran mini tentang tekstil warisan di bilik darjah anda.

## Kain Telepek

Alat yang berikut digunakan untuk menelepek



Sudip

Acuan dan penerap

Berus

Gam Arab

Proses menelepek



Menyapu gam pada lengan dengan sudip.




Menekap acuan pada lengan yang telah bergam.



Menekap acuan yang telah dilekatkan gam pada kain.





### Proses menggerus

Menggunakan siput gerus, bertujuan untuk menggilap dan melicinkan kain. Proses ini dilakukan sebelum proses menelepuq.

Kain telepuq dianggarkan telah mula diusahakan sejak abad ke-17 hingga abad ke-18. Kain ini diperkenalkan ke Tanah Melayu melalui pedagang Bugis yang datang dari Sulawesi. Pada masa ini, kesenian telepuq masih dihidupkan walaupun tidak secara besar-besaran. Kain telepuq ini dapat bertahan lama. Hal ini terbukti dengan adanya kain telepuq yang berusia antara 100 tahun hingga 250 tahun milik koleksi perseorangan.

(Sumber: <http://informasikraf.blogspot.com/2012/04/telepuq.html>)



Melekatkan kepingan perada emas pada kain yang telah bergam.



Menanggalkan bahagian perada emas yang tidak bergam.

### Antara motif kain telepuq



Bunga pecah lapan dilengkapkan dengan dua helai daun dan putik.



Bunga cengkih disusun dalam bentuk bunga pecah empat.



Bunga pecah empat yang berkembang menjadi bunga pecah lapan.

1.3.1 Mendengar, menyebut semula dan menyusun fakta serta hujah daripada pelbagai situasi dengan betul, tepat dan bermakna.

4.3.1 Menghasilkan skrip drama secara berpandu dengan menggunakan gaya bahasa yang sesuai dan menarik.





# Tercatat dalam Sejarah



1. Baca bahan dengan telitinya dan senaraikan maklumat yang terkandung dalam bahan tersebut. Kemudian, buat kesimpulan.
2. Tulis puisi tentang keistimewaan bandar tempat tinggal anda.

## Taiping Bandar Warisan

Nama asal Taiping ialah Klian Pauh. Klian bermaksud lombong, manakala pauh pula ialah sejenis buah mangga yang bersaiz kecil. Bandar ini pada mulanya hanyalah petempatan kecil sebilangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, penemuan bijih timah di kawasan sekitarnya telah menarik banyak orang asing datang ke bandar ini.

Nama Klian Pauh telah ditukarkan kepada Taiping bersempena dengan tamatnya Perang Larut pada tahun 1874. Perang ini tercetus daripada pertelingkahan puak-puak kongsi gelap pendatang Cina yang melakukan aktiviti perlombongan bijih timah di daerah

Larut, iaitu Ghee Hin dan Hai San. Persatuan kongsi gelap daripada kedua-dua puak ini bertelingkah kerana lombong bijih timah dan jalan air. Setelah mendapat kata sepakat untuk berdamai, Taiping telah dipilih sebagai nama baharu. Taiping berasal daripada perkataan Cina, iaitu "Tai-Peng" yang bermaksud aman selama-lamanya.

Setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, Taiping telah menjadi sebuah bandar yang utama di negeri Perak. Taiping turut dijadikan pusat pentadbiran British pada ketika itu. Sebelum 1937, Taiping merupakan ibu negeri Perak. Oleh itu, bandar Taiping telah menjadi antara bandar warisan



## Talibun Ceritera Pertama di Taiping

yang tertua di Malaysia.

Bangunan warisan yang terdapat di Taiping lebih tertumpu kepada bangunan kerajaan dan rumah kedai yang seni binanya adalah daripada pengaruh Inggeris. Terdapat 83 buah rumah kedai dan 34 buah bangunan awam di Taiping. Rumah kedai merupakan bangunan yang paling nyata dan menjadi tanda tempat yang penting di Taiping. Bahan binaannya diimport dari China. Seni binaannya dipengaruhi pula oleh seni bina kolonial yang berkembang pada abad ke-16 hingga pertengahan abad ke-20.

Bandar ini sering diberikan julukan "yang pertama" dalam media cetak dan media elektronik. Julukan ini telah diberikan kerana ada banyak binaan dan kemudahan awam yang pertama di Malaysia terdapat di Taiping. Antara hasil binaan dan kemudahan awam tersebut termasuklah penjara, hospital, stesen kereta api, zoo, muzium, lapangan terbang, dan taman rekreasi.

Taiping masih tetap unggul dengan ciri-ciri sejarahnya sehingga dikenali sebagai Bandar Warisan. Pada 6 Mac 2019 pula, bandar Taiping telah diiktiraf sebagai bandar ketiga terbaik dunia bagi kategori Anugerah 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018 yang dianjurkan oleh 13 organisasi dari seluruh dunia.

(Sumber: Majlis Perbandaran Taiping)

### Cara membuat kesimpulan adalah seperti yang berikut:

1. Baca seluruh teks secara cepat untuk mengetahui gambaran keseluruhan.
2. Baca teks secara teliti dan catat maklumat penting daripada teks.
3. Buat kesimpulan berdasarkan maklumat penting tersebut.

Ceritera Taiping banyak yang pertama

Klian Pauh asalnya nama

Bandar warisan penuh bersejarah

Sudahlah terkenal segenap buana

Jajaran angsa naungi taman

Itulah indahnya taman tasik buatan bukan kepalang

Tempat riadah bersama keluarga bersama teman

Teguh ukhuwah bagaikan aur dengan tebing

Muzium tertua Muzium Taiping

Eksplorasi seni, budaya, dan alam

Menyimpan khazanah warisan berzaman

Muzium Telegraf pertama di Asia Tenggara

Artifak dipamer khazanah lampau

Menguak jendela ke masa hadapan

Tak lapuk dek hujan

Tak lekang dek panas

Yang tinggi itu Bukit Larut

Yang nyaman dingin berpuput bayu

Panorama memukau sampai ke puncak

Landasan kereta api tertua

mencipta sejarah

Asal tujuan mengangkut bijih timah

Menyambung Taiping dan Port Weld

Yang pertama dibina 1885

Itulah stesen kereta api tertua di Taiping

Masih kekal binaan lama

Pasti menggamit nostalgia lama

Kompleks penjara pertama di Malaysia

Penjara moden yang paling tua

Penjara Taiping itulah namanya

Awal bernama Penjara Larut

Demikianlah ceritera Taiping

Banyak yang pertama banyak yang tertua

Merakam kenangan sejuta rasa.

Saripah binti Khalit

SMK Alang Iskandar





# Ala, Emak Kahwinkan Aku!



1. Baca petikan dengan telitinya. Kemudian, nyatakan sikap yang ditunjukkan oleh Tahir.
2. Jika anda menjadi Tahir, apakah keputusan yang akan anda ambil? Berikan alasan anda.
3. Bincangkan persamaan dan perbezaan majlis perkahwinan Melayu tradisional dengan majlis perkahwinan moden.

Tahir mundar-mandir di dalam bilik. Dari muka pintu ke jendela. Dari depan cermin ke bucu katil. Dari meja solek ke tiang kelambu. Setiap sudut bilik dijelajahnya seperti orang mengukur jalan.

Namun demikian, sehingga senja, belum ditemuinya jawapan kepada soalan Maryam malam tadi melalui *WhatsApp*, “Abang, tuksedo nak tempah bila?”

Kalaulah Maryam tahu bahawa bakal mentuanya cukup tidak berkenan jika majlis perkahwinan mereka dijalankan mengikut gaya Inggeris moden, apatah lagi konsep dalam taman bunga seperti majlis pertunangan Putera Harry dengan Meghan Markle, pasti Maryam meradang.

Manakan tidak, rencana perkahwinan mereka sudah dibuat sejak kira-kira lima tahun lalu. Mereka rapat sejak sekolah rendah. Oleh itu, Tahir tidak pernah sekali dapat menolak permintaan mata airnya itu. Hampir semua dituruti. Walau bagaimanapun, kehendak Maryam kali ini agak terlalu berat, kerana di hujungnya ada harapan ibu yang tak mungkin dinafikan oleh Tahir.

Ibu mahu perkahwinan anak bongsunya itu kalau boleh seratus peratus menyerupai majlisnya sendiri lima puluh tahun yang lalu. Tiga hari tiga malam. Lengkap dengan kompanyanya, silat pulutnya, diarak atas tandunya, berkeris bertengkoloknya, berbalas pantunnya, bersanding di pelaminnya, perarakan bunga manggarnya, para gadis pembawa pahar bunga telurnya, kalau boleh semualah!

Malam sebelumnya kalau boleh biarlah ada dondang sayang. Lagi bagus kalau dapat dilawankan Pak Murad Kampung Morten dengan Nyonya Tan dari Banda Kaba. Kumpulan pemain rebana, gong, dan biola pula boleh dipanjangkan hingga ke hari majlis. Kita tengok siapakah lebih handal berpantun; Pak Murad atau Nyonya Tan? Lebih seronok kalau dipanggil sekali kumpulan penarinya pada hari langsung.

Panggil saudara-mara, pak cik, mak cik, anak-anak buah, sepupu, dua pupu, waris jauh, waris dekat, dan orang kampung semua. Biar meriah. Bunga api buluh jangan lupa tempah dari Tangga Batu. Biar bercahaya malam itu gilang-gemilang meraikan raja sehari.

Abah pula mengusulkan permintaan yang tidak begitu sukar. Abah hanya mahu pada hari majlis berlangsung, ada kumpulan rebana dan kumpulan marhaban. Abah akan menjemput beberapa orang kawannya untuk datang membantu.





Yang membuat Tahir semakin pening, di manakah nak cari orang kampung ramai-ramai buat jadi penanggah? Sekarang bukannya tahun 1960-an, sewaktu semangat gotong-royong masih tebal. Pada masa ini, kalau ada budak kena langgar motosikal di hujung kampung pun, orang tidak kenal keluarga budak itu.

Apabila dah panggil penanggah, balainya kenalah juga didirikan. Satu, balai penanggah. Satu lagi, balai jamuan. Kena tebang pokok buluh buat rangka, cari batang kelapa buat gelegar lantai, batang pinang, dan daun nipah buat atap. Selepas itu, di mana nak cari orang yang pandai mengait atap nipah sekarang ini. Kalau menggunakan zink sahaja, mak Tahir tentu tak mahu.

Sebab itulah apabila Maryam merancang tema moden, Tahir bersetuju. Sebab tema itu jauh lebih mudah dan murah daripada tema tradisional. Tapi, mak Tahir tak mahu. Dia tetap mahu cara lama. Cara orang Melayu kita, katanya.

Menjelang maghrib, Tahir semakin buntu. *WhatsApp* dan panggilan telefon Maryam bertalu-talu tidak berani dijawabnya selagi belum menemukan jalan tengah antara kehendak buah hati dengan permintaan ibu.

Dalam kekalutan itu, Tahir masih sempat menghubungi Pak Long Mat untuk urusan masak-memasak. Orang tua itu perlu diberitahu awal. Kalau tidak, merajuknya lebih susah dipujuk berbanding dengan Maryam.

Pak Long Mat dianggap sebagai pakar urusan kenduri kahwin. Dia sudah berkhidmat sejak perkahwinan ayah dan mak Tahir lagi. Selok-belok, tipu-helah kenduri-kendara semua dalam tangannya. Daripada urusan menumbangkan lembu, jumlah kampit beras mahu digunakan, hari yang sesuai mahu ke hutan mencari kayu api, memilih kedai untuk membeli bawang, hinggalah menentukan penjaga api kawah, semua akan dijaganya.

Selepas menghubungi Pak Long Mat, Tahir perlu ke rumah Cik Jenab Cantik, hendak meminta dia menjadi mak andam Maryam semasa majlis di rumahnya nanti. Janda kampung seberang itu pun satu hal juga; perlu ditempah awal. Jadualnya sering penuh dengan segala macam majlis dari kenduri kahwin sampailah majlis berkhatan.


Bukan apa. Kata mak Tahir, dia mahu Maryam disanggulkan rambutnya persis dia sendiri masa bersanding dulu. Yang pandai buat sanggul goyang sebegitu di daerah itu, hanya Cik Jenab seorang. Kalau tak dapat Cik Jenab, alamat tak kahwinlah Tahir. Bolehlah dikatakan begitu.

Busana pasangan pengantin pun, Cik Jenab ada koleksi lengkap. Dari Perlis sampai Johor. Setakat kebaya songket, almari pertama dah jumpa. Inilah yang perlu dipakai oleh Tahir dan Maryam walaupun agak panas dan fabriknya agak keras.

Senarai semak Tahir boleh dikatakan hampir lengkap. Tapi, butiran paling atas sampai sekarang tidak dapat ditandanya, iaitu memberitahu Maryam rancangan mak.

Aduh!

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada cerpen "Ala ... Emak Kahwinkan Aku!" oleh Haizir Othman dalam [www.letakkepala.wordpress.com](http://www.letakkepala.wordpress.com))







# Yang Lama Jangan Dilupakan



Susun maklumat yang diberikan untuk menulis perenggan kesimpulan. Kemudian, tulis perenggan tersebut selengkapnya.

TEMA 8

Dalam Lipatan Kenangan



Wadai Kipeng



Nagasari Ubi



Putugal

## Mengapakah Kuih Warisan perlu Dipelihara?



Halwa Betik



Tepung Kulit

Kesimpulan

Cadangan

Ancaman

Huraian

Harapan

Generasi akan datang tidak mengenali dan menghargai kuih warisan.

Kuih warisan masih dinikmati oleh masyarakat sampai bila-bila.


Kuih warisan diperkenalkan kepada generasi kini dengan pelbagai cara.

Menganggap kuih warisan sebagai sesuatu yang tidak bernilai.

Kuih warisan mempunyai keunikan dan nilai estetika yang tersendiri.



Dengan cinta kami bina negara  
Teguh bersatu singkirkan sengketa  
Negara makmur hidup sejahtera.



## TEMA 9

# SAYANGI MALAYSIAKU

1. Adakah karya seni boleh membangkitkan semangat patriotisme? Jelaskan.
2. Bagaimanakah cara anda menyatakan rasa cinta terhadap tanah air?
3. Apakah ciri-ciri istimewa kad pengenalan yang anda miliki?







# Bukan Sebarang Seniman



IMBAS SAYA



Aktiviti


1. Teliti bahan. Kemudian, dengar dan nilai soalan dengan menggunakan borang yang disediakan.
2. Berikan respons terhadap soalan secara berhemah dan bertatasusila.
3. Rancang satu projek karya seni yang bertemakan patriotisme dan pamerkannya di dalam kelas.

## Karya Seni dan Patriotisme

Karya seni tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia kerana melalui karya seni, pengkarya akan menyampaikan mesej kepada masyarakat. Karya seni antaranya termasuklah sajak, lukisan, novel, drama, lagu, kartun, dan filem.

Pernakah anda membaca buku yang membangkitkan semangat patriotisme?

Apakah tafsiran anda tentang lukisan ini?



Lukisan karya Ahmad Shukri bin Mohamed.

Apakah pandangan anda tentang mural ini?

Mural di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor.



# Pesan Pak Dollah



Negara ini dibina  
bata per bata  
disimen celik minda  
tapaknya teguh sekata  
tidak saling curiga  
tidak saling wasangka.

Anak,  
negara ini milik semua  
siapa pun mereka  
yang kuat menggalas usaha  
yang lemah dibantu tenaga  
ras dan warna bukan hak membeda.

Anak,  
negara ini pusaka  
diwarisi adil saksama  
dibangun bersama.

Anak,  
negara ini pemberi  
yang wajib dikasihi  
yang tetap teguh di hati.

Anak,  
negara ini cinta  
yang tidak berbelah  
kasih yang tidak mungkin berubah.

Anak,  
negara ini Malaysia  
tanah tumpah darahku  
tanah tumpah darahmu  
tanah takhta tinggi  
semayam dalam diri  
relakan berbakti.

Lirik: Abdullah Jones  
Lagu: Airmas SZ

Nyatakan nilai patriotisme yang terkandung dalam kartun ini.

Drama ini diterbitkan di tanah air kita dan situasinya di sini. Dialognya menggunakan bahasa rojak. Saya tidak suka.



Benar, tidak sepatutnya drama yang situasinya di negara kita tetapi tidak menggunakan bahasa Melayu dengan baik.

Kartun karya Hana.

## Borang Penilaian Soalan

Nombor Soalan: .....

### Jenis soalan (Tandakan ✓)

Soalan tertutup   
Soalan terbuka

### Kehendak soalan (Tandakan ✓)

Sebab	<input type="checkbox"/>	Kepentingan	<input type="checkbox"/>
Tujuan	<input type="checkbox"/>	Langkah	<input type="checkbox"/>
Waktu	<input type="checkbox"/>	Kesan	<input type="checkbox"/>
Cara	<input type="checkbox"/>	Lain-lain	<input type="checkbox"/>
Nyatakan .....			



- Terdapat dua jenis soalan, iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.
- Soalan tertutup ialah soalan yang jawapannya ya atau tidak sahaja.
- Soalan terbuka pula responsnya bergantung pada kehendak soalan. Misalnya, kehendak soalan ialah sebab, kepentingan, cara, ulasan, langkah, waktu, dan kesan.

1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila.





# Identitiku



1. Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, buat kesimpulan tentang evolusi kad pengenalan.
2. Kategorikan kata hubung yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis dialog dengan menggunakan kata hubung tersebut.
3. Gambarkan penggunaan kad pengenalan pada masa akan datang dan ceritakan ramalan tersebut.

## Evolusi Kad Pengenalan

Kad pengenalan pada mulanya diperkenalkan oleh pemerintah Inggeris di Malaya melalui *Emergency [Registration Areas] Regulation 1948* bagi membendung ancaman penganas komunis pada tahun 1948. Kad pengenalan ini digunakan untuk tujuan pengecaman dan pengagihan beras pada zaman darurat. Oleh yang demikian, kad pengenalan yang pertama ini juga dikenali sebagai “kad beras” kerana catuan makanan pada zaman darurat memerlukan bukti pengenalan diri untuk mendapatkan beras. Walau bagaimanapun, kad pengenalan telah melalui pelbagai perubahan selari dengan peredaran zaman. Jika dahulu kad pengenalan hanya sekeping kertas biasa tetapi kini kad pengenalan mempunyai pelbagai fungsi dan ciri-ciri keselamatan.

TEMA 9

Sayangi Malaysiaku

### Evolusi Kad Pengenalan Warganegara

**SABAH**

1963-1972 Kad Pengenalan Oren (Sabah) 6 digit      1972 Kad Pengenalan Plastik (Biru) Sabah 7 digit



"KAD BERAS" / KAD PENGENALAN PERTAMA BERNOMBOR SIRI 0000001

"Kad Beras" sebagai kad pengenalan diguna pakai oleh Baba Kemerdekaan dan dikeluarkan secara sistematik kepada orang awam bermula pada 1 Oktober 1948.

**SEMANJUNG MALAYSIA**

1948 Kad Pengenalan Kertas      1960 Kad Pengenalan Plastik (KPP)      1990 Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT)      1999 Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) versi berwarna      2001 Kad Pengenalan Pelbagai Guna Kerajaan (MyKad)      2012 MyKad Struktur Baharu

**SARAWAK**

1949 Kad Pengenalan (Kertas Berlipat) Sarawak      1960 Kad Pengenalan (Bersalut) Sarawak      1965 Kad Pengenalan (Plastik) Sarawak



1948

Kad pengenalan Tanah Melayu yang pertama berbentuk kertas diperkenalkan oleh kerajaan British untuk melindungi negara daripada ancaman komunis. Penggunaan kad ini dilaksanakan di seluruh Tanah Melayu dari tahun 1948 hingga 1960. Kad pengenalan ini tidak bersalut serta mengandungi gambar hitam putih, cap ibu jari kanan sahaja, maklumat asal penduduk, dan tiada taraf kewarganegaraan.

1960

Kad pengenalan plastik mula diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu pada 1 Ogos 1960 sebelum diperluas ke Sarawak pada 30 Mac 1966 dan ke Sabah pada 1 Jun 1972. Kad ini bersalut dan diproses secara teragih, empat warna bagi menentukan taraf warganegara, mengandungi maklumat terperinci, gambar hitam putih, dan cap ibu jari kiri serta kanan.

Kad pengenalan pertama yang bermutu tinggi digunakan oleh rakyat Malaysia. Penggunaannya menandakan era pengkomputeran data menggunakan sistem separuh automatik di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bermula. Sistem 12 angka nombor unik turut diperkenalkan, iaitu setiap individu di Malaysia mempunyai sistem nombor unik yang berbeza. Kad pengenalan ini mempunyai ciri keselamatan yang tinggi, gambar hitam putih, cap ibu jari kiri dan kanan, mempunyai maklumat terperinci, serta bersalut.

1990

Kad pengenalan yang bermutu tinggi mengalami penambahbaikan, iaitu penggunaan gambar berwarna.

1999

Kad pengenalan pelbagai guna kerajaan atau lebih dikenali sebagai MyKad diperkenalkan untuk memenuhi keperluan kad pengenalan sebagai kad pintar.

2001

MyKad baharu diperkenalkan dengan reka bentuk dan ciri-ciri keselamatan yang lebih canggih. Antara ciri terpenting ialah kad ini diperbuat daripada bahan polikarbonat dan menggunakan cip baharu yang lebih berdaya tahan. Kad ini juga mempunyai imej berbayang yang menggunakan teknologi turisan laser pada permukaan kad bagi mengelakkan pemalsuan.

2012

(Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara)

2.3.3 Membaca dan membuat kesimpulan daripada bahan dengan betul.

5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.





Menulis



Seni Bahasa

# Amalan Hidup Bermasyarakat



Aktiviti

1. Analisis bahan dan sediakan rangka karangan yang mengandungi ungkapan menarik dan urutan isi yang lengkap.
2. Tulis karangan lengkap berdasarkan rangka yang telah disediakan.
3. Persembahkan sketsa tentang kejiranan dalam bentuk multimedia secara kreatif.
4. Rancang satu aktiviti untuk mengeratkan hubungan kejiranan dan bentangkannya.

TEMA 9

Sayangi Malaysiaku



Komuniti beriadah

## Kejiranan Alaf Baharu



Bimbingan tambahan



Sambutan perayaan



Penyebaran maklumat berguna





Kebun milik bersama



Jualan amal

**Tarikh**  
18 Oktober 20□□

**Masa**  
7:00 pagi

**Tempat**  
Dataran  
Kencana

**Jarak Larian**  
4.0 km

**Yuran**  
RM30.00

**Tarikh Tutup**  
**Penyertaan**  
1 Oktober 20□□

**LARIAN AMAL**  
Persatuan Penduduk Taman Kencana

PERCUMA!

Setiap penyertaan akan menerima kemeja-T percuma.  
Medal untuk pemenang pertama hingga kelima setiap kategori.

**KATEGORI: SEKOLAH RENDAH | SEKOLAH MENENGAH  
TERBUKA | VETERAN**

Larian amal kejiranan

hidup berjiran  
membawa bahagia

sakit sama mengaduh,  
luka sama menyiuik

serumpun bak serai,  
sesusun bak sirih

mulut biar manis,  
hati biar baik

adat pulau  
limburan pasang

jiran umpama keluarga

- 3.4.5 Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.
- 4.4.1 Mempersembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.





# Menu Malaysia di Serata Dunia



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, buat pembentangan tentang dua buah restoran Malaysia di luar negara.
2. Pada pendapat anda, sejauh manakah makanan dapat menonjolkan jati diri?
3. Bina blog untuk mempromosikan makanan tradisional.

## Dari Perth ke Kota London

TEMA 9

Sayangi Malaysiaku



Encik Jamal bin Kamaludin dan isteri

### Selayang pandang:

- \* Diasaskan oleh Encik Jamal bin Kamaludin, dari Panchor, Muar, Johor .
- \* Isterinya, Puan Juliana binti Md Jali, berasal dari Kuala Sungai Baru, Melaka.
- \* Beroperasi sejak bulan Disember 2015 di Manning, Perth, Western Australia.
- \* Diiktiraf halal oleh *Islamic Council of Western Australia*.

### Keunikan dan tarikan:

- \* Memperkenalkan makanan tradisional seperti sate, nasi lemak, mi rebus Johor, apam balik Johor, kopi Johor, dan cendol.
- \* Mewujudkan suasana Malaysia dengan alunan lagu popular tanah air memenuhi segenap ruang restoran.
- \* Menjadi destinasi tumpuan pelancong dan pemimpin dari Malaysia serta lokasi penggambaran beberapa produksi drama dari Malaysia.



Nasi lemak



Mi rebus Johor



Apam balik Johor



Kopi dan teh tarik





# Kafe Rasa Malaysia, London

Puan Noor Azlina binti Zainal Abidin

Asam laksa Pulau Pinang

Roti jala

**Selayang pandang:**

- \* Diasaskan oleh Puan Noor Azlina binti Zainal Abidin, dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
- \* Beroperasi mulai tahun 2011.
- \* Menjadi kafe pertama yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang memenangi kontrak pengurusan kafe perpustakaan di London pada tahun 2012.
- \* Menyediakan makanan halal di London.

Martabak daging

Roti canai

**Keunikan dan tarikan:**

- \* Menyediakan menu kegemaran rakyat Malaysia seperti sate, nasi lemak, roti jala, asam laksa Pulau Pinang, martabak daging, roti canai, dan kuih-muih.
- \* Hiasan dalaman kafe berkonsepkan seperti kedai kopi di Malaysia dan menayangkan filem-filem P.Ramlee.
- \* Menjadi lokasi penggambaran beberapa produksi drama dari Malaysia.

TEMA 9

Sayangi Malaysiaku

1.6.1 Menyampaikan maklumat yang betul dan tepat dalam bentuk **pembentangan** serta perbahasan dengan jelas dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.





# Misi Kemanusiaan



1. Analisis kesalahan bahasa dalam teks di bawah ini dan betulkannya.
2. Terokai maklumat tentang badan kebajikan yang lain dan buat buku skrap berkaitan dengan badan tersebut.

## Yayasan Salam

### Kenali SALAM

Yayasan Salam Malaysia atau ringkasnya SALAM ialah badan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1997. Penubuhannya bertujuan untuk menanamkan lagi semangat sukarelawan di kalangan masyarakat.

Para sukarelawan SALAM menganjurkan pelbagai jenis program-program kebajikan. Untuk menjalankan program ini SALAM mendapat sumbangan dari badan korporat, kerajaan, dan orang ramai.

Sukarelawan SALAM juga memberikan perkhidmatan di dalam dan luar negara. Mereka pernah bertugas di Aceh, Nias, dan Sri Langka ketika Tsunami pada tahun 2004. Sukarelawan SALAM turut menghulur bantuan kemanusiaan pada mangsa perang di Palestin, Pakistan, Afganistan, dan Iran.

Antara sumbangan SALAM dalam negara termasuklah memberikan bantuan kepada mangsa banjir. Sukarelawan SALAM juga memujuk mangsa penyalahgunaan dadah agar kembali di pangkal jalan. Bimbingan pada ibu tunggal yang berminat untuk menjadi usahawan kecil turut diberikan.

### Misi SALAM

SALAM menganggap berkhidmat sebagai sukarelawan sebagai kerja amat bermakna berkesan untuk membantu masyarakat

menjalani kehidupan lebih baik. Justeru itu, SALAM menyediakan sukarelawan yang sanggup berkhidmat kepada masyarakat dan komuniti yang memerlukan bantuan daripada mereka. Perkongsian pengetahuan dan kemahiran di antara sukarelawan dan masyarakat akan boleh dapat mewujudkan kehidupan yang sejahtera.



Para sukarelawan SALAM yang mampu mewujudkan kesejahteraan dalam komuniti dengan cara memupuk etika perkongsian, sikap saling bantu-membantu serta saling sayang-menyayangi. Rakyat Malaysia akan berpeluang untuk memberikan sumbangan ke arah melahirkan masyarakat madani dengan berkhidmat seperti sukarelawan SALAM. Oleh itu, rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun di atas dialukan untuk menjadi sukarelawan SALAM.

### Rumah Perlindungan SALAM

Yayasan SALAM mengendalikan dua buah rumah-rumah perlindungan yang bertempat di Chow Kit. Rumah Nur SALAM dan Rumah Sinar SALAM ialah rumah perlindungan yang dikendalikan oleh SALAM. Rumah ini berfungsi sebagai jagaan pusat kanak-kanak jalanan, ibu tunggal, bayi yang baru lahir, mangsa rogol, dan mangsa penderaan.

(Sumber: Yayasan Salam)





## Bantuan Rakyat Sarawak kepada Mangsa Banjir

SRI AMAN, 13 Januari – Sebanyak 25,000 kilogram bantuan disumbangkan oleh rakyat Sarawak kepada mangsa banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Menurut eksekutif Pengurusan dan Latihan Sukarelawan daripada Yayasan Salam Malaysia, Hamzah Saufi berkata yang bantuan menerusi Program Sarawak Prihatin telah diterbangkan ke Subang melalui dua penerbangan sejak 30 Disember lalu. Sumbangan termasuklah di dalam bentuk pakaian terpakai, makanan kering, lampin bayi, peralatan sekolah, pakaian bayi, dan sebagainya berjaya diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di berapa daerah di Semenanjung Malaysia.

“Segala sumbangan disalurkan daripada Sarawak diuruskan oleh Ibu Pejabat Yayasan Salam Malaysia berpusat di Petaling Jaya dan sumbangan itu turut diagihkan sukarelawan di sana,” katanya.

Misi bantuan fasa pertama dari Sarawak telah dilaksanakan pada 30 Disember lalu, manakala fasa kedua dalam masa terdekat selepas pihaknya menerima bantuan dari beberapa bahagian di negeri ini. Bantuan fasa kedua tersebut akan dihantar ke Subang paling lewat sekali pada 16 Januari ini.

“Kami juga berbincang dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) memohon bantuan menerbangkan sumbangan fasa kedua,” katanya.

Penduduk bahagian Kuching, Bintulu dan Sri Aman di antara paling banyak menghantar sumbangan daripada Sarawak yang diterima oleh Yayasan Salam Malaysia setakat ini.

“Kami masih mengalukan masyarakat Sarawak untuk menyumbang dan membantu rakan-rakan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang masih terjejas akibat banjir,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Residen Bahagian Sri Aman, turut merangkap Pengerusi Program Sri Aman Prihatin, Hamdan Katang yang mewakili penduduk di sini melahirkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Salam Malaysia di atas kerjasama mengurus sumbangan itu ke Semenanjung Malaysia.

(Sumber: *Borneo Post Online*)



3.6.1 Menganalisis **kesalahan bahasa** dan kejituan idea dalam pelbagai teks.





# Sebutir Permata Budaya



Aktiviti

Betulkan kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat yang bercetak merah dalam teks di bawah ini.

## Azah Aziz

**B**eliau wanita yang pemalu. Setiap butir kata yang terucap di bibirnya penuh kelembutan. **Jelita dan anggun dengan penampilan baju kurung pesak Johor pada kebanyakan masa. Di mata kebanyakan orang, beliau ialah wanita yang sempurna.** Namun demikian, di sebalik kesantunan wanita berdarah campuran Melayu, Turki, dan Arab itu tersemat kekuatan dan keteguhan dalam dirinya yang sukar digugat. **Pemilik nama Sharifah Azah binti Mohamed Alsagoff tidak hanya tokoh yang disegani dalam bidang budayawan namun sejarah panjang hidupnya memberi impak luar biasa dalam bidang kewartawanan negara kita.**

Kehebatan itulah yang membuatkan permaisuri dalam hidup tokoh akademik tersohor negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid ini sentiasa memukau banyak orang bak sebutir permata yang bersinar. **Wanita yang lebih dikenali dengan Azah Aziz ini telah menghembuskan nafas terakhir pada 9 Julai 2012 ketika berusia 84 tahun.** Pemergian ibu kepada mantan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar binti Aziz itu bukan sahaja mengejutkan bahkan ditangisi ramai. **Negara kita kehilangan wanita selama ini begitu teguh mempertahankan nilai budaya agar tidak ditelan zaman.**

**Menelusuri jejak hidupnya, Azah ternyata tidak lahir dalam calang keluarga.** Beliau merupakan cucu kepada Dato' Ja'afar bin Haji Muhammad yang juga Menteri Besar Johor yang pertama dan pak ciknya, Dato' Onn bin Ja'afar merupakan pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). **Azah bergelar anak yatim semasa kehilangan ayahnya ketika beliau berusia dua tahun di Singapura.** Ketika itulah, ibunya Azizah binti Ja'afar membawa Azah dan abangnya, Syed Omar untuk dibesarkan di Johor. **Daripada detik itulah, Azizah sememangnya orang yang paling memberikan impak dalam kehidupan Azah.** Ibu beliau, Azizah bukan sahaja mengajar Azah erti kekuatan, malahan menunjukkan jalan kepada Azah dalam bidang kewartawanan.

**Selepas bergelar setia usaha kepada Ketua Pengarang New Strait Times, Tan Sri Leslie Hoffman pada tahun 1957, Azah kemudian ditawarkan menjadi wartawan.** Pada ketika itu, ibunya sendiri merupakan Pengarang Ruangan Wanita di akhbar Berita Harian, sebelum Azah Aziz mengambil alih jawatan itu dua tahun kemudian. **Sejak 12 tahun di Berita Harian, Azah Aziz kemudian menerima pelawaan bertugas di Utusan Melayu sebagai Pengarang Rencana.** Di syarikat penerbitan akhbar Utusan Melayu, kerjaya dan nama Azah Aziz semakin disegani. Ketokohan beliau membolehkan Azah Aziz diberikan kepercayaan menjadi Presiden Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (Pertama).

(Sumber: *Azah Aziz: Kartika di Langit Seni*, Zaharah Nawawi, 2001, Dewan Bahasa dan Pustaka)





# Amalan Hidup Bermasyarakat



Aktiviti

Berdasarkan bahan, tulis karangan lengkap dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.

## Budi Bahasa Budaya Kita

### Individu

- Menjadi insan yang dihormati

### Masyarakat

- Mewujudkan perpaduan kaum

### Pemimpin

- Mudah didampingi rakyat

### Pelancong

- Berasa seronok melancong di sini

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa;  
Sendi bangsa ialah budi,  
Runtuh budi, runtuhlah bangsa.

TEMA 9

Sayangi Malaysiaku





# Tiada Rintangan dapat Menghalang



Aktiviti

1. Terokai pelbagai maklumat tentang orang kurang upaya yang berjaya dalam hidup mereka. Berdasarkan pelbagai bahan yang anda baca, buat satu kesimpulan.
2. Dengan menggunakan persembahan multimedia, susun dan bentangkan maklumat yang anda peroleh kepada kelas.

## Insan Istimewa yang Berjaya

Mereka adalah antara orang kurang upaya yang menempa kejayaan di Malaysia.



**Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md Salleh,**  
Pakar ekonomi.



**Tengku Arman Harris bin Tengku Ismail,**  
Usahawan batik.



**Haziqah Nurulhuda binti Harun,**  
Usahawan kuih bulan.



**Zy Kher Lee,**  
Perenang sukan paralimpik.



**Suresh a/l Selvathambay,**  
Atlet memana sukan paralimpik.



**Razilawali bin A. Wahab,**  
Ketua pasukan bola sepak orang pekak Malaysia.



Bahasa bugar sanjungan pertiwi  
Sastera kekar harum mewangi  
Jagat terisi warna maknawi.



## TEMA 10

# BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR

1. Apakah kelebihan sesebuah drama yang menarik?
2. Adakah mempelajari bahasa dan sastera penting? Jelaskan.
3. Mengapakah kita mesti mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu?






# Tukang Tulis



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, bincangkan soalan-soalan yang mungkin ditanya dalam sesi pemilihan penulis skrip drama.
2. Jalankan simulasi bersoal jawab dalam sesi pemilihan penulis skrip drama tersebut.
3. Gambarkan keistimewaan drama televisyen yang menjadi kegemaran anda dalam bentuk infografik. 

## Penulis Skrip Drama

### Penerbitan **Suria Kencana**

Kami sedang mencari penulis skrip dengan idea-idea baharu yang segar dan hebat.

Temui kami di Plaza Melati, Sungai Petani,  
Kedah pada 23 Jun 20  dari  
pukul 9:00 pagi hingga 4:30 petang.

Bawa kertas cadangan dan sinopsis drama anda untuk  
dibentangkan kepada kami.  
Penulis skrip yang terpilih akan menandatangani kontrak dengan  
kami untuk menulis drama televisyen.

**Selamat Mencuba  
Jumpa di Sana**



Asrul Sani telah menyediakan satu sinopsis drama untuk dibentangkan dalam sesi pemilihan penulis skrip.



## Tahukah anda?

Skrip drama berbeza daripada novel dan cerpen. Dalam dua genre ini, situasi dan latar bagi peristiwa yang berlaku akan dijelaskan secara rinci kepada pembaca. Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi, latar, atau tempat.

Skrip drama digerakkan oleh dialog. Mesej dan pemikiran pengarang disampaikan melalui dialog watak-watak yang berinteraksi dalam drama. Skrip drama yang baik akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang melalui unsur-unsur dramatik dalam dialog.

Unsur dramatik bermaksud diksi atau ungkapan yang boleh mewujudkan konflik dalam drama. Sebagai contoh, dialog boleh menimbulkan perasaan marah, gembira, lucu, dan sebagainya. Drama yang baik juga harus mempunyai unsur ketegangan, kejutan, dan seharusnya mampu menimbulkan rasa ingin tahu penonton.

1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.





Membaca

# Sasterawan dari Utara



1. Berdasarkan bahan, catatkan kelebihan karya Azizi bin Abdullah.
2. Buat kesimpulan tentang hasil karya Azizi bin Abdullah.
3. Tulis sinopsis sebuah novel yang pernah anda baca.

## Azizi bin Abdullah

### Biodata



Beliau telah dilahirkan di Kampung Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah, pada 4 April 1942. Beliau telah menerima

Anugerah Penulis S.E.A. (1988) dan anugerah MASTERA (2007). Beliau bersekolah di Sekolah Melayu Bukit Meryam dan Sekolah Melayu Kota Kuala Muda, Kedah hingga darjah enam. Selepas itu, beliau bersekolah di Sekolah Agama Dairatul Maarif Al-Wataniah, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang hingga tahun 1965. Azizi ialah bekas guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Sungai Taka, Serdang, Kedah (1965). Selepas bersara pada tahun 1997, beliau menjadi editor akhbar bulanan *Utusan Pengguna* terbitan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP). Beliau meninggal dunia pada 21 Ogos 2011 dalam usia 69 tahun. Sepanjang hayatnya, Azizi telah menulis ratusan cerpen dan lebih 30 buah novel.



Novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* meraih tempat kedua dalam Sayembara hadiah novel GAPENA - Yayasan Sabah II (1981). Novel ini juga memenangi hadiah novel berunsurkan Islam anjuran Yayasan Pendidikan Islam. Novel

ini mengisahkan rasa kecintaan seorang lelaki tua yang amat mendalam terhadap kampung halamannya di kaki Gunung Bongsu. Melalui watak Tukya, Azizi cuba memperlihatkan sikap golongan tua yang teguh mempertahankan pendiriannya terhadap corak kehidupan tradisi dan kehidupan hariannya yang amat rapat dengan alam semula jadi di hutan Gunung Bongsu. Oleh sebab berasa tersinggung dengan anaknya, Fikri dan cucunya, Farid yang selalu mengatakan rumahnya buruk, Tukya nekad menebang sebatang pokok cengal batu yang ditemuinya di hutan Gunung Bongsu.

Tukya nekad menebang cengal batu itu kerana dia berhasrat untuk membina sebuah rumah baharu yang kukuh. Dia mahu membuktikan bahawa tenaga tuanya mampu menebang cengal batu sebesar dua pemeluk dan dapat membina sebuah rumah walaupun usianya sudah menginjak 73 tahun. Namun begitu, semangat membara tidak mampu mengatasi kekuatan cengal batu. Tukya tertimpa pokok cengal batu, dan dia tidak mampu melawan kekuatan cengal batu itu. Akhirnya, Tukya meninggal dunia dan isterinya, Besah tidak mampu menyelamatkan Tukya.

(Sumber:Hanna Hannani, *Dewan Sastera*, Bil. 8, 2014)






Novel *Ayahanda* mengisahkan pandangan dan perasaan jujur seorang anak terhadap kerena bapa dan ibunya yang lanjut usia. Walau bagaimanapun, kisah mengenai ibunya hanyalah sampingan, manakala tumpuan diberikan terhadap bapanya setelah ketiadaan ibunya. Perpisahan antara kedua-dua insan ini menyebabkan bapa sering dilanda rasa sepi yang amat sangat dan tersisih, seolah-olah kedua-dua mereka tidak boleh berpisah.

Menurut Shahnnon Ahmad, bahasa yang digunakan dalam *Ayahanda* mudah difahami sekalipun Azizi banyak memaparkan dialek Kedah. Ciri-ciri peribadi kebapaan dan keanakan yang ditimbulkan dalam novel ini kadang-kadang mengundang rasa hiba, sedih pilu, terasa marah, dan pada masa yang sama penuh dengan lelucon dan gelak ketawa. Watak-watak yang ditonjolkan dalam novel ini merupakan watak sebenar yang hidup dalam alam realiti. Hal ini turut diakui Azizi yang menyatakan bahawa *Ayahanda* merupakan satu usaha merakamkan kehidupan bapanya yang menjadi sumber kekuatan dan idea baginya untuk berkarya, selain ibunya sendiri.

(Sumber: Nursafira Lubis dan Asem Shehadeh Ali. *Nilai-nilai dalam "Ayahanda" karya Azizi Haji Abdullah* dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan. 9 - 10 April 2014, Batu Pahat, Johor)



Novel *Harga Sebuah Maruah* memenangi tempat kedua Sayembara Mengarang Novel Sempena Perayaan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel ini memaparkan kisah Cah sebagai watak utama, seorang ibu tua yang mengerjakan tanah sawah yang ditinggalkan oleh arwah suaminya. Beliau mempunyai dua orang anak lelaki, iaitu Sulaiman dan Hijrah. Dua orang anaknya mempunyai perwatakan yang berbeza, Sulaiman lebih terpelajar berbanding dengan Hijrah yang hanya mendapat pendidikan

di sekolah kampung. Sulaiman hidup makan gaji di Kuala Lumpur, manakala Hijrah pula hanya membantu Cah mengusahakan beberapa lot tanah sawah peninggalan arwah bapanya.

Konflik timbul apabila hak pengambilan tanah untuk pembangunan di Kertau membimbangkan Cah. Cah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan tanah sawah yang bukan sahaja menjadi sumber rezeki, malahan dianggap sebagai lambang maruahnya. Hijrah yang digambarkan sebagai bodoh-bodoh alang sanggup mempertahankan tanah sawah tersebut sehingga tindakannya menyebabkan dia ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa.

Walaupun telah ditawarkan dengan jumlah wang yang lumayan, Cah tetap setia mempertahankan prinsip untuk tidak menjual tanah bendangnya. Keberanian Hijrah menyemai rasa bangga dalam hati Cah apabila Hijrah tetap teguh dan tidak berganjak dengan tawaran jumlah wang yang bakal diberikan. Baginya, jika tanah tradisinya digadaikan, maka samalah juga seperti dia menjual maruah dan harga dirinya sebagai pesawah kepada orang lain. Konflik semakin meruncing apabila Sulaiman menentang hasrat Cah dan mahu menjual tanah sawah itu kepada kerajaan.

(Sumber: Hasni Jamali, *Dewan Sastera*, Bil. 12, 2013)





Menulis



Seni Bahasa

# Bahasa Murni, Wajah Peribadi



Aktiviti

1. Teliti dan olah bahan yang diberikan untuk menghasilkan karangan yang lengkap.
2. Berdasarkan bahan, tulis seloka tentang penggunaan bahasa dalam media sosial.
3. Tangkap skrin dan cetak penggunaan bahasa yang salah dalam media sosial. Kemudian, betulkan.



## Antara Realiti dengan Media Sosial


### Ada yang berpura-pura baik dalam media sosial.



### Ada yang bahasanya berubah dalam media sosial.



### Ada yang tutur katanya sopan di mana-mana sahaja.



Bagaimanakah penggunaan bahasa yang sepatutnya?



# Bahasa Pakaian Budaya



**Pejuang Bahasa**

@Mat\_Aini

Kita sering mendengar ungkapan seperti bahasa jiwa bangsa, bahasa ialah pakaian budaya, dan bahasa yang sopan mengangkat tamadun bangsa. Ungkapan tersebut memberikan gambaran bahawa penggunaan bahasa yang baik menjadi tuntutan dalam kehidupan harian.

4:34 petang

12 April 2019

10 Perkongsian

45 Suka



**Bola Naga** @Durga\_Dewi • 1h

Ya, saya bersetuju. Setiap ucapan kita biarlah disampaikan dalam bahasa yang sopan serta membawa kebaikan. Adakalanya adalah lebih baik kita diam daripada mengeluarkan kata-kata yang mengaibkan atau menyakitkan hati orang lain.



**LXM** @LimXinMin • 1h

Malangnya penggunaan bahasa yang tidak sopan semakin kerap membanjiri media sosial. Begitu juga penggunaan bahasa yang melanggar peraturan tata bahasa. Ada juga netizen yang menggunakan perkataan atau ejaan yang tidak wujud dalam kamus dengan sesuka hati.



**Pejuang Bahasa** @Mat\_Aini • 1h

Benar, Xin Min. Saya kerap membaca ejaan ungkapan Inggeris yang dimelayukan seperti "kipidap" dan "yukenduit". Remaja juga gemar mencipta ejaan baharu yang kadang kala sukar untuk dibaca oleh orang yang lebih dewasa.



**LXM** @LimXinMin • 1h

Tanpa disedari, mereka telah merosakkan bahasa dan merendahkan martabat diri penutur bahasa Melayu.



**Bola Naga** @Durga\_Dewi • 1h

Netizen sepatutnya menggunakan bahasa yang betul dan sopan dalam media sosial. Mereka juga mestilah menggunakan nahu, kosa kata, dan ejaan yang betul. Netizen yang melanggar tatasusila dalam berbahasa pula sewajarnya ditegur.



3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

4.3.2 Menghasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila.





# Sastera untuk Masyarakat



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, dengar soalan dan nilai maksud keseluruhan soalan, serta berikan respons yang sesuai.
2. Jalankan aktiviti berbalas pantun yang bertemakan kesusasteraan Melayu.

## Karya untuk Semua

Dalam persembahan bersempena dengan Minggu Bahasa di sekolah, Safarul dan Alya berbalas pantun tentang sastera untuk masyarakat.

Pantun 1



Puisi lama tidakkan lapuk,  
Teromba adat susunan terikat;  
Gemar membaca dapat dipupuk,  
Suburkan minat dalam masyarakat.

Pantun 3



Hamba bermadah dalam hikayat,  
Elok berperni hati terpesona;  
Sastera nan indah mendidik rakyat,  
Nilai murni tersisip makna.

Dagangan luak bawa ke seberang,  
Leka berbual tidak tertahan;  
Sastera tidak dipedulikan orang,  
Media sosial jadi pilihan.

Pantun 2



Memakai capal tiga teruna,  
Singgah sebentar hujung tepian;  
Buku yang tebal masih berguna,  
Lelap sebentar sambung bacaan.

Pantun 4



TEMA 10

Bahasa Bugar, Sastera Kekar



Safarul dan Alya juga telah membaca pandangan masyarakat tentang sastra.



IMBAS SAYA




**Profesor Dr. Lim Kim Hui,**  
Pensyarah/Penulis.

Sastra mempunyai pelbagai peranan dalam masyarakat, bergantung pada cara kita mentafsirkannya. Karya sastra yang baik lazimnya memaparkan realiti masyarakat dengan jujurnya. Di samping itu, sastra juga mengemukakan ilmu dan pemikiran bagi memajukan masyarakat. Penulis menjadi wakil menyampaikan suara golongan yang tertindas tanpa mengira latar belakang, keturunan, kaum, jantina, atau agama. Kita juga boleh menggunakan karya sastra untuk memupuk semangat cinta akan negara, memupuk perpaduan, dan menyerlahkan identiti bangsa. Melalui karya sastra, kita dapat melahirkan masyarakat yang mencintai keamanan, persekitaran, dan kemanusiaan.



**Richard a/l Ignacy,**  
Guru Bahasa Melayu.

Sastra ialah ciptaan seni yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang indah secara lisan mahupun tulisan. Melalui bahasa yang indah, penulis menyampaikan buah fikiran dan meluahkan perasaan, sekali gus menggambarkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, kepentingan kesusasteraan Melayu dalam dunia pendidikan kini wajar direncanakan penggunaannya secara berkesan. Kesusasteraan Melayu penting dalam membina keterampilan berfikir, memancarkan kilauan bahasa daripada tutur bicara, dan mendidik murid menghayati pelbagai nilai tentang manusia dan duniawi yang tidak seharusnya dipinggirkan oleh masyarakat.



**Qurratul 'Ain binti Abdul Rahim,**  
Peminat Karya Sastra.

Peranan sastra sebagai hiburan lazimnya dijemakan dalam dua cabang ini, iaitu filem dan muzik. Unsur sastra dalam filem diterjemahkan melalui teknik sinematografi. Permainan visual yang sinematik dijemakan melalui penghayatan terhadap kualiti penulisan skrip. Pasti keterlibatan sastra melahirkan dialog bermutu. Bidang muzik pula sudah tentu menggunakan estetika puisi dalam lirik lagu. Namun, jarang sekali kita meneliti elemen sastra dalam video muzik yang sarat dengan metafora, simbol, dan peringatan. Ada naratifnya. Pada pendapat saya, sastra ini tulang belakang hampir semua disiplin ilmu. Jika direnung kembali, sastra ialah hiburan yang mewarnai kehidupan masyarakat.

1.5.2 Mendengar dan menilai keseluruhan soalan serta memberikan respons yang betul secara berhemah dan bertatasusila.





Aktiviti

1. Baca bahan dengan telitinya dan senaraikan kosa kata baharu yang anda pelajari. Kemudian, berikan makna perkataan tersebut dengan merujuk kamus.
2. Kategorikan kata prafrasa yang terdapat dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan pendek dengan menggunakan perkataan tersebut.
3. Cari dan baca cerpen lain yang bertemakan bahasa dan sastera. Senaraikan kosa kata baharu daripada cerpen tersebut pula.



## Elegi Hujung Mac

“Melankolik,” kata Xiao Hong apabila aku mencadangkan agar dia membaca sajak tulisanku.

Xiao Hong, gadis dari Beijing. Dia datang ke Malaysia dalam rangka program pertukaran pelajar. Xiao Hong penuntut Beijing Foreign Studies University. Dia mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing di universiti tersebut. Tiga hari lagi, Xiao Hong akan menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak, iaitu salah satu acara dalam program pertukaran pelajar itu.

“Ya, sajak ini melankolik. Nukilan saya, bukan plagiat. Saya pasti sajak ini amat menarik jika dibaca dengan iringan muzik sentimental atau awak mahu membaca sajak bernada romantik, sinis, atau protes?” tanyaku.

“Kesemuanya bukan pilihan saya, Hazli. Saya memilih sajak patriotik,” kata Xiao Hong dengan yakinnya.

Aku sangat terkejut, tidak menyangka dia akan memilih sajak patriotik, memandangkan negara ini bukan tempat tumpah darahnya. Kata-kata selanjutnya lebih mengejutkan aku. Dia memilih sajak *Bahasa Daun* karya Sasterawan Negara, Dr. Siti Zainon binti Ismail. Sajak itu bertemakan cinta akan bahasa. Pemilihan diksi dalam sajak itu menarik.

“Satu pilihan yang tepat. Bagi saya, sajak tersebut sajak intelektual yang bersifat komunikatif. Sajak yang komunikatif memang sesuai untuk penyampaian deklamasi yang menarik,” kataku agak teruja.

“Saya hendak menyampaikannya dengan berkesan. Bolehkah Hazli membantu saya?” pintanya.

“Tentu sahaja boleh,” kataku gembira kerana dia meminta bantuanku.

“Untuk peringkat awal, cuba fahami sajak itu kerana apresiasi dan ekspresi amat penting untuk deklamasi sajak yang berkesan.”

Selama tiga hari, aku melatih Xiao Hong. Aku membetulkan nada, intonasi, dan jeda semasa dia mendeklamasikan sajak itu. Penyampaiannya semakin hari semakin baik. Xiao Hong telah memberikan tekanan suara pada tempat yang sesuai. Aksi dan mimik mukanya juga tidak berlebih-lebihan tetapi dia berjaya menunjukkan penghayatan terhadap sajak tersebut.

Xiao Hong dapat menghayati sajak itu dengan mudahnya kerana dia menguasai bahasa Melayu.



“Bahasa Melayu awak sangat baik,” kataku kagum.

“Tentulah. Bukankah saya ini pencinta bahasa Melayu? Saya kenal benar akan aspek morfologi dan sintaksis bahasa ini. Pada pandangan saya juga, proses perancangan bahasa Melayu sungguh baik sekali,” kata Xiao Hong.

Dalam cuaca yang agak berbahang pada hujung Mac, hari yang dinantikan pun tiba. Semalam, ibuku sempat menjahitkan sehelai baju kurung kain kapas untuk Xiao Hong. Aku membayangkan betapa manisnya gadis dari China itu berbaju kurung semasa menyampaikan kata demi kata di atas pentas.

Namun, setengah jam aku menunggu tetapi gadis itu tidak kunjung tiba. Aku menjadi resah dan gelisah. Dalam keresahan, aku melihat rakan Xiao Hong menghampiriku.

“Dia berlepas dengan pesawat malam tadi secara tergesa-gesa kerana datuknya sakit tenat di Beijing.”

Xiao Hong ada mengirim e-mel kepadaku. Dia melahirkan rasa terkilan kerana tidak dapat menyertai pertandingan deklamasi sajak itu. Sebulan selepas itu, dia memberitahu bahawa datuknya telah meninggal dunia. Selepas itu, tiada sebarang e-mel daripada Xiao Hong lagi. Aku tertanya-tanya.

Setahun telah berlalu, hujung Mac muncul kembali. Aku bagaikan terdengar setiap stanza yang dideklamasikan oleh Xiao Hong dahulu. Kalaulah aku punya wang yang cukup, aku mahu terbang ke negara China untuk mengetahui khabar berita tentang dirinya. Xiao Hong, sang pencinta bahasa, kautiba bagaikan pelangi, berseri tetapi hanya sebentar.

## Proses Perancangan Bahasa

Proses perancangan bahasa pada amnya meliputi empat peringkat yang utama. Pertama ialah tahap penentuan dasar, iaitu peringkat memilih bahasa untuk dijadikan bahasa utama. Di Malaysia, tahap penentuan dasar ini berlaku pada saat tercapainya kemerdekaan. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan.

Tahap kedua ialah pengekodan, iaitu tahap penyusunan beberapa kegiatan atau strategi yang bertujuan untuk menstabilkan bahasa dan membawanya ke arah bentuk yang baku. Usaha ini dilakukan melalui beberapa cara, antaranya termasuklah menghasilkan kamus, panduan ejaan, tatabahasa pegangan, dan panduan sebutan.

Tahap ketiga ialah pembinaan, iaitu tahap menyesuaikan bahasa supaya bahasa itu dapat memikul tugas-tugas baharu, terutamanya untuk memperkatakan tentang bidang sains dan teknologi. Perkara ini berlaku, terutamanya apabila bahasa

tersebut menjadi bahasa ilmu dan menjadi bahasa pengantar di institusi pengajian. Matlamat ini dicapai melalui pembinaan perbendaharaan kata, terutamanya istilah khusus dan teknikal.

Tahap yang akhir ialah pengembangan, tahap yang bertujuan untuk memantapkan penggunaan bahasa mengikut bidang atau laras tertentu, yang dicirikan dengan sifat-sifat kejelasan dan keindahan. Pada tahap ini, antara kegiatan yang dipentingkan ialah penyediaan panduan gaya bahasa dan pemupukan unsur-unsur kreatif dalam penggunaan bahasa dalam karya kreatif dan tidak kreatif.

(Sumber: Nik Safiah Karim, 1989. “Bahasa Melayu Baku: Ke Arah Pembinaan Bahasa Kebangsaan yang Sempurna” dlm. *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia. hlm. 16 - 17)

2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.

5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.





Penilaian

### Soalan 1

Lihat poster di bawah dengan telitinya. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan membeli barangan buatan Malaysia.

**Belilah Barangan Buatan Malaysia**

- Menggalakkan pembangunan industri tempatan.
- Mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing.
- Menyemai semangat cinta akan negara.
- Menjimatkan perbelanjaan keluarga.

### Soalan 2


Anda bercadang untuk membuka syarikat penerbitan buku. Oleh itu, anda perlu membuat penyelidikan tentang pasaran buku di Malaysia untuk memastikan kejayaan syarikat tersebut. Analisis kedua-dua graf di bawah dengan telitinya. Kemudian, jelaskan ciri-ciri buku yang akan anda terbitkan dengan memberikan alasan yang bernas.

Kategori Buku Popular Pilihan Pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017





### Faktor-faktor Pilihan Pembaca ketika Membeli Buku di PBAKL 2017



(Sumber: Unit Penyelidikan Perbadanan Kota Buku)

#### Soalan 3

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang lengkap.

- Permainan moden seperti permainan video, permainan elektronik, dan permainan komputer semakin diminati oleh generasi muda. Mereka semakin melupakan permainan tradisional yang tidak kurang hebatnya.  
Pada pendapat anda, apakah kelebihan permainan tradisional berbanding dengan permainan moden? Jelaskan pendapat anda.
- Jiran sangat penting kerana mereka ialah sahabat kita dan orang yang akan memberikan bantuan apabila kita menghadapi kesusahan.  
Bincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan semangat kejiranan.
- Anda ingin menyertai pertandingan menulis rencana tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam drama tempatan. Tulis rencana tersebut selengkapnya.

#### Soalan 4

Baca kedua-dua teks dengan telitinya dan jawab soalan-soalan berikutnya.

#### Petikan 1

ETON: Sebab apa diberhentikan?

CIK PUAN: Ah, banyak sebabnya, malas saya nak ceritakan! (*Memandang dan menghadap Eton dengan sungguh-sungguh*). Awak tolonglah carikan kalau ada. Tapi, janganlah yang lembap sangat (*membuang muka*). Tak ada orang gaji tak apalah, kalau buat malu kita saja.

ETON: (*Teringat dan tersenyum sedikit*) Ya, saya masih ingat tentang minum teh dengan garam dulu.

CIK PUAN: Bukan itu saja. Awak tak tahu, masa Encik Jamal, ketua pejabat suami saya datang ke rumah, malu betul saya dibuat dek Si Minah. Awak fikirlah, sudu untuk sup ditaruhnya di tempat gulai, sudu untuk gulai ditaruhnya di pinggan sup. Dahlah



serba salah Encik Jamal. Malu, malu betul saya! Entahkan kata Encik Jamal saya tak tahu menghidang makanan pula. Dahlah itu, adakah patut selepas makan malam dibuatnya teh? Hah, gila saya kalau lama-lama begini!

ETON: Itulah, dulu Cik Leha cadangkan supaya perkumpulan kita mengadakan kursus untuk orang-orang gaji kita, macam mana nak menghidangkan makanan, macam mana nak menyusun hidangan, aturan-aturan selepas makan malam apa, selepas makan tengah hari apa ... .

CIK PUAN: Memang saya setuju benar. Kita sekarang bukan macam dulu lagi diperintah orang, kita dah merdeka. Patutnya kita mesti pandai sesuaikan diri dengan bangsa-bangsa yang dah merdeka. Jadi, taklah sia-sia negeri kita merdeka. Cuba kalau bangsa asing tahu apa yang dibuat oleh orang gaji kita, tentu diketawakannya. Itu pun entah-entah ada yang bercerita pada Mrs. Smith, tentulah perempuan Inggeris itu ingat kita belum layak merdeka lagi.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada drama “Gendang Kosong” dlm. *Drama-drama Pilihan Usman Awang*, 1987, Dewan Bahasa dan Pustaka)

## Petikan 2

Sebermula maka tersebutlah dalam Melaka pencuri terlalu buas, orang kehilangan pun tiada berhenti lagi sentiasa malam. Setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mendengar pencuri terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu masyghul, setelah hari malam, maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda berjalan menyamar, tiada membawa teman; hanya Hang Isap dibawa baginda beserta pergi itu.

Maka Sultan Alau'd-Din Riayat Syah pun berjalanlah tiga orang dengan penjawat sirih santap baginda, berkeliling negeri Melaka itu, hendak melihat hal negeri itu. Setelah datang pada suatu tempat, maka baginda bertemu dengan pencuri lima orang; mengusung satu candu-peti dua orang, dan yang tiga orang lagi mengiringkan dia. Maka segera diusir baginda pencuri itu, setelah hampir, maka pencuri itu pun terkejut, lalu lari kelima-limanya; maka peti itu pun dicampakkannya. Maka titah Sultan Alau'd-Din pada Hang Ishak, “Tunggu olehmu peti ini.” Maka sembah Hang Ishak, “Baiklah, tuanku.”

Setelah hari siang, maka Sultan Alau'd-Din pun keluarlah semayam dihadap orang. Maka Bendahara dan segala Orang Besar-besar, para menteri, sida-sida, bentara, hulubalang sekaliannya hadir mengadap baginda. Maka titah Sultan Alau'd-Din pada Seri Maharaja, kerana ia Temenggung, “Adakah kawal semalam?” Maka sembah Seri Maharaja, “Ada tuanku.” Maka titah baginda, “Kita dengar ada orang mati dibunuh orang; di atas bukit seorang, di bawah bodi seorang, dan di hujung jambatan seorang; jikalau demikian, orang yang mati itu Seri Maharajakah membunuh dia?” Maka sembah Seri Maharaja, “Tidak patik tahu tuanku.” Maka titah Sultan Alau'd-Din, “Sia-sialah kawal Seri Maharaja; orang mati tiga orang tiada diketahui. Sekarang kita dengar pencuri terlalu ganas dalam negeri ini.”

(Sumber: Dipetik daripada *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. hlm. 173 - 174, diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad, 2000, Dewan Bahasa dan Pustaka)



- a. Apakah masalah yang dibincangkan oleh Cik Puan dan Eton?
- b. Pada pandangan anda, wajarkah Cik Puan memecat orang gajinya? Berikan alasan.
- c. Mengapakah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah berasa masyghul?
- d. Berdasarkan teks prosa tradisional, apakah sikap yang ditunjukkan oleh Seri Maharaja? Berikan penjelasan.
- e. Pada pendapat anda, apakah ciri pemimpin yang baik? Jelaskan tiga ciri.
- f. Berdasarkan kedua-dua petikan, huraikan perbezaan tindakan Cik Puan dan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- g. Berdasarkan kedua-dua petikan, apakah kesimpulan yang dapat anda buat tentang keadaan masyarakat?

### Soalan 5

*Jawab soalan-soalan di bawah ini.*

- a. Bina ayat dengan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya.
 

i. sehingga	iv. sementara
ii. seandainya	v. tatkala
iii. jikalau	vi. bahawa
- b. Kenal pasti kesalahan penggunaan kata yang terdapat dalam ayat. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.
  - i. Mereka tidak mahu makanan yang mahal-mahal, tetapi mereka hanya memerlukan makanan yang berzat.
  - ii. Wang yang terkumpul itu ialah untuk mangsa banjir di Pantai Timur Semenanjung.
  - iii. Kehidupan di Malaysia benar damai kerana rakyatnya saling menghormati antara satu sama lain.
  - iv. Tuan Haji Ismail telah mendermakan sepertiga bahagian harta-hartanya kepada rumah anak-anak yatim dan badan kebajikan.
  - v. Johari menanyakan ayahnya bilakah mereka akan bertolak ke Kuala Terengganu untuk menghadiri majlis konvokesyen abangnya.
  - vi. Cikgu Kamil mengarahkan semua peserta perbarisan agar berdiri ke dalam bulatan dengan segera.
  - vii. Mereka menanti dengan bersemangat dari detik ke sedetik, jam besar di bangunan Sultan Abdul Samad berdenting pada malam 31 Ogos itu.
  - viii. Pekerja kerajaan mahupun pekerja swasta mestilah menggunakan bahasa Melayu yang baku dalam segenap segi.




- c. Gabungkan ayat-ayat dalam perenggan di bawah menjadi **tiga** ayat sahaja dengan mengekalkan maksudnya.

Sambutan hari kemerdekaan pada setiap tahun membawa makna. Makna tersebut besar kepada masyarakat di negara ini. Kemeriahannya memberikan makna. Kita memiliki sebuah negara. Negara itu berdaulat. Oleh itu, setiap warganegara Malaysia perlu menyambut hari kemerdekaan. Sambutan ini dapat menyemai rasa cinta akan negara dalam diri masing-masing.

### Soalan 6

*Anda dan rakan menghadiri sesi temu duga pemilihan pekerja sebuah syarikat. Berdasarkan peranan dalam rajah di bawah, jawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh penemu duga.*



- Nyatakan latar belakang diri anda secara ringkas.
- Nyatakan sebab anda berminat untuk memohon pekerjaan ini.
- Jelaskan pengalaman anda dalam bidang pekerjaan yang dimohon.
- Huraikan kelebihan diri anda dalam bidang pekerjaan yang dimohon.
- Jelaskan pendapat anda tentang cara bekerja yang baik.
- Jelaskan perancangan masa hadapan anda.



Usahawan terbilang menjadi idaman  
Kewangan terjamin dalam genggaman  
Ekonomi mapan negara aman.



## TEMA 11

# EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA

1. Sejauh manakah pentingnya belanjawan yang kukuh bagi sesebuah negara?
2. Apakah jenis-jenis cukai yang anda ketahui?
3. Mengapakah simpanan pendidikan penting?





# Belanjawan Dinamik



1. Teliti maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Bahaskan maklumat tersebut dengan jelasnya menggunakan intonasi yang sesuai dan bertatasusila.
3. Rancanglah agihan peruntukan yang wajar diberikan dalam sesuatu sektor. Kemudian, bincangkan.

Peruntukan sebanyak RM60 bilion disediakan bagi memperkasakan sektor pendidikan negara. Agihan peruntukan ini dibahaskan pada peringkat kabinet sebelum dihebahkan kepada rakyat di parlimen.





## Dana bantuan persekolahan

- meringankan beban.
- mengurangkan kecaciran.



## Pendidikan teknikal dan latihan vokasional

- melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing.
- memenuhi keperluan industri.

## Biasiswa dan pinjaman pendidikan

- meringankan beban isi rumah yang berpendapatan rendah.
- berpeluang melanjutkan pengajian.



## Pemeriksaan aktiviti penyelidikan di institusi pendidikan tinggi

- menyelesaikan sesuatu masalah atau isu.
- menghasilkan produk berkualiti.

## Naik taraf infrastruktur sekolah

- meningkatkan aspek keselamatan.
- mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.



1.6.1 Menyampaikan maklumat yang betul dan tepat dalam bentuk pembentangan serta **perbahasan** dengan jelas dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.





# Mendung Beralih Jua



1. Baca dan kenal pasti masalah yang terdapat dalam bahan.
2. Berikan justifikasi penyelesaian masalah yang terdapat dalam bahan.
3. Kenal pasti masalah yang dihadapi oleh koperasi sekolah anda dan cadangkan langkah penyelesaian.

## Dialog Usahawan Muda

Anas berbual dengan seorang rakan di sekolah lain pada masa rehat ketika mereka terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Anas: Apakah yang sedang awak menungkan? Selalunya awak ceria sahaja.

Syifa: Saya sedang memikirkan masalah yang dihadapi oleh koperasi sekolah saya. Pening saya dibuatnya.

Anas: Banyak sangatkah masalahnya?

Syifa: Macam-macam.

Anas: Nak jadi usahawan perlu banyak ilmu. Nah, baca ini! Majalah keluaran ANGKASA ini banyak memaparkan maklumat tentang kejayaan koperasi sekolah.

## Koperasi Sekolah di Puncak Jaya!

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Beluru, Kuala Kangsar, Perak telah menempa nama apabila projek penternakan lebah kelulut mereka beroleh kejayaan yang sungguh memberangsangkan. Koperasi ini telah berjaya merangkul pelbagai kejayaan pada peringkat negeri dan kebangsaan. Namun, tiada sesiapa yang tahu di sebalik kejayaan ini, mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran.

Menurut Cikgu Najwa binti Mohd Azmir, pada mulanya, projek penternakan lebah kelulut ini bukanlah projek yang menjadi pilihan utama koperasi sekolah mereka. Beliau dan seorang lagi guru penasihat koperasi sekolah, iaitu Cikgu Halim bin Kamaruddin,





bercadang untuk melaksanakan projek penanaman cendawan tiram. Namun, atas nasihat dan cadangan yang bernas daripada pihak Lembaga Pertubuhan Peladang, pihak koperasi mula menjalankan projek madu lebah kelulut kerana permintaannya yang tinggi.

Cabaran pertama yang telah ditempuhi ialah masalah kepakaran. Pada peringkat awal projek, pihak koperasi sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang penternakan lebah kelulut. Namun, semangat pihak koperasi tidak patah begitu sahaja. Guru-guru dan lapan orang murid yang melaksanakan projek ini mendapat bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian Kuala Kangsar, Perak.

### Nama Organisasi

Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor.

### Projek Koperasi

Pembukaan kios untuk menjual pelbagai barangan.

### Potensi Projek

- Kedudukan sekolah yang strategik – di tepi jalan raya dan kawasan perumahan.
- Ramai pelanggan – murid sekolah menengah, rendah, dan masyarakat setempat.
- Produk – luar dan produk yang dihasilkan oleh murid.



Selain itu, lebah kelulut memerlukan bunga atau madu bunga sebagai sumber makanannya. Persekitaran Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Beluru mempunyai begitu banyak tanaman hiasan berbunga, namun pokok bunga yang ditanam itu bukanlah daripada jenis yang menjadi sumber makanannya. Pihak koperasi telah berusaha keras bagi mengatasi masalah ini. Kesannya, persekitaran sekolah turut kelihatan cantik dan ceria.

Ketika memungut madu lebah kelulut, murid-murid yang bertugas ketika itu terpaksa berhadapan dengan pelbagai risiko. Walaupun terpaksa menelusuri pelbagai cabaran dan rintangan, akhirnya mereka mengenggam kejayaan.

### Masalah yang Dihadapi

- Pemilihan dan penyediaan tapak kios.
- Prosedur pelaksanaan projek.
- Pengetahuan tentang pengendalian kios.
- Waktu operasi kios.

### Anugerah

Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan 2018.

## Tahukah anda?

Model langkah penyelesaian masalah adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti masalah.
2. Menganalisis masalah.
3. Mengenal pasti pilihan penyelesaian.
4. Menilai/memilih penyelesaian terbaik.
5. Menyediakan pelan tindakan.
6. Melaksanakan pelan tindakan.
7. Menilai pelaksanaan.





Menulis



Seni Bahasa

# Tunaikan Tanggjawabmu



Aktiviti

1. Teliti maklumat yang dipaparkan. Hasilkan karangan dengan wacana yang lengkap.
2. Hasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah.
3. Reka risalah tentang cukai yang menarik dan kreatif untuk diedarkan kepada rakan-rakan anda.

Syazwan melihat-lihat papan kenyataan ketika dia mengikuti bapanya untuk menjelaskan bayaran cukai pendapatan.

## Antara Kesalahan Berkenaan Cukai yang Biasa Berlaku:

1. Memberikan maklumat yang kurang tepat tentang tanggungan cukai sendiri/orang lain.
2. Tidak mengembalikan borang penyata cukai pendapatan.
3. Tidak melaporkan pendapatan sebenar.
4. Sengaja mengelakkan cukai/membantu orang lain mengelakkan cukai.
5. Tidak menyimpan dokumen-dokumen yang relevan dengan cukai pendapatan.

Masih ada pihak yang tidak membayar cukai walaupun caranya mudah sahaja.



Hendak seribu daya,  
tak hendak seribu dalih.

## Mudahnya Membayar Cukai. Antaranya:

1. Bayaran melalui perbankan Internet.
2. Bayaran melalui penggunaan kad kredit.
3. Bayaran di kaunter ejen Lembaga Hasil Dalam Negeri.
4. Bayaran melalui penggunaan Mesin Teler Automatik bank.


## Cakna peribahasa:

Ke mana perginya layang-layang,  
talinya ada pada kita  
Maksud: orang yang berhutang  
itu tidaklah dapat melarikan diri



## **Pelepasan Cukai Individu Pemastautin 2018. Antaranya:**

1. Individu dan saudara tanggungan.
2. Rawatan untuk ibu bapa.
3. Kesihatan diri dan keluarga.
4. Individu kurang upaya.
5. Yuran pengajian.
6. Gaya hidup (buku, komputer, sukan, Internet).
7. Tabung Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).
8. Pendidikan untuk anak-anak.
9. Insurans nyawa.
10. Insurans pendidikan.



Kalau cukai dirancang,  
jiwa pasti tenang.

Rezeki pula berkat,  
hidup tentu selamat.

## **Cukai: Daripada Anda untuk Anda.**

Cukai menjadi dana kerajaan  
untuk menampung:

- Keselamatan rakyat dan negara.
- Pembangunan negara.
- Ekonomi negara.
- Pendidikan dan sosial.
- Kesihatan dan kebajikan rakyat.

3.4.5 Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.

4.3.2 Menghasilkan seloka menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah dan bertatasusila.  
c.k: 1.4





# Yakin, Pasti Boleh!



1. Kenal pasti maklumat yang terdapat dalam bahan.
2. Hasilkan simulasi temu duga antara majikan dengan pencari pekerjaan, iaitu bekas pelajar kolej vokasional.
3. Jelaskan bagaimana kemahiran insaniah dapat meningkatkan kebolehpasaran diri anda dalam bidang kemahiran yang anda pilih.

## Kolej Vokasional

Kolej vokasional di negara ini menawarkan pelbagai bidang kemahiran. Penuntut yang mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan ini ditawarkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Mereka layak melanjutkan pengajian di universiti awam yang tertentu mahupun swasta. Terdapat begitu banyak bidang kemahiran yang ditawarkan di kolej vokasional, antaranya:

Automotif

Reka Bentuk Grafik

Pembinaan

Bioteknologi

Elektrik

Perakaunan

Seni Bina Landskap

Kosmetologi

Kimpalan

Elektronik

Sistem Komputer

Kulinari

Seni Reka Fesyen

Pemasaran

Pendidikan Kanak-kanak

Bakeri dan Pastrri

Pengurusan Perniagaan

Pemesinan Industri

Pemprosesan Makanan

Pelancongan

Hortikultur

Agroindustri Tanaman

Insurans

TEMA 11

Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa



# Terima Kasih Kolej Vokasional

Kolej vokasional terbukti mampu melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing tinggi dan mempunyai nilai kebolehpasaran. Nur Amira binti Halil, seorang usahawan muda baulu telah membuktikan pernyataan tersebut. Beliau yang merupakan bekas pelajar Kolej Vokasional Ekonomi Rumah Tangga (ERT) Setapak dalam bidang kuliner telah memulakan perniagaan baulu pada tahun 2016. Sehingga kini, perniagaan yang diusahakan oleh beliau berkembang maju. Mari kita teliti ringkasan maklumat tentang beliau.



## Kejayaan:

- Memasarkan kuih baulu di dalam negara dan pada peringkat antarabangsa.
- Memiliki kilang pengeluaran di Klang, Selangor.
- Menerima Anugerah Usahawan Belia 2019 daripada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang juga dikenali sebagai *Federal Agricultural Marketing (FAMA)*.



## Rahsia kejayaan:

- Tidak mudah berputus asa.
- Sentiasa berfikiran positif.
- Sentiasa berusaha dan mempunyai keyakinan yang tinggi.
- Berani mengambil risiko.
- Bijak mengambil peluang dan menyelesaikan masalah.
- Sentiasa tawakal dan menghormati ibu bapa.



## Tahukah anda?

### Tujuh Kemahiran Insaniah

- Kemahiran berkomunikasi.
- Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.
- Kemahiran kerja berpasukan.
- Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat.
- Kemahiran keusahawanan.
- Etika dan moral profesional.
- Kemahiran kepimpinan.

Antara soalan yang sering dikemukakan oleh penemu duga ialah:

- Mengapakah syarikat ini perlu memberikan jawatan ini kepada anda?
- Mengapakah anda layak menjawat jawatan dalam syarikat ini?
- Bagaimanakah kekuatan diri anda dapat menyumbang kepada kejayaan syarikat ini?
- Apakah yang boleh anda tawarkan kepada syarikat ini?

1.5.3 Bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin.





Membaca



Tatabahasa

# Simpan, Labur, dan Untung!



Aktiviti

1. Baca dan hayati bahan. Pilih kosa kata khusus berdasarkan bidang dan jelaskan maksudnya dengan merujuk kamus.
2. Kenal pasti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama dalam bahan. Kemudian, tulis perenggan dengan menggunakan semua frasa tersebut.
3. Kenal pasti maklumat tentang bentuk-bentuk pelaburan yang dijamin oleh pihak kerajaan dan kongsi kan maklumat tersebut dengan rakan anda.

## Kenali SSPN-i

### Apakah itu SSPN-i?

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu skim simpanan wang yang telah direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pembiayaan pengajian pendidikan tinggi. Melalui skim ini, pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian mereka di politeknik, pusat pengajian tinggi awam dan swasta wajib mempunyai akaun SSPN-i dengan simpanan minimum seperti yang ditetapkan oleh PTPTN.

### Bagaimanakah membuka akaun SSPN-i?

Cara membuka akaun ini sungguh mudah. Anda boleh membuka akaun SSPN-i secara dalam talian, atau berurusan di kaunter PTPTN dan bank-bank terpilih.

### Bolehkah wang simpanan dikeluarkan atau akaun ditutup?

Pendeposit boleh membuat pengeluaran atau penutupan akaun pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN.

### Istimewakah SSPN-i?

Pelajar yang memiliki akaun ini akan layak memohon pinjaman pendidikan. Selain itu, sebagai pendeposit, ibu bapa memperoleh pelbagai keistimewaan. Antaranya, terdapat pelepasan taksiran cukai pendapatan dan perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang memiliki simpanan RM1000.00 dan ke atas. Di samping itu, simpanan wang dalam skim ini dijamin oleh kerajaan dan mempunyai kadar dividen yang kompetitif. Proses tabungan wang juga mudah kerana terdapat lebih 3000 cawangan ejen skim ini di seluruh Malaysia.

### Bilakah dan siapakah yang boleh membuka akaun ini?

Akaun ini boleh dibuka oleh ibu bapa atau penjaga yang merupakan warganegara Malaysia untuk anak atau anak jagaan mereka seawal usia satu hari hingga berumur 29 tahun. Bagi kategori yang kedua pula, warganegara yang berumur 18 tahun hingga 29 tahun diberikan pilihan sama ada membuka akaun individu atau menjadi penerima manfaat daripada akaun yang dibuka oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Bagi warganegara yang berumur 29 tahun ke atas, mereka perlu membuka akaun individu.

(Sumber: <https://www.ptptn.gov.my/>)



## Terima kasih, ayah!

“Saya ditawarkan biasiswa untuk belajar di universiti!”

“Wah, tahniah! Awak ni hebat sungguh.”

“Awak pula bagaimana? Awak dah dapat keputusannya?”

“Saya tidak senasib dengan awak.”

“Tentu ada peluang lain nanti. Janganlah sedih sangat!”

Setiap kali Aiman membaca mesej perbualannya dengan Ganesh, perasaan kesal menyerbunya. Kalaulah dia mendapat keputusan peperiksaan SPM yang lebih baik, tentu peluang untuk mendapat biasiswa seperti Ganesh akan terbuka luas untuknya.

Tatkala dia melihat Ganesh yang begitu teruja untuk melanjutkan pelajaran, dia seakan-akan terkontang-kanting tanpa hala tuju. Keinginannya untuk melanjutkan pelajaran ke kolej yang menawarkan bidang pelajaran yang diminatinya itu terkubur.

‘Macam mana ni? Nak belajar pun tak ada modal. Nasib, nasib,’ keluhnya sendirian. Kemudian, dia teringat kata-kata Cikgu Amir.

“Dengan perkembangan ekonomi masa ini, telah muncul pelbagai bidang kerjaya. Macam-macam bidang ilmu yang boleh awak terokai dan mempunyai pasaran kerja yang luas. Pokok pangkalnya, ilmu yang ada di dada. Berusahalah bersungguh-sungguh.”

Kata-kata Cikgu Amir itu seakan-akan suatu azimat yang ditiup kepadanya. Dia yang berminat dengan bidang pemasaran dan pelaburan ingin menceburi bidang tersebut sebagai kerjayanya suatu hari nanti. Namun, impiannya hancur berkecai. Dia gagal memperoleh biasiswa. Dia kesal. Sanggupkah dia membebankan ayah dan ibunya demi mencapai aspirasi hidupnya? Dia juga tidak sanggup melihat ayahnya bergolok bergadai atau ada hutang di sana-sini untuk menanggung kos pembelajarannya nanti.

Tiba-tiba, ayah dan ibu muncul. Mereka dari dapur.

“Man, sudah isi borang untuk ke kolej yang Man cakapkan hari tu?” soal ayah.

“Entahlah ayah. Tak jadilah Man hendak belajar di kolej tu. Belanjanya besar,” katanya dengan nada yang perlahan.

“Apa masalahnya? Kita bukannya tak ada duit. Gunalah duit simpanan SSPN-i. Memang itulah tujuannya, bukan?” kata ayah.

“Eh, sejak bila pula Man menyimpan wang dalam akaun itu?” soalnya kehairanan.


“Man memanglah tak menyimpan, tetapi ayah menyimpan untuk Man. Akaun itu ayah buka sejak Man berumur satu hari lagi. Inilah masa yang sesuai untuk kita gunakan wang simpanan tu,” jelas ayah.

Kata-kata ayah menyembuh kekesalannya. Aiman amat gembira. Dia bersyukur.

“Man mendaftar pengajian ke kolej tu sekarang juga,” kata Aiman.

“Daftar kolej apanya? Hari ni hari Ahad!”

“Daftar secara dalam talian, mak,” balas Aiman sambil memanjat anak tangga ke tingkat atas rumahnya.



2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksi dan bukan fiksi untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.

5.3.1 Mengenal pasti dan menggunakan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dengan betul mengikut konteks.





# Tak Takut Rugi?



IMBAS SAYA



Aktiviti

1. Berdasarkan petikan, apakah kebaikan perniagaan dalam talian?
2. Terokai maklumat tentang bentuk-bentuk penipuan lain yang pernah berlaku terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam perniagaan maya ini. Terangkan maklumat tersebut kepada rakan anda.
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan anda tertipu apabila melibatkan diri dalam perniagaan dalam talian?

## Waspada Selalu

Haikal sedang membungkus barangan yang akan dipos kepada pelanggannya. Tiba-tiba, Suresh menyapanya.

“Kali ini, dari mana pula pelanggan awak?”

“Kelantan.”

“Dengan adanya perniagaan dalam talian ini, orang Kelantan atau mana-mana negeri boleh membeli barang di mana-mana sahaja, ya. Lebih menarik lagi, orang muda seperti awak dah jadi ahli perniagaan. Tapi Haikal, awak perlu sentiasa berhati-hati dengan perniagaan dalam talian. Banyak penipuan yang telah dilakukan, sama ada oleh penjual mahupun pembeli.”

“Bercakap tentang perkara itu, saya hampir ditipu bulan lepas. Pembeli ini cuba menipu saya dengan menggunakan teknik pembayaran berjadual.”

“Teknik apa pula tu, Haikal? Tak pernah dengar pun sebelum ini.”

“Melalui teknik ini, pembeli akan membuat pembayaran secara dalam talian dan meletakkan tarikh lain untuk bayaran itu dimasukkan ke dalam akaun penjual. Contohnya, bayaran yang dibuat pada hari ini tetapi duit akan dimasukkan ke dalam akaun penjual mengikut tarikh yang dipilih oleh pembeli. Resit sebagai bukti bayaran akan dikeluarkan oleh pihak bank selepas transaksi selesai dibuat. Pembeli akan mengemukakan resit tersebut kepada penjual sebagai bukti bayaran.”

“Habis tu, bagaimana pula penjual itu akan tertipu?”

“Biasanya, apabila pembeli sudah menunjukkan bukti pembayaran, penjual akan terus mengedahkan barang yang dibeli. Sebaik pembeli menerima barang tersebut, mereka akan membatalkan bayaran berjadual itu secepat mungkin. Maka meloponglah si penjual kerana barang sudah dipos sedangkan wang bayaran tidak diperolehi.”

“Wah, licik betul! Bagaimanakah awak dapat mengesan penipuan pembeli ini?”

“Saya rasa pelik apabila pembeli ini terlalu menggesa saya untuk mengedahkan barangan yang dipesan dengan segeranya selepas dia mengemukakan resit bank sebagai bukti bayaran. Kemudian, saya membuat semakan pada akaun saya. Terkejut saya dibuatnya. Bayaran yang dinyatakan oleh pembeli ini belum masuk ke dalam akaun saya.”

“Nasib baik awak menyemak akaun awak terlebih dahulu. Kalau tidak, awak pun turut sama melopong.”

Kedua-dua rakan itu tertawa kecil. Namun, di sebalik kejadian ini, ada iktibar buat si peniaga muda. Berwaspadalah selalu, ya!





# Manfaat Cukai




Berdasarkan bahan di bawah, tulis karangan tentang "Kepentingan Cukai kepada Negara" dengan menggunakan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.



di mana ada gula, di situ ada semut  
cermat masa banyak, jimat masa sedikit  
besar periuk, besarlah keraknya  
condong diumpil, lemah dianduh





Seni dan kreativiti  
Setinggi-tinggi anugerah Ilahi  
Mencanai akal, mengukir jati diri  
Membangkitkan estetika, membangunkan budaya.

## TEMA 12

# ASLI DAN KONTEMPORARI

1. Benarkah orang seni mempunyai daya kreativiti yang tinggi? Mengapa?
2. Apakah makanan tradisional yang paling anda gemari? Apakah resipinya?
3. Pada pendapat anda, adakah seni dan budaya pelbagai kaum di negara kita masih diamalkan?









# Ekspresi Diri



1. Analisis bahan. Kemudian, kemukakan idea yang bernas dan rasional dalam perbincangan secara bertatasusila.
2. Berbincanglah dengan guru dan rakan anda tentang idea lukisan mural 3D. Kemudian, laksanakan projek melukis mural 3D di sekolah.



## Seni Jalanan: MURAL dan GRAFITI

Mural ialah suatu lukisan besar pada ruang bangunan atau ruang dinding. Lukisannya berkisar tentang sesuatu benda, peristiwa, cerita, atau pengalaman yang mengusik perasaan yang dilahirkan dengan cara yang cukup halus, cekap, lagi mendalam. Oleh sebab itu, seni mural ini bukan sekadar karya seni untuk menceriakan sesuatu kawasan, malahan mengandungi maksud atau nasihat tertentu yang tersirat.

Grafiti pula ialah suatu lakaran yang dibuat pada dinding. Suatu ketika, grafiti ini dikaitkan dengan golongan muda yang mahu meluahkan perasaan yang bergelojak. Oleh sebab itu, grafiti dipandang negatif dan dianggap sebagai vandalisme kerana contengan-contengan liar yang dihasilkan oleh golongan ini agak menjengkelkan.

Namun kini, lukisan jalanan mural dan grafiti merupakan salah satu seni yang sedang berkembang maju. Gerakan pihak pengurusan perbandaran memperindah persekitaran bandar, terutamanya bangunan melalui sentuhan karya seni ini telah menampakkan kejayaan. Dalam sekelip mata, kawasan bandar yang mempunyai mural ini menjadi popular dan menerima kunjungan daripada peminat seni dan pelancong dari serata tempat. Semuanya gara-gara penyebaran gambar mural yang giat berlaku melalui media sosial.

Berlatarkan cerita dongeng rakyat yang terkenal, iaitu “Sang Kancil dan Buaya”, mural ini menceriakan suasana pada dinding sebuah bangunan rumah kedai setingkat di persimpangan antara Jalan Tun H.S. Lee dengan Jalan Tun Tan Cheng Lock di ibu kota.







Mural pada dinding yang membawa mesej keunikan kebudayaan dan kesenian dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia yang menjadi projek murid-murid sekolah.



Mural pada dinding bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka antara mural awal yang terhasil di Malaysia.



Lukisan Terowong Kereta Api Kluang ialah lukisan 3D pertama yang dibuat di atas jalan berturap di Malaysia.



Antara mural yang menghiasi lorong belakang premis di Jalan Alor, Bukit Bintang yang diusahakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.





# Asimilasi Seni



1. Baca dan kenal pasti masalah dalam kedua-dua bahan. Kemudian, berbincanglah dengan rakan anda untuk menyelesaikan masalah secara rasional.
2. Berbincanglah dengan ahli kumpulan anda untuk merancang satu projek yang berkaitan dengan caklempong.

## Caklempong

Muzik tradisional caklempong dikatakan telah dibawa ke Tanah Melayu oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat yang menetap di Negeri Sembilan seawal kurun ke-14. Masyarakat Minangkabau memanggil caklempong sebagai talempong.

Caklempong merupakan alat muzik tradisional yang tergolong dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Alat ini diperbuat daripada gangsa menggunakan teknik acuan. Dalam tradisi terdahulu, caklempong dimainkan semasa upacara pertabalan sultan. Kini, caklempong dimainkan dalam pelbagai situasi, antaranya dalam upacara perkahwinan, perasmian majlis, dan keraian, malahan turut menjadi muzik iringan bagi pencak silat dan tarian.

Setelah melalui tempoh penyelidikan yang agak lama, caklempong diberi susunan baharu berbanding dengan susunan diatonik ketika awal imigrasi. Dengan bilangan bonang yang telah ditambah menjadi kromatik, kini caklempong turut diiringi alat muzik moden. Malah, dalam sesebuah persembahan berskala besar, caklempong turut diiringi oleh orkestra. Walau bagaimanapun, banyak pendapat yang mengatakan bahawa caklempong perlu dikekalkan keasliannya.

Kini, setelah sekian lama bertapak dan berkembang di negara kita, sudah tibalah masanya muzik caklempong diterima oleh masyarakat berbilang kaum sebagai muzik warisan bangsa milik semua. Di samping itu, pelbagai cabaran termasuk cara menarik minat generasi muda untuk mempelajari dan menghayati muzik ini perlu ditangani demi kelestariannya.

(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS))



# Kumpulan Caklempong Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir (Saser)

Kumpulan Caklempong Saser ditubuhkan pada tahun 2007 di bawah bimbingan Puan Aini Haziah binti Amirullah dengan bantuan khidmat jurulatih dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS). Pada tahun 2009, di bawah bimbingan Cikgu Fizzy Sherani binti Mohd. Izhar, Kumpulan Caklempong Saser mulai berkembang dan berjinak-jinak dengan pertandingan serta persembahan di luar sekolah. Pencapaian kumpulan ini begitu memberangsangkan dalam pertandingan yang disertai. Namun, pelbagai cabaran perlu ditangani untuk memastikan kejayaan yang dicapai dapat dikekalkan. Antara cabaran tersebut ialah kesukaran untuk mendapatkan murid yang mahir atau mempunyai kemahiran asas muzik caklempong, kekangan waktu untuk latihan, dan kekangan kewangan kerana kos untuk membaiki kerosakan alat muzik dan kos tenaga pengajar luar agak tinggi.

## Pencapaian Caklempong Saser

### Pertandingan Caklempong

1. Festival Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan
  - 2010: Tempat ke-4
  - 2012: Johan
2. JKKNNS
  - 2010: Juara Keseluruhan dan Gubahan Terbaik
  - 2012: Johan
3. Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Peringkat Kebangsaan
  - 2011: Johan Keseluruhan dan Gubahan Terbaik
  - 2015: Johan dan Anugerah Emas
  - 2013: Naib Johan dan Persembahan Terbaik
  - 2019: Anugerah Emas
  - 2014: Naib Johan dan Persembahan Terbaik

### Persembahan

1. 2011: *Asian Gifted Student Fair* di Sekolah Menengah Sains Kepala Batas.
2. 2015: *Youth Tourism Fair* dan mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Record* apabila berjaya membuat persembahan caklempong selama 36 jam tanpa henti.
3. 2015: *4<sup>th</sup> Regional Conference on Educational Leadership and Management* (RCELAM) di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
4. 2019: Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang, dan Pingat Hari Keputeraan Ke-71 DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.



(Sumber: Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir (SASER))

2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional.



# Indahnya Terapeutik



1. Baca bahan dengan menggunakan teknik ACID. Kemudian, olah maklumat daripada bahan dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.
2. Cari maklumat tentang urutan tradisional kaum lain yang terdapat di negara kita dan persembahkan maklumat dalam bentuk grafik yang menarik.



## Jari-jemari Ajaib

Urutan ialah suatu seni yang diamalkan sejak dahulu lagi sebagai rawatan untuk melegakan kesakitan. Setiap kaum mempunyai rawatan urutan tradisional masing-masing. Orang Melayu dan beberapa suku kaum lain dengan rawatan urutan tradisional, orang Cina dengan rawatan *Tuinalogi*, manakala orang India dengan kaedah urutan perubatan tradisional India seperti Terapi *Basti* Luaran, Terapi *Varmam*, dan *Shirodhara*.

Urutan tradisional ialah kaedah alternatif untuk mengembalikan kesegaran tubuh, melegakan kesakitan, memulihkan urat saraf, dan melancarkan aliran darah. Mereka yang pakar dengan urutan lazimnya akan dapat mengenal pasti kawasan yang sakit secara tepat.

Rata-rata mereka yang mengamalkan kaedah urutan tradisional ini berpandangan bahawa kaedah ini membantu pesakit untuk mengelakkan kebergantungan terhadap ubat tahan sakit yang bersifat sementara. Apatah lagi, kaedah rawatan perubatan tradisional Melayu, Cina, dan India turut diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mulai tahun 2007, KKM telah menubuhkan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari di hospital kerajaan yang menawarkan rawatan perubatan tradisional seperti urutan tradisional Melayu, Terapi *Basti* Luaran, Terapi *Varmam*, dan *Shirodhara*.

Bagi urutan tradisional Melayu, sebanyak 13 Unit Perintis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) telah ditubuhkan di 13 buah hospital kerajaan terpilih. Hospital kerajaan terpilih tersebut ialah Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang (2007), Hospital Putrajaya, Putrajaya (2008), Hospital Sultan Ismail, Johor (2008), Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu (2009), Hospital Duchess of Kent, Sabah (2009), Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah (2010), Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan (2010), Hospital Umum Sarawak (2010), Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Pahang (2011), Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan (2011), Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur (2012), Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Sabah (2013), dan Hospital Jasin, Melaka (2014).

Berdasarkan statistik pesakit yang menerima rawatan PT&K di fasiliti kesihatan kerajaan mengikut jenis perkhidmatan dari tahun 2014 hingga 2018, urutan tradisional Melayu mendapat banyak sambutan daripada orang ramai. Pada tahun 2014, sebanyak 18 683 orang pesakit telah menerima rawatan urutan tradisional Melayu ini. Bilangannya meningkat kepada 20 819 orang pada tahun 2015 dan 21 337 orang pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, bilangannya merosot sedikit kepada 18 184 orang pada tahun 2017 dan 17 580 orang pada tahun 2018.



# Konsep Urutan Melayu Tradisional

1

## Urutan *postnatal*

Urutan yang dilakukan terhadap ibu-ibu yang baru melahirkan anak dan masih dalam tempoh berpantang. Rawatan yang disediakan termasuklah mandian herba, bertungku, dan berbengkung.

2

## Urutan patah

Urutan yang khusus dilakukan untuk merawat tulang yang patah dan dilakukan dengan tepukan lembut, usapan, dan regangan pada bahagian yang dirawat sambil membaca doa.

3

## Urutan terapeutik

Urutan yang dilakukan pada bahagian tertentu tubuh yang sakit atau rengsa.

4

## Urutan peningkatan daya tahan reproduktif

Urutan yang melibatkan bahagian tertentu pada tubuh dengan tujuan untuk menambah baik fungsi sistem reproduktif.

(Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia)

3.5.2 Mengolah maklumat daripada pelbagai bahan dalam **bentuk grafik** yang sesuai dan menarik.





Mendengar dan Bertutur



Seni Bahasa

# Dari Dapur Bunda



Aktiviti

1. Analisis bahan. Kemudian, olah bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.
2. Berdasarkan bahan, persembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.
3. Cipta resipi baharu dan persembahkannya dalam bentuk sketsa secara kreatif dan menarik.



## Air Tangan yang Dinanti

Air tangan ialah simpulan bahasa yang bermaksud masakan seseorang. Tidak kiralah jenis masakannya, setiap daripada kita pasti merindui atau ternanti-nanti masakan seseorang.

Apakah air tangan yang anda rindui?



Kambing berempah




Kari ayam



Kerutuk ikan



Capcai



Pais ikan patin tempoyak





# Pais Ikan Patin Tempoyak

(hidangan untuk 2 - 3 orang)

## Bahan-bahan:

- ikan patin saiz sederhana (dipotong, jika perlu)
- tempoyak
- 10 tangkai cili padi } (tumbuk hingga lumat)
- kunyit hidup } (dibersihkan dan dilayur)
- garam
- gula
- daun pisang

## Cara menyediakannya:



Gaulkan bahan yang ditumbuk dengan gula, garam, dan tempoyak.



Lumurkan bahan yang digaul pada ikan yang diletakkan di atas daun pisang.



Bungkus ikan. Kemudian, bakar hingga naik bau.



Pais ikan patin tempoyak sedia untuk dihidangkan.



Judah dihidangkan dengan urap pucuk paku.

3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

4.4.1 Mempersembahkan sketsa dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik.





# Hutan Kecilku



Aktiviti

1. Kenal pasti masalah yang terdapat dalam bahan. Kemudian, berunding dengan ahli kumpulan anda untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.
2. Kenal pasti pola ayat dasar dalam bahan. Kemudian, bina perenggan dengan menggunakan ayat dasar tersebut.
3. Berunding dalam kumpulan tentang cadangan pelaksanaan projek terarium. Kemudian, bentangkan cadangan tersebut untuk memilih cadangan yang terbaik.



## Terarium

Encik Rozman bin Sharif telah menugaskan murid Tingkatan 4 Sinergi untuk menjalankan projek penanaman pokok hiasan di bilik darjah. Oleh itu, murid-murid telah berbincang dalam kumpulan untuk mencadangkan projek yang sesuai berserta rasionalnya secara ringkas. Yang berikut ialah catatan yang disediakan oleh setiap kumpulan.

### Kumpulan 1

Cadangan: Terarium Tertutup

- Taman mini di dalam bekas lut sinar.
- Bekasnya bertutup.
- Bekasnya pelbagai bentuk.
- Bentuk bekasnya menarik.
- Tumbuhan yang sesuai tumbuhan tropika.
- Penyediaannya agak sukar.
- Penjagaannya agak mudah.
- Penyiraman tidak perlu kerap.
- Penutup perlu dibuka seminggu sekali.
- Bekas tertutup mengelakkan jangkitan kulat.

### Kumpulan 2

Cadangan: Terarium Terbuka


- Terarium cantik.
- Terarium tidak memerlukan ruang yang luas.
- Bekasnya daripada bahan terbuang.
- Taman mini hutan hujan tropika.
- Tumbuhan yang sesuai tumbuhan yang menyimpan air.
- Penyiramannya perlu kerap.
- Tumbuhan berbunga tidak sesuai.
- Kos pembuatannya rendah.
- Terarium menyegarkan udara bilik.
- Penyediaannya mudah.





## Apakah Terarium?

Terarium berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud medium atau bekas yang diperbuat daripada kaca, plastik, atau bahan lut sinar lain yang berisi tanaman. Terarium juga boleh ditafsirkan sebagai taman mini yang dapat menggambarkan ekosistem gurun, padang pasir, hutan hujan tropika, laman Jepun, laman Inggeris, atau laman Cina dalam medium kaca.



### Langkah penyediaan terarium adalah seperti yang berikut:

- 1) Sediakan bekas lut sinar.
- 2) Letakkan batu kerikil di bahagian bawah bekas lut sinar.
- 3) Letakkan jaring yang dipotong di bahagian atas batu kerikil.
- 4) Rendam medium tanaman seperti serat kelapa, tanah, atau habuk kayu di dalam air terlebih dahulu bagi melembapkannya. Kemudian, letakkan medium tanaman hingga menutupi bahagian atas jaring.
- 5) Rancang reka letak tumbuhan mengikut kreativiti. Kemudian, keluarkan tumbuhan daripada bekasnya dan pindahkan ke dalam bekas lut sinar dengan menggunakan penyepit.
- 6) Hiaskan dengan lumut, batu-batu, atau hiasan lain yang sesuai.
- 7) Siram terarium anda dengan air yang mencukupi dan tutup (bagi terarium tertutup), sebelum diletakkan di tempat yang sesuai.

1.7.2 Berunding untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.

5.3.2 Mengenal pasti dan menggunakan ayat dasar yang betul.





# Kraf Malaysia



Aktiviti

Analisis bahan. Kemudian, kemukakan pendapat anda berserta huraian yang sesuai dan rasional tentang bahan secara bertatasusila.



TEMA 12

Asli dan Kontemporari



09



10



01



02



08

## Oleh-oleh Citra Negara

03




07

04



06

05







# Duta Remaja Filharmonik



Aktiviti

Berdasarkan bahan, hasilkan infografik tentang Tengku Ahmad Irfan secara kreatif.



## Inspirasi Kejayaan

- Tengku Ahmad Irfan bin Tengku Ahmad Shahrizal.
  - Dilahirkan pada 21 Mei 1998 di Kuala Lumpur.
  - Minatnya kepada seni muzik klasik bermula selepas ayahnya menghadihkan *keyboard* elektronik sewaktu dia berusia enam tahun.
  - Selepas mengikuti kelas piano klasikal, dia mula menghasilkan dan memainkan muzik secara spontan.
- Ketika berumur sembilan tahun, dia menyertai *Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO) Encounter Program*, iaitu program untuk memberikan pendedahan kepada kanak-kanak dan remaja mengenai dunia muzik klasikal.
  - Dia dijemput untuk uji bakat oleh pengarah muzik MPO pada waktu itu, Maestro Claus Peter Flor.
- Lagu ciptaannya yang berjudul “Keraian” dimainkan oleh orkestra terkemuka dunia, orkestra *New York Philharmonic* ketika beliau berumur 14 tahun.
  - Membuat persembahan piano dan juga lagu ciptaan sendiri “*Vivacity*” dalam orkestra terkemuka dunia, *Mitteldeutscher Rundfunk Simfonieorchester* pada tahun 2016, di Dewan Leipzig Gewandhaus, Jerman.
  - Menerima anugerah *Kovner Fellowship Award* dari Juilliard School, New York, Amerika Syarikat.
- Menerima anugerah *American Society of Composers, Authors & Publishers (ASCAP) Charlotte Bergen Award* pada tahun 2012.
  - Menerima anugerah *American Society of Composers, Authors & Publishers (ASCAP) Morton Gould Young Composer Award* tiga kali untuk tahun 2012, 2014, dan 2017.
  - Mendapat tempat pertama dalam pertandingan piano *Aspen Music Festival 2013*.
  - Dilantik menjadi Duta Remaja *Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO)* pada tahun 2018.

TEMA 12

Asli dan Kontemporari



Duta Remaja Filharmonik -  
Tengku Ahmad Irfan bin  
Tengku Ahmad Shahrizal.

Tengku Ahmad Irfan memimpin MPO  
di Dewan Filharmonik Petronas.

Tengku Ahmad Irfan memimpin MPO  
di Esplanade Singapura.





Alam luas terbentang  
Seyojana mata memandang  
Darat, laut, bulan, bintang  
Jutaan tahun usia tak terbilang  
Diwarisi daripada nenek moyang  
Diwariskan kepada generasi akan datang.

## TEMA 13

# SEGALANYA BERMULA DI SINI

1. Apakah yang perlu dilakukan agar alam sekitar lestari?
2. Bagaimanakah rupa burung botak upeh?
3. Apakah yang anda tahu tentang diorama?
4. Malaysia bermula di Langkawi? Jelaskan pendapat anda.









# Lubuk Akal, Tepian Ilmu



1. Fahami situasi dalam bahan. Kemudian, berundinglah untuk menyelesaikan masalah secara kritis dan rasional menggunakan bahasa yang santun.
2. Pilih satu situasi dan hasilkan inovasi bagi menyelesaikan masalah dalam situasi tersebut.



## Celik Akal (1)

Di ruang tamu, sebuah keluarga sedang duduk berkipas kerana kepanasan setelah bekalan elektrik tiba-tiba terputus.





## Celik Akal (2)

Sekolah akan mengadakan pertandingan keceriaan bilik darjah. Setiap murid diminta menghias bilik darjah dengan bahan terbuang. Untuk tujuan itu, selaku guru tingkatan, Puan Dilla telah bermesyuarat dengan murid Tingkatan 4 Sinergi. Mereka sepakat mahu menghasilkan inovasi dan masing-masing telah mengemukakan pandangan tentang bahan dan cara untuk menghias bilik darjah.







# Patah Dagu

## Bertongkat Paruh



Aktiviti

1. Baca bahan. Kemudian, ulas pandangan penulis secara rasional. Anda juga dikehendaki menerokai maklumat lanjut tentang bahan daripada pelbagai sumber.
2. Persembahkan syair dengan nada dan intonasi yang sesuai melalui pelbagai media secara kreatif.
3. Kemukakan pendapat tentang usaha-usaha yang dijalankan untuk memelihara haiwan yang terancam.



## BURUNG BOTAK UPEH

Membaca namanya sahaja tentu ada yang berasa hairan dan akan tertanya-tanya. Burung apakah ini? Jika gambarnya sahaja yang dilihat tanpa membaca namanya, tentu ada yang akan menganggapnya burung bangau. Mengapakah keadaan ini berlaku? Mengapakah burung botak upeh sudah tidak dikenali? Jawapannya tidak lain dan tidak bukan kerana burung botak upeh sudah lama tidak kelihatan di habitat yang sepatutnya. Burung botak upeh atau nama saintifiknya *Mycteria cinerea* sedang diancam kepupusan yang amat serius. Dahulu, burung botak upeh sering kelihatan di habitat semula jadinya, terutamanya di kawasan hutan paya bakau. Kini, kita perlu ke Zoo Negara dan Zoo Taiping untuk melihatnya dari dekat.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memulihara burung botak upeh yang semakin berkurangnya bilangannya. Perhilitan dan Zoo Negara pada tahun 2007 telah menjalankan Program Pelepasan Semula Burung Botak Upeh di Kuala Gula, Perak bagi membantu meningkatkan semula populasi burung ini di habitat semula jadi.

Hingga kini, burung botak upeh mungkin masih dapat ditemukan di sekitar Pulau Kalumpang di dalam Suaka Burung Kuala Gula, Perak. Namun, dikhuatiri kemandirian burung botak upeh di kawasan tersebut sangat rendah kerana kesukarannya untuk mencari habitat yang sesuai.



## Faktor Utama Ancaman

### Kehilangan dan Degradasi Habitat

- Pengecilan saiz hutan bakau akibat aktiviti penebangan untuk bermacam-macam tujuan.
- Perubahan ekosistem akibat hakisan pantai berlumpur menyebabkan burung botak upeh sukar mendapat sumber makanan.

### Pemburuan Haram dan Kegiatan Manusia

- Pada 1987, *Birdlife International* melaporkan bahawa sarang burung botak upeh ditinggalkan oleh induknya akibat pemburuan haram dan gangguan manusia di Pulau Ketam, Selangor.
- Burung botak upeh dianggap sebagai ancaman kepada kolam-kolam akuakultur yang berdekatan dengan Kuala Gula, Perak.

### Pencemaran

- Pencemaran yang berlaku di muara Sungai Klang dan Selat Melaka.
- Pencemaran akibat sisa industri dan penggunaan racun serangga.
- Sisa kumbahan kolam akuakultur menyebabkan perubahan kepada ekosistem.

## Syair Burung Botak Upeh

Si burung botak upeh punya hikayat,  
Beribu tahun termaktub riwayat,  
Sejahtera kerana prihatinnya rakyat,  
Hidup harmoni sepanjang hayat.

Di dahan pokok berbuat sarang,  
Pokok perepat bukan sebarang,  
Bebas terbang tiada melarang,  
Di kuala dan muara hatinya girang.

Nasibnya kini sudah berubah,  
Si burung botak upeh tidak bertambah,  
Hutan bakau rakus dirambah,  
Sarang si upeh ke bumi menyembah.

Air muara terasa sembilu,  
Terbanglah upeh di angin lalu,  
Ke negeri damai seperti dahulu,  
Mengenang nasibmu terasa pilu.

Dunia ini pinjaman hanya,  
Tiada apa kita yang punya,  
Kembalikan upeh ke tempat asalnya,  
Tugas siapa usah ditanya.

Zuhaa Zayyan  
RPP, Port Dickson

(Sumber: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan))



2.3.5 Membaca dan mengulas pandangan penulis secara rasional.

4.4.2 Mempersembahkan **syair** dan pantun dengan nada dan intonasi yang sesuai pelbagai media secara kreatif.





# Kuasa Graviti



1. Analisis maklumat yang terdapat dalam bahan. Kemudian, olah maklumat dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.
2. Terokai maklumat tentang teknologi hijau dan persembahkan maklumat tersebut dalam bentuk yang kreatif.



## Keajaiban Telaga Tujuh

Sejak dibuka kepada orang ramai pada tahun 1995, Air Terjun Telaga Tujuh amat dikagumi dan dikenali ramai sebagai air terjun paling cantik di Langkawi, Kedah. Air terjun ini bermula dari kawasan puncak Gunung Machinchang lalu membentuk tujuh buah air terjun dengan tujuh buah telaga di tujuh ketinggian yang berbeza. Air hujan yang turun di kawasan gunung yang bebas daripada pencemaran ini akan meresap masuk ke dalam tanah lalu ditapis secara semula jadi sebelum airnya yang jernih masuk ke dalam aliran Air Terjun Telaga Tujuh. Air yang jernih ini akan mengalir dari satu telaga ke satu telaga yang lain dan akan melalui fasa penapisan yang unik oleh pelbagai agen penapisan semula jadi di setiap telaga sebelum terus mengalir ke laut.

Menyedari keunikan fenomena alam semula jadi yang begitu menakjubkan ini, sejak tahun 1996, Lembaga Pembangunan Langkawi atau *Langkawi Development Authority* (LADA) membangunkan Sistem Agihan Air Aliran Graviti tanpa menggunakan kuasa elektrik bagi kegunaan setempat. Sistem agihan air yang unik, cekap, mesra alam, dan amat berkesan dari segi kos ini masih digunakan hingga kini.



"Kami terpaksa mendaki begitu banyak anak tangga hingga kawasan telaga dua. Seterusnya, kami melalui latisan hutan ke telaga satu atau telaga biru lalu ke Puncak 701. Namun, kami berasa sungguh gembira dan bertuah kerana dapat menyaksikan kolam-kolam air terjun yang dalam, jernih, dan bersih serta pemandangan yang sangat indah."


**Tanie Jacopy,**  
Pelancong dari Perancis.



"Air yang melalui proses penapisan secara semula jadi mulai telaga satu dikumpulkan ke dalam dua buah tangki, iaitu di kawasan telaga dua dan telaga tujuh. Bekalan air bersih dari tangki di telaga tujuh ini adalah untuk kegunaan di pejabat renjer, surau, tandas, mahupun gerai-gerai jualan. Pengunjung yang datang juga menggunakan air daripada kedua-dua tangki ini."

**Mohamad Azrol bin Mat Rodzi,**  
Renjer Geopark.





(Sumber: Bahagian Geopark dan Konservasi, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA))

3.5.2 Mengolah maklumat daripada pelbagai bahan dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.





# Panorama Diorama



Aktiviti

1. Analisis bahan dan kemukakan pendapat anda dalam perbualan santai secara bertatasusila.
2. Kenal pasti ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang serta ayat majmuk. Kemudian, gunakan ayat-ayat tersebut dalam perenggan mengikut konteks.
3. Cipta diorama bertemakan alam sekitar.



## Akuarium dan Muzium Marin

Anda pernah menyaksikan diorama dasar laut? Jika anda berhasrat untuk menyaksikannya, silalah berkunjung ke Akuarium dan Muzium Marin Universiti Malaysia Sabah (AMUMS). AMUMS mempunyai pelbagai tarikan. Panorama di kompleks AMUMS yang terletak di kawasan pinggir laut sungguh mengagumkan. Digambarkan bahawa kompleks ini dimeriahkan oleh hidupan marin yang indah dan berwarna-warni. Pembinaan AMUMS ini untuk menginspirasi pemuliharaan hidupan laut. Pemuliharaan ini dilakukan melalui pendidikan, penyelidikan, inovasi, dan penerokaan.


Melalui lawatan ke AMUMS ini, pembelajaran mengenai hidupan marin menjadi lebih interaktif. Pembelajaran juga menjadi lebih menarik dan tiada nilai taranya, terutamanya apabila kita berada dalam situasi persekitaran kehidupan marin yang sebenar. Bahan pendidikan seperti ini mampu membuka mata kita tentang perkaitan antara semua benda hidup dengan alam marin yang kini amat perlu dilindungi. Hal ini secara tidak langsung mampu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan persekitaran marin dalam kehidupan manusia dan membenihkan rasa hormat serta perasaan sayang kita kepadanya.

Ruangan atrium memaparkan diorama menyelam di Taman Pulau Sipadan. Ruangan ini menimbulkan sensasi visual seperti berada di bawah dasar laut yang kaya dengan biodiversiti marin.

Di seksyen pameran akuarium, para pelawat dapat bertemu muka dengan pelbagai hidupan laut. Di sini, mereka dapat menyaksikan sifat-sifat unik karang hidup, kima, timun laut, landak laut, udang, penyu, rumput laut, dan hidupan lain yang begitu menghiburkan.

Di seksyen muzium pula, pelawat dapat menyaksikan spesimen hidupan marin yang telah diawet secara lebih dekat.

AMUMS dibuka untuk lawatan kepada orang awam, murid sekolah, para penyelidik dan pelancong luar negara. Bayaran masuk akan dikenakan. Hasil kutipan bayaran masuk tersebut adalah untuk pengurusan AMUMS.







Diorama Taman Pulau Sipadan



Hidupan marin di kawasan terumbu karang



Ikan kerapu hibrid



Muzium Marin

(Sumber: Akuarium dan Muzium Marin, Universiti Malaysia Sabah (AMUMS))

- 1.4.1 Menyampaikan pendapat tentang sesuatu perkara dalam perbualan santai secara bertatasusila.
- 5.3.3 Mengenal pasti dan menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang, dan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.





# Pulau 11 Gelaran



Aktiviti

1. Senaraikan kosa kata sukar dan cari maksud kosa kata tersebut. Kemudian, bina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kosa kata tersebut.
2. Cipta risalah bagi satu georimba yang lain.

## Taman Georimba Langkawi


Langkawi yang merupakan Pulau 11 Gelaran rupa-rupanya menyimpan sejarah negara yang panjang. Kajian yang dilakukan oleh sekumpulan ahli geologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah menemukan kewujudan batuan purba termasuk batu jatuh glasier yang berusia satu bilion tahun. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pembentukan muka bumi negara kita bermula dari Langkawi. Rentetan daripada itu, penggemblengan tenaga pelbagai pihak termasuk Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah membuahakan kejayaan yang amat membanggakan, iaitu konsep taman georimba. Konsep taman georimba ini telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai taman geologi dunia (*geopark*) ke-52 pada tahun 2007.

Terdapat tiga taman georimba di bawah *Langkawi UNESCO Global Geopark* (LUGGp), iaitu Taman Georimba Kambria Machinchang, Taman Georimba Kars Kilim, dan Taman Georimba Marmar Dayang Bunting. Setiap georimba yang menawarkan keunikan yang tersendiri ini telah menjadi daya tarikan Warisan Geologi Langkawi. Namun, daripada ketiga-tiga taman georimba tersebut, Taman Georimba Kambria Machinchang ialah yang tertua kerana mempunyai batuan yang dikenali sebagai Formasi Machinchang yang berusia antara 450 hingga 550 juta tahun.

Kini, tatkala kita berkunjung ke Langkawi, menghirup udara segar, menikmati panorama yang luar biasa indahnyanya, itu bukan sekadar cuti-cuti biasa. Kali ini, kita akan menikmati dan mengagumi Langkawi daripada perspektif yang berbeza.

Taman Georimba Marmar Dayang Bunting





Taman Georimba Kambria Machinchang



Taman Georimba Kars Kilim

### KEISTIMEWAAN LAIN TAMAN GEORIMBA KAMBRIA MACHINCHANG

- Bukti berdasarkan ciri-ciri batuan yang ada menunjukkan bahawa sejarah asal usul bumi Malaysia dan Asia Tenggara bermula di sini.
- Beberapa tapak kajian geologi menarik yang meliputi Teluk Datai, Pantai Tengkorak, Tanjung Buta/Pulau Jemuruk, dan Teluk Sabung.
- Keajaiban alam semula jadi yang terbentuk akibat proses geologi seperti Air Terjun Temurun dan Telaga Tujuh, Pulau Anak Burau dan Pulau Anak Datai, pantai yang indah di Teluk Datai dan Pantai Kok, serta landskap yang mengagumkan sepanjang Banjaran Machinchang.
- Hutan yang kaya dengan spesies flora dan fauna.
- Pemandangan Langkawi 360 darjah dari puncaknya.
- Kereta kabel sepanjang 2.2 kilometer, iaitu yang terpanjang dan dikatakan yang paling curam di dunia dibina hingga puncak Gunung Machinchang yang berketinggian 708 meter.

(Sumber: Bahagian Geopark dan Konservasi, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA))

2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksiyen dan **bukan fiksiyen** untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.





Penilaian

### Soalan 1

Berdasarkan maklumat dalam Jadual Harga Purata Item Terpilih di Semenanjung Malaysia, tulis ulasan tentang langkah-langkah yang diambil untuk menjadi pengguna yang bijak.

**Harga Purata Item Terpilih di Semenanjung Malaysia, Jun 2018 (RM)**

Bil.	Item Terpilih	Unit	Malaysia	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka
1.	Bayam	kg	4.47	4.70	4.31	4.45	4.65
2.	Bendi	kg	6.96	7.48	6.98	6.97	6.77
3.	Kubis Bunga	kg	7.91	7.87	7.60	8.23	8.67
4.	Pisang Emas	kg	4.31	3.71	4.93	4.20	3.90
5.	Ayam	kg	8.10	8.02	8.01	7.59	7.71
6.	Ikan Kembung	kg	14.41	14.10	13.52	15.69	15.08
7.	Udang	kg	30.53	29.72	26.42	31.33	30.11
8.	Kelapa Parut	kg	7.57	7.37	7.50	7.09	7.37

(Sumber: Diubah suai daripada: [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/Prices/CPI/CPI%20June%202018/hargaPurataJun2018.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Prices/CPI/CPI%20June%202018/hargaPurataJun2018.pdf))

### Soalan 2

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan dengan menggunakan bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.

1. Setiap kaum di negara kita mempunyai pakaian tradisional yang sewajarnya dipelihara. Jelaskan pendapat anda.
2. Anda berhasrat untuk menyertai pertandingan syarahan bersempena dengan Hari Koperasi. Tajuk syarahan yang anda pilih ialah "Etika Berjual Beli". Tulis teks syarahan anda selengkapnya.
3. Penduduk di seluruh dunia berkongsi alam sekitar yang sama. Huraikan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh negara-negara dunia untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.



### Soalan 3

Fahami bahan grafik di bawah. Kemudian, cadangkan langkah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut berserta sebab langkah tersebut dicadangkan.

## PENCEMARAN PLASTIK



Sedarkah kita bahawa kebanyakan plastik akan berakhir di sungai dan laut ataupun menjadi timbunan sampah yang mengambil masa yang lama untuk dilupuskan?

Jangka masa pelupusan sampah

- Kertas berlapisan plastik: 5 tahun
- Puntung rokok dan benang bulu biri-biri: 1- 5 tahun
- Kain nilon: 30 - 40 tahun
- Barangan kulit: 50 tahun
- Tin aluminium: 80 - 100 tahun
- Beg plastik: 20 - 1000 tahun

## KEMPEN HENTIKAN PENCEMARAN PLASTIK



Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

### Kesan kepada Alam Sekitar

100 000 kehidupan marin mati terperangkap dengan sisa plastik.



Hanya 9% sisa plastik dikitar semula pada tahun 2012.

Lebih 250 spesies hidupan marin terancam dengan pencemaran plastik.



Sekurang-kurangnya satu juta beg plastik digunakan setiap minit, iaitu 150 beg plastik setahun bagi setiap individu.

Secara purata, 500 cawan plastik digunakan di pejabat setiap tahun.

(Sumber: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM))



#### Soalan 4

Baca petikan dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

### Pantun Pembawa Hajat

Bersama sepetang makan pauh, Berderai tawa penghilang menung; Kami datang dari jauh, Hajat dibawa setinggi gunung.	Ikat <b>lirih</b> pancung serong, Gadis sunti Melayu jati; Tepak sirih kami sorong, Sebagai ganti hajat di hati.
Manis bersubang tuan puteri, <b>Kerudung</b> melingkar sudah keruan; Hajat kumbang hendak menyeri, Bunga mekar di taman tuan.	Zuhaa Zayyan Kg. Bumbun, Segamat

Maka ia bertanya pada Tun Mamad, katanya, “Orang mana kamu ini, dan hendak ke mana kamu?” Maka kata Tun Mamad, “Kami ini orang Melaka, nama hamba Tun Mamad, dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini, tiada boleh naik, akan hamba disuruhnya; dan tuan hamba, siapa nama tuan hamba?”

Maka sahut perempuan itu, “Nama hamba Dang Raya Rani, hambalah pengetua Puteri Gunung Ledang; nantilah hamba di sini, biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba itu pada tuan puteri.”

Setelah ia berkata, maka kelimanya lenyaplah; ada kadar sesaat maka kelihatan pula seorang perempuan tua, bongkok belakangnya lipat tiga. Maka ia berkata pada Tun Mamad, “Adapun segala kata tuan hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada tuan Puteri Gunung Ledang; akan titah tuan puteri, jikalau Raja Melaka hendakkan aku, perbuatkanlah aku jambatan emas satu dan jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang itu. Akan **peminangnya** hati nyamuk tujuh dulang; hati kuman tujuh dulang; air mata setempayan; air pinang muda setempayan; darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau ada demikian **kabullah** tuan puteri akan kehendak raja Melaka itu.”

(Sumber: Dipetik daripada *Sulalatus Salatun Sejarah Melayu Edisi Pelajar*, diselenggara oleh A.Samad Ahmad, 2018, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- Nyatakan maksud keseluruhan pantun.
- Berikan maksud kosa kata yang bercetak tebal.
  - kerudung
  - lirih
  - peminangnya
  - kabullah
- Bagaimanakah Tun Mamad boleh berada di puncak Gunung Ledang?
- Pada pendapat anda, mengapakah Puteri Gunung Ledang mengemukakan syarat kepada Sultan Mahmud Syah?
- Dalam istiadat peminangan, pantun digunakan sebagai pembuka bicara. Dalam istiadat peminangan juga, pihak wanita boleh mengemukakan syarat yang wajar dipenuhi oleh pihak lelaki yang ingin meminangnya.

Pada pendapat anda, adakah kedua-duanya masih boleh diteruskan pada zaman ini? Jelaskan alasan anda.



## Soalan 5

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

1. Berdasarkan ayat-ayat di bawah:

- i. Kenal pasti dan gariskan bahagian subjek dan predikat.
- ii. Kenal pasti dan tulis pola ayat.

- a. Suara penyanyi itu amat merdu sekali.
  - i. Subjek: \_\_\_\_\_  
Predikat: \_\_\_\_\_
  - ii. Pola ayat: \_\_\_\_\_
- b. Puan Maria suka menjahit pakaian anak-anaknya sendiri.
  - i. Subjek: \_\_\_\_\_  
Predikat: \_\_\_\_\_
  - ii. Pola ayat: \_\_\_\_\_
- c. Pemuda yang segar itu dari sebuah negeri di utara Semenanjung.
  - i. Subjek: \_\_\_\_\_  
Predikat: \_\_\_\_\_
  - ii. Pola ayat: \_\_\_\_\_
- d. Kanak-kanak yang sedang tertawa itu johan pertandingan syarahan alam sekitar.
  - i. Subjek: \_\_\_\_\_  
Predikat: \_\_\_\_\_
  - ii. Pola ayat: \_\_\_\_\_

2. Berdasarkan ayat-ayat di bawah:




- i. Tukar susunan ayat kepada susunan songsang.
- ii. Cerakinkan ayat kepada ayat-ayat tunggal.

- a. Kita hendaklah berjimat cermat dalam penggunaan air dan tenaga elektrik.
- b. Pembakaran terbuka dilarang sama sekali agar jerebu tidak bertambah buruk.
- c. Kilang itu menawarkan potongan harga bagi semua barangan kerana akan berpindah ke kawasan lain tidak lama lagi.
- d. Sulaman manik dan labuci dapat dipelajari dengan mudahnya melalui video.
- e. Rebana sejenis alat muzik tradisional yang diperbuat daripada kulit kambing.



## Soalan 6

Dalam kumpulan, pilih satu daripada kad tugas di bawah dan buat persediaan secara individu. Kemudian, persembahkan tugas dalam kumpulan.







Gaya hidup sihat diamalkan  
Persekitaran bersih diusahakan  
Keterampilan diri diutamakan.



## TEMA 14

# SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU

1. Pernahkah anda mendengar sesuatu tentang pemindahan organ? Ceritakannya.
2. Bolehkah kita mempercayai maklumat kesihatan daripada orang awam? Mengapa?
3. Apakah penyakit berjangkit yang anda ketahui?
4. Bagaimanakah anda mengawal perasaan marah?





# Ikrar Anda, Harapan Mereka



Aktiviti

1. Teliti dan jelaskan isu yang terkandung dalam bahan.
2. Rumuskan isu tersebut dengan jelasnya, kritisnya, dan bernasnya menggunakan ayat yang gramatis.
3. Hasilkan iklan untuk menyedarkan orang ramai tentang kepentingan pendermaan organ dan tisu.


## Fakta dan Prosedur Pendermaan Organ dan Tisu di Malaysia



Pesakit yang mati otak berpotensi untuk menjadi penderma organ dan tisu.



Kes dirujuk kepada Pusat Sumber Transplan Nasional.



Penilaian dibuat sama ada penderma tersebut sesuai untuk pendermaan organ dan tisu.



Sesi kaunseling dengan ahli keluarga bakal penderma dijalankan.



Pembedahan untuk mendapatkan organ dan tisu dijalankan dengan penuh hormat.



Pasukan dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, dan Institut Jantung Negara digerakkan ke lokasi hospital penderma melalui jalan udara atau darat.



Keizinan daripada majistret dan polis diperoleh bagi kes pendermaan organ yang melibatkan kes kemalangan, bunuh diri, dan kes bunuh.



Keluarga memberikan keizinan secara bertulis.




Organ yang didermakan akan dipindahkan kepada penerima di pusat transplantasi.





## Statistik Pendermaan Organ antara Tahun 2008 - 2015



(Sumber: Pusat Sumber Transplan Nasional Malaysia)

### Isu Pendermaan Organ

Adakah pendermaan organ akan mencacatkan mayat?

Proses pendermaan organ tidak akan menjejaskan rupa dan tubuh mayat. Pengebumian boleh dijalankan seperti biasa.

Adakah semasa bedah siasat, organ dan tisu akan diambil tanpa pengetahuan waris?

Proses pengambilan organ dan tisu untuk tujuan transplan hanya boleh dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada waris.

Bagaimanakah pandangan agama tentang pendermaan organ dan tisu?

Islam mengharuskan pendermaan organ dan tisu selepas seseorang itu meninggal dunia. Agama lain di Malaysia seperti Buddha, Kristian, Hindu, dan Sikh pula membenarkan pendermaan organ dan tisu yang dianggap sebagai satu amalan mulia.

Bolehkah seseorang yang masih hidup mendermakan organnya?

Penderma yang masih hidup hanya boleh mendermakan sebahagian daripada hatinya atau salah satu buah pinggangnya sahaja.

1.8.1 Merumus isu semasa dengan kritis dan bernas secara jelas menggunakan ayat yang betul dan gramatis.





# Mitos Perubatan



Aktiviti

1. Baca teks dengan telitinya. Kemudian, ulas pandangan penulis.
2. Kenal pasti ayat tunggal susunan biasa, ayat tunggal susunan songsang, dan ayat majmuk yang terdapat dalam petikan.
3. Tulis soalan kepada pakar perubatan. Soalan tersebut mestilah mengandungi ayat tunggal susunan biasa, ayat tunggal susunan songsang, dan ayat majmuk.
4. Dengan merujuk pelbagai bahan, jelaskan perbandingan antara perubatan alternatif dengan perubatan moden.

## Tanyalah Doktor Anda

Doktor,

Saya selalu pulang dari tempat kerja pada pukul 11:30 malam. Oleh itu, saya kerap mandi malam. Sahabat saya berkata bahawa mandi malam boleh menyebabkan paru-paru berair. Adakah pendapatnya benar?

**Hasnun bin Rizwan,**

Alor Setar, Kedah.

Saudara Hasnun,

Paru-paru berair ialah keadaan terdapatnya cecair di dalam paru-paru. Dalam istilah perubatan, keadaan ini disebut sebagai *pleural effusion*. Antara puncanya ialah kegagalan jantung, jangkitan tuberkulosis, atau masalah paru-paru. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa mandi malam akan mengakibatkan paru-paru berair. Jadi, tidak benar pendapat sahabat saudara itu.

Doktor,

Adakah tindakan mengambil air tulang belakang selamat?

**Ashokkumar a/l Perumal,**

Kuala Lumpur.

Encik Ashokkumar,

Air tulang belakang diambil dengan cara mencucuk jarum pada tulang belakang. Kebiasaannya, ruang antara tulang lumbar ketiga dan keempat, atau keempat dan kelima akan dicucuk untuk mengambil cecair yang mengelilingi saraf tunjang. Prosedur yang dinamakan tusuk lumbar (*lumbar puncture*) ini adalah selamat kerana dilakukan oleh pegawai perubatan yang terlatih. Sangat penting pengambilan air tulang belakang untuk memberikan maklumat tertentu tentang pesakit terutamanya yang melibatkan penyakit saraf.





Doktor,

Saya penghidap diabetes. Anak saya telah membeli makanan tambahan untuk mengubati penyakit saya. Makanan tambahan ini boleh digunakan untuk menggantikan ubat?

**Hajah Rasidah binti Baharom,**  
Kota Bharu, Kelantan.

Puan Hajah Rasidah,

Memang terdapat lambakan produk makanan tambahan yang semakin popular di pasaran. Tambahan pula, pelbagai medium telah digunakan untuk mempromosikan produk tersebut termasuk radio, televisyen, dan media sosial. Ada yang mendakwa bahawa makanan tambahan ini lebih baik berbanding dengan ubat. Akibatnya, ada pesakit yang tidak mahu mengambil ubat. Sebenarnya, makanan tambahan tidak boleh menggantikan ubat. Semasa membeli bahan ini, pengguna perlu berhati-hati. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak makanan tambahan yang tidak diuji secara menyeluruh dari segi keselamatannya.

Doktor,

Apabila demam atau sakit kepala, saya selalu makan parasetamol. Saya pernah terbaca dalam media sosial bahawa sebiji parasetamol akan kekal di dalam badan selama lebih kurang lima tahun. Adakah kenyataan ini betul? Saya sangat bimbang.

**Jaklin Juanis Konsoi,**  
Sandakan, Sabah.

Saudari Jaklin,

Parasetamol ialah sebatian yang digunakan sebagai ubat untuk mengurangkan kesakitan seperti sakit kepala dan sakit gigi, serta menurunkan suhu badan. Memang ada yang berfahaman bahawa parasetamol tidak larut di dalam badan. Fahaman ini menyebabkan masyarakat bimbang untuk mengambil parasetamol bagi menghilangkan rasa sakit. Mereka risau parasetamol akan kekal di dalam badan dan boleh merosakkan buah pinggang. Saudari Jaklin tidak perlu risau. Sebenarnya, parasetamol hanya kekal di dalam badan selama beberapa jam sahaja dan diuraikan oleh hati, sebelum disingkirkan melalui air kencing.



2.3.5 Membaca dan mengulas pandangan penulis secara rasional.

5.3.3 Mengenal pasti dan menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang, dan ayat majmuk yang betul mengikut konteks.





# Vektor Pembawa Penyakit



1. Analisis perenggan teks di bawah ini sama ada mempunyai kejituan idea atau tidak. Berikan alasan.
2. Bagi perenggan yang ideanya tidak jitu, betulkan dan tulis teks tersebut semula. Kemudian, bandingkan jawapan anda dengan jawapan rakan anda.
3. Huraikan aspek kebersihan yang sering diabaikan oleh masyarakat.

## Hindari Leptospirosis

### Forum Generasi Z Leptospirosis

#### Kesihatan dan Perubatan

#### Forum



Tan Mei Jia

Apa khabar, rakan-rakan forum? Pada hari ini, saya mahu berbicara tentang penyakit leptospirosis. Penyakit berbahaya ini lebih dikenali oleh masyarakat awam di Malaysia sebagai penyakit kencing tikus. Leptospirosis mula dikesan pada tahun 1886 oleh Adolph Weil. Penyakit ini disebabkan oleh bakteria *Leptospira* yang disebarkan oleh tikus melalui air atau tanah dan menjangkiti manusia melalui kulit, mata, hidung, atau makanan.

Adakah ahli forum mempunyai maklumat lain tentang penyakit ini?



Kalaiwani

Ya, saya pernah membaca maklumat tentang leptospirosis.

Bakteria *Leptospira* memerlukan hos atau perumah untuk hidup. Kebiasaannya, bakteria ini akan berada dalam buah pinggang hos tersebut. Hos boleh terdiri daripada tikus dan haiwan lain seperti anjing, babi, dan lembu. Haiwan-haiwan ini akan membuang air kencing di atas tanah atau di dalam air yang menyebabkan penyebaran bakteria tersebut. Orang ramai tidak digalakkan mengunjungi tempat yang mempunyai banyak tikus membiak. Mereka boleh dijangkiti leptospirosis melalui sentuhan pada luka, lapisan mukosa dan konjunktiva mata, atau minum air tanah yang telah tercemar dengan *Leptospira*.



Haji Alias

Penyakit ini amat berbahaya jika tidak dirawat dengan segeranya. Oleh itu, rawatan segera perlu diberikan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Antara simptom jangkitan termasuklah demam panas, sakit kepala yang teruk, badan menggigil, sakit otot, muntah, dan mengalami kekuningan pada kulit dan mata. Tanda-tanda lain adalah seperti mata merah, sakit perut, cirit-birit, dan ruam. Jika rawatan awal tidak diberikan, pesakit boleh mengalami kerosakan buah pinggang, serta keradangan pada selaput otak dan saraf tunjang. Pesakit boleh mengalami kegagalan hati, sesak nafas, dan pendarahan paru-paru.



# Bahana Tikus

Selama lima hari, Jeevan mengalami demam panas selepas berkelah di Hutan Lipur Pelangi. Dia hilang selera makan. Ibu Jeevan telah membawa Jeevan ke hospital. Dia selalu berasa loya dan muntah-muntah. Keadaan Jeevan menyebabkan ibunya bimbang. Matanya berubah menjadi kekuning-kuningan. Jeevan terlantar di hospital dan diberikan rawatan rapi. Doktor mendapati Jeevan telah menghidap penyakit leptospirosis.

Setelah seminggu, Jeevan pun dibenarkan pulang. Dia berehat di rumah. Dua orang sahabatnya, Hilmi dan Hok Gie telah datang melawatnya. Jeevan sudah boleh berbual-bual dengan mereka. Sebelum ini, Jeevan tidak boleh terlalu banyak bercakap. Kalau banyak bercakap, dia akan terbatuk-batuk. Tekaknya pula akan berasa perit semasa menelan air liur.

Air *normal saline* kelihatan menitis dari botol yang tergantung. Tubuhnya tidak bermaya. Tiba-tiba, Hilmi teringat semasa Jeevan mula-mula terbaring di katil hospital. Keadaan itu sangat berbeza sekali semasa mereka bermandi-mandi di Hutan Lipur Pelangi. Jeevan sungguh gembira melompat dan terjun ke dalam air. Mereka berhenti di sebuah kedai runcit sebelum bergerak ke Hutan Lipur Pelangi.

Jeevan telah membeli tiga tin minuman berkarbonat. Minuman yang Jeevan minum mungkin telah dijangkiti oleh bakteria. Keadaan kedai Jeevan membeli minuman itu tidak bersih. Tiba-tiba, Hilmi teringat akan sesuatu. Beberapa ekor tikus kelihatan berkeliaran di dalam stor kedai itu. Dia telah melihat pekedai mengambil minuman tin di stor yang tidak terurus.

Hilmi memberitahu Mak Cik Kamlesh bahawa ada kemungkinan Jeevan menghidapi leptospirosis kerana minum minuman tin itu. Walau bagaimanapun, mungkin juga ada sebab lain. Jeevan mungkin terminum air sungai yang telah dicemari oleh kencing tikus. Hok Gie ada melihat tikus di kawasan mereka berkelah.

Mak Cik Kamlesh tidak menafikannya sama sekali. Bagaimanapun, mereka patut bersyukur kerana Jeevan semakin sihat sekarang. Sebagai pengajaran, mereka mesti mengambil berat tentang kebersihan di persekitaran selepas ini. Kedua-dua andaian daripada Hilmi dan Hok Gie itu ada kebenarannya.



## Terdapat tiga syarat kejituan idea dalam penulisan, iaitu:

1. Kesatuan perenggan  
Perenggan yang dihasilkan menjurus kepada satu hal atau satu idea sahaja.
2. Kepaduan  
Urutan idea atau maklumat dalam perenggan teratur dan tidak melompat-lompat.
3. Perkembangan  
Perenggan yang lengkap terdiri daripada dua komponen utama, iaitu ayat judul (idea pokok) dan pengembangan (huraian lanjut, contoh, data, dan sebagainya).





Mendengar  
dan Bertutur



Seni Bahasa

# Debu-debu di Udara




Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, bina dan senaraikan soalan yang sesuai dari segi jenis dan situasi. Kemudian, jalankan sesi soal jawab.
2. Persembahkan pantun dengan nada dan intonasi yang sesuai melalui pelbagai media secara kreatif.
3. Bagaimanakah cara anda membasmi habuk di rumah? Buktikan cara tersebut berkesan.

## Kerana Habuk

### Situasi 1



Cuaca yang kering dan berdebu menyebabkan Fariz menghidap demam, batuk, dan selesema. Fariz telah pergi ke pusat kesihatan untuk menerima rawatan. Semasa menunggu untuk mengambil ubat, seorang mak cik telah mendekati Fariz dan menanyakan beberapa soalan.

### Situasi 2



Rumah Syafiqah banyak habuk kerana masih dalam proses pengubahsuaian. Oleh sebab Syafiqah menghidap penyakit asma, dia alah terhadap habuk. Dia mengalami sesak nafas dan batuk-batuk. Oleh itu, dia tidak hadir ke sekolah selama dua hari. Rakan-rakan telah datang menziarahinya.



## Sedikit Habuk, Bahaya Mengundang

Bebaskan rumah anda daripada habuk. Amalkan langkah-langkah yang berikut.




Gunakan barang perhiasan yang kurang memerangkap habuk.



Letakkan alas kaki di luar dan di dalam rumah.



Gunakan bidai yang mudah dibersihkan dengan kain.



Gunakan sarung sofa yang mudah untuk dibersihkan.



Bersihkan kipas sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

### Bahaya Habuk

Ikan terubuk tulang terjungkit,  
Luak sebelah lumayan lama;  
Bahaya habuk bawa penyakit,  
Asma dan lelah juga selesema.

Luak sebelah lumayan lama,  
Tulangnye tekal rapuh pun tidak;  
Asma dan lelah juga selesema,  
Paling kritikal kepada budak.

Tulangnye tekal rapuh pun tidak,  
Ikan terubuk tulang serampang;  
Paling kritikal kepada budak,  
Sedikit habuk sakit menumpang.

Ikan terubuk tulang serampang,  
Usah melulu waktu menelan;  
Sedikit habuk sakit menumpang,  
Bersih selalu jadi amalan.

Usah melulu waktu menelan,  
Makan terubuk tak sangkut tulang;  
Bersih selalu jadi amalan,  
Terhapus habuk penyakit hilang.

Ibnu Din Assingiri  
Simpang Ampang, Pulau Pinang

1.5.1 Mengenal pasti jenis, kesesuaian soalan dan kesesuaian masa untuk mengemukakan soalan terhadap individu atau kelompok secara bertatasusila.

4.4.2 Mempersembahkan syair dan **pantun** dengan nada dan intonasi yang sesuai pelbagai media secara kreatif.





# Marah, Jangan Engkau Marah



1. Baca teks dan senaraikan maklumat yang terkandung dalam teks tersebut.
2. Olah maklumat tersebut dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.
3. Cadangkan cara lain untuk menenangkan diri dan kongsikannya dengan rakan.

## Redakan Kemarahanmu

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merangkumi lingkungan sosial dan alam sekitar. Faktor lingkungan sosial adalah seperti suasana kerja, bebanan tugas, dan sikap rakan. Faktor alam sekitar pula adalah seperti cuaca dan bencana alam. Faktor dalaman pula berkaitan dengan sikap seperti panas baran dan tidak mampu mengawal diri untuk menghadapi tekanan.

Apabila anda marah, kadar denyutan jantung dan tekanan darah akan meningkat. Selain itu, tahap hormon tenaga, adrenalina dan noradrenalina juga akan bertambah. Oleh itu, anda mungkin akan bertindak agresif terhadap orang yang dimarahi. Kemarahan yang tidak dikendalikan dengan baiknyanya boleh menimbulkan masalah yang lain pula. Perhubungan silaturahim juga akan terjejas.

Kemarahan juga menghasilkan ketegangan fizikal serta psikologi seseorang. Bagi mengurangkan rasa ketegangan tersebut, seseorang perlu kembali ke posisi normal. Sekiranya dia sedang marah dan ketika itu dia sedang berdiri, maka dia perlu duduk. Seandainya kemarahan semakin sukar untuk dikawal, dia perlu berbaring untuk menenangkan emosi.

Seseorang yang dalam keadaan marah juga cenderung untuk mengeluarkan kata-kata kesat. Oleh itu, apabila seseorang dalam keadaan marah, dia perlu mendinginkan diri. Perlakuan diam ini dapat meredakan pertengkaran daripada terus berlanjutan. Tindakan ini dapat mengelakkan perkara yang lebih buruk daripada berlaku dan tidak mengeruhkan keadaan.

Namun demikian, dalam beberapa keadaan kita perlu menunjukkan perasaan marah. Kita perlu marah dan tidak boleh berdiam diri dalam mencegah kebatilan. Sebagai contoh, ibu bapa tidak boleh berdiam diri sekiranya anak-anak melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Walau bagaimanapun, melepaskan kemarahan dengan cara melampau seperti bertindak secara fizikal tidak sewajarnya berlaku.

(Sumber: [www.myhealth.gov.my/pengurusan-kemarahan/](http://www.myhealth.gov.my/pengurusan-kemarahan/))





Berfikirilah dengan sedalam-dalamnya sebelum berkata-kata.

# Mengurus Kemarahan Secara Bijaksana

**Oleh: Nurul Zulaikha binti Zakaria**

**K**ita dianjurkan agar mengawal atau mengurus perasaan marah. Perasaan ini perlu dikawal untuk mengelakkan kesan buruk akibat kemarahan yang tidak dikawal. Terdapat beberapa langkah yang boleh digunakan sebagai kawalan ketika marah.

Salah satu langkah untuk mengurus kemarahan adalah dengan cara bertenang. Semasa marah, tarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran. Tindakan ini mungkin dapat membantu anda menenangkan diri. Gunakan daya imaginasi anda untuk menggambarkan suasana yang tenang sambil menutup mata. Kemudian, lepaskan nafas perlahan-lahan.

Dalam keadaan sedang marah, ambil masa untuk memberikan maklum balas. Gunakanlah teknik kiraan satu hingga sepuluh sebelum memberikan sebarang respons. Dengan cara ini, anda lebih berpeluang untuk berfikir dahulu sebelum menyatakan sesuatu yang mungkin akan membuat anda menyesal kemudiannya. Bak kata pepatah, terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa.

Anda juga digalakkan untuk membasuh muka atau mandi apabila berada dalam keadaan marah. Apabila seseorang itu membasahkan tubuhnya, kedinginan air akan menyejukkan sistem saraf yang dalam keadaan tegang disebabkan emosi marah. Setelah membasuh muka atau mandi, seseorang yang marah akan berasa lebih segar dan tenang.

Ketika marah, anda cenderung untuk membuat kesimpulan dengan mudahnya. Oleh itu, ambil masa yang secukupnya sebelum menjawab sebarang respons. Jangan ucapkan perkara pertama yang terlintas dalam fikiran anda, sebaliknya cuba lambatkannya. Berfikirilah dengan sedalam-dalamnya sebelum berkata-kata. Di samping itu, dengar dengan telitinya perkara yang diperkatakan oleh orang lain.

Namun, jika seandainya anda masih juga tidak mampu untuk menguruskan perasaan marah itu dengan baiknya, anda perlu berjumpa dengan kaunselor untuk mendapatkan bantuan. Kaunselor akan membantu dan membimbing anda mengendalikan perasaan marah itu. Bantuan daripada kaunselor tersebut dapat membantu anda bersikap positif untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik.

(Sumber: Saedah A. Ghani dan Rezki Perdani Sawai, *Pengurusan Kemarahan: Pengenalan & Latihan*, 2018, Universiti Sains Islam Malaysia)

3.5.2 Mengolah maklumat daripada pelbagai bahan dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.





# Wajah Dambaan Hati



Analisis kejituan idea teks di bawah ini dan betulkannya.

## Cara Menjaga Kebersihan Kulit

Kehidupan remaja biasanya dipenuhi dengan pelbagai kegiatan termasuk kegiatan di tempat terbuka. Kegiatan ini boleh mendedahkan remaja kepada cahaya matahari dan debu yang boleh merosakkan kulit. Oleh yang demikian, remaja disarankan agar menggunakan krim pelindung matahari semasa melakukan kegiatan luar seperti bersukan atau beriadah.

Terdapat kejituan idea.

Remaja hendaklah selalu mandi untuk menjaga kebersihan kulit. Tambahan pula, remaja mudah berpeluh. Sabun tidak memudaratkan kulit tetapi jika digunakan secara berlebihan boleh menyebabkan kulit menjadi kering. Sabun yang bersesuaian hendaklah dipilih jika mempunyai kulit yang kering. Bahan pelembap kulit perlu disapu pada kulit selepas mandi. Pelembap membantu mengekalkan kelembapan kulit. Minyak bayi pula boleh digunakan untuk disapu pada kulit yang kering. Remaja yang kulitnya berminyak pula tidak perlu menggunakan sebarang pelembap.

Isi perenggan tidak menjurus kepada satu idea.

Bagi yang berkulit sensitif, elakkan daripada menggunakan sabun yang mengandungi wangian dan pewarna kerana boleh menyebabkan radang kulit. Kulit juga boleh menjadi kering jika kerap mandi dengan air panas. Pakaian bersih perlu disalin mengikut keperluan sekurang-kurangnya sekali atau dua kali sehari untuk menjaga kebersihan kulit. Untuk menjaga muka berminyak, bahan penyegar perlu digunakan untuk menutup liang roma. Penggunaannya boleh menyebabkan kulit kurang berminyak. Di sekeliling kelopak mata pula, bahan pelembap perlu disapu untuk mengurangkan keradangan kulit mata yang sensitif dan nipis.

Selain itu, jerawat ialah liang roma yang tersumbat dan dijangkiti kuman. Kulit berjerawat adalah antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan remaja. Remaja yang menghadapi masalah jerawat perlu memilih produk penjagaan kulit yang bebas minyak. Solekan berminyak boleh merangsang pembiakan bakteria di muka serta membuatkan liang roma tersumbat. Jangan sekali-kali memicit jerawat kerana boleh menyebabkan jangkitan kuman dan meninggalkan parut.

Urutan idea tidak teratur.

(Sumber: [www.myhealth.gov.my/asas-penjagaan-kulit](http://www.myhealth.gov.my/asas-penjagaan-kulit))

TEMA 14  
Sihat dan Bersih Pilihanku





# Cegah sebelum Parah



1. Baca kenyataan akhbar di bawah dengan telitinya. Kemudian, olah maklumat yang terkandung dalam kenyataan akhbar tersebut dalam bentuk grafik.
2. Ulas isu dan jelaskan langkah pencegahannya.

## Situasi semasa Demam Denggi, Zika, dan Chikungunya di Malaysia

Denggi, chikungunya, dan zika disebabkan oleh virus yang disebarkan melalui gigitan nyamuk Aedes. Pesakit yang menghidap denggi akan mengalami gejala seperti demam panas, pening, sakit di belakang bola mata, sakit otot dan sendi, loya dan muntah, serta ruam. Demam denggi terdiri daripada demam denggi biasa dan demam denggi berdarah yang boleh membawa maut. Gejala demam denggi berdarah ialah mudah lebam, pendarahan di bawah kulit, hidung atau gusi, dan boleh diikuti dengan pendarahan pada seluruh badan.

Gejala chikungunya pula ialah pening, demam, keletihan, loya dan muntah, sakit otot dan sendi, serta ruam. Dalam keadaan tertentu, sakit sendi akan berterusan selama beberapa bulan dan ada yang bertahun. Komplikasi ini jarang berlaku tetapi sangat berbahaya kerana boleh membawa maut.

Penghidap zika mengalami sakit di belakang bola mata, muntah, cirit-birit, dan sakit pada bahagian perut selepas tiga hingga 12 hari terkena gigitan nyamuk. Dalam jangka masa empat hingga tujuh hari, gejala jangkitan akan berlaku secara sederhana atau kritikal. Gejala ini akan hilang sendiri tanpa sebarang rawatan.

Bagi tempoh 2 September hingga 8 September 2018, sejumlah 1627 kes denggi telah dilaporkan di seluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 2.8% berbanding dengan 1583 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 8 September 2018, sejumlah 51 337 kes denggi dilaporkan di seluruh negara, manakala jumlah kumulatif kematian akibat denggi ialah sebanyak 81 kematian. Sejumlah 550 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-36. Sementara itu, sebanyak 78 lokaliti *hotspot* melibatkan lima buah negeri, iaitu 63 *hotspot* di Selangor, enam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, lima di Pulau Pinang, tiga di Perak dan satu di Kelantan telah dilaporkan.

Jumlah kumulatif kes chikungunya bermula dari Januari hingga 8 September 2018 ialah sebanyak 73 kes di Kelantan dan Kedah. Di Kelantan, terdapat 29 kes di Pasir Puteh, 28 kes di Tumpat, enam kes di Kota Bharu. Di Kedah pula terdapat dua kes di Kuala Muda serta masing-masing satu kes di Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, dan Kota Setar.

Bagi penyakit zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), didapati 2214 sampel darah dan 11 sampel urin pesakit menunjukkan gejala jangkitan virus zika adalah negatif.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)





Bersediakah kita  
Mendepani badai teknologi yang melanda  
Mengubah landskap ekonomi dan budaya  
Mencabar minda demi kreativiti dan inovasi  
Melestarikan alam, jati diri, dan nilai murni?



## TEMA 15

# ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI

1. Belajar sains untuk apa?
2. Bagaimanakah agaknya teknologi dan inovasi pada masa hadapan?
3. Antara pengguna dengan pencipta teknologi, anda di mana? Jelaskan.









# Bahasa Alam

Mendengar dan Bertutur



Aktiviti

1. Hayati karya. Kemudian, ulas kekuatan dan kelemahan karya secara jelas, bernas, dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.
2. Cari maklumat yang berkaitan dengan sains atau teknologi. Kemudian, cipta sajak.



## Aku Ingin Menjadi Seperti Daun

Aku ingin menjadi seperti daun  
 Tumbuh tunggal atau majmuk  
 Tumbuh rapat pada tangkai  
 Membentuk formasi yang harmonis  
 Di celahan rimbunan bunga menjadi pemanis.

Aku ingin menjadi seperti daun  
 Walau selamanya digelar masih hijau  
 Nikmat gelombang hijaunya tetap terasa  
 Hijau segar menyegarkan mata  
 Hijau santai menenangkan fikiran mabadai  
 Kekal seimbang emosi dan mental.

Aku ingin menjadi seperti daun  
 Tampak seperti tidak berdaya tahan  
 Terliuk-liuk ditiup pawana  
 Namun terfikirkah kita  
 Puting beliung, ribut, taufan yang melanda  
 Siapakah pemecahnya?

Aku ingin menjadi seperti daun  
 Tampak kecil namun punya klorofil  
 Mengupayakan fotosintesis  
 Persis membalas budi  
 Pohon tempat menumpang hidup disantuni.

Aku ingin menjadi seperti daun  
 Walau melata atau di puncak gunung tertinggi  
 Kelat, pahit, maung tetap dicari-cari  
 Terkandung pelbagai misteri  
 Ubat penyakit perunggai nyeri.



Aku ingin menjadi seperti daun  
Stoma halus tak terkesan dek deria  
Memalarkan udara segar  
Mengamankan bingit suara  
Menyamankan seisi dunia.

Aku ingin menjadi seperti daun  
Sampai masa mengucapkan selamat tinggal  
Jatuh berguguran  
Layu, berubah warna tiada yang peduli  
Namun daun tetap memberi  
Mereput perlahan-lahan  
Membajai tunas-tunas baharu  
Meneruskan kelangsungan hidup berbakti.

Aku ingin menjadi seperti daun.

Zaim Hafzi  
Kluang, Johor

## Tahukah anda?

Selain mereput sendiri dan menjadi baja semula jadi bagi tanah, daun juga boleh dijadikan baja kompos. Tahukah anda bagaimanakah cara membuat baja kompos?

Mula-mula cari tong kosong. Isi tanah di dalamnya setebal kira-kira lima sentimeter. Kemudian, masukkan sisa dapur seperti sisa sayur-sayuran, sisa buah-buahan, sisa nasi, dan sisa makanan lain yang tidak berminyak secara berselang-seli dengan daun-daun kering. Jika mahu, boleh masukkan gula merah, air beras, air kelapa, atau najis haiwan ternakan. Biarkan bahan-bahan tersebut di dalam tong tanpa bertutup. Bahan-bahan ini akan mereput secara semula jadi dengan bantuan bakteria, ulat, dan serangga lain hingga menjadi baja kompos dalam masa enam hingga lapan minggu.

1.8.2 Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernas dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.





Aktiviti

1. Berdasarkan kedua-dua bahan, baca dan senaraikan kosa kata yang sukar ditemukan. Kemudian, cari maksud kosa kata tersebut.
2. Persembahkan cerpen secara kreatif dan menarik.
3. Cipta cerpen yang bertemakan futuristik.



## Pencipta Teknologi

Doktor Fiq menopang kepala dengan kedua-dua belah tangannya. Matanya tertancap pada kertas kerja di atas meja. Tangan kiri yang sesekali menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal meresahkan kami. Aku dan Olan hanya berdiri tegak seperti kayu di kiri dan kanannya. Menarik nafas juga tertahan-tahan dan sekali-sekala sahaja.

“Kertas kerja ini lengkap dengan kajian masa lalu, masa sekarang, dan masa hadapan. Tetapi, cadangan penyelesaiannya seperti ada yang tidak kena!” Suara Doktor Fiq yang tegas dan keras tiba-tiba memecah kesunyian. Aku dan Olan bertukar-tukar kerlingan.

“Apa ... apa yang tidak kena tu, doktor?” Olan bersuara, serak-serak antara kedengaran dengan tidak.

“Masalah utama yang dikenal pasti ialah kesesakan lalu lintas, namun pengguna masih tidak mahu menggunakan kenderaan awam. Kekurangan medan letak kereta di kota raya memburukkan keadaan dan kita juga perlu menggunakan teknologi hijau untuk mengurangkan penggunaan tenaga yang tidak boleh dibaharui.” Doktor Fiq tiba-tiba mengangkat mukanya lalu memandang tepat maku.

“Mengikut cadangan di sini, kita menggunakan tenaga solar. Apakah rasionalnya?” Aku terkedu.

“Pertamanya, tenaga solar pengoperasiannya tidak rumit, doktor. Lagipun, negara kita cukup panas bagi membolehkan tenaga suria dicas secara optimum untuk jarak pemanduan 50 kilometer sehari. Kita mampu bersaing dengan kereta solar yang ada di pasaran yang hanya mampu mengecas tenaga untuk jarak pemanduan 30 kilometer sahaja.”

“Untuk 50 kilometer sahaja, Yazmin? Mana cukup! Pada musim hujan atau jika memandu pada waktu malam pula, bagaimana?”

“Sebuah bateri dengan jarak perjalanan sejauh 300 kilometer juga akan disediakan.” Olan menambah.

“Bukankah itu menyusahkan pengguna? Pengguna mahukan kenderaan yang selesa, praktikal, dan selamat. Pemegang taruh kita pula mahukan kenderaan yang mampu berdaya saing untuk tempoh yang lama, bukannya buat tahun ini, tahun hadapan sudah berkarat di bilik pameran.” Doktor Fiq



menjengalkan matanya, memandang wajah kami bergilir-gilir lalu mencampakkan kertas kerja ke arahku.


“Saya mahu kamu berdua buat penyelidikan semula. Ambil kira semua faktor termasuk kemampuannya untuk bersaing dalam tempoh yang lama. Pastikan juga kenderaan kita bercirikan Internet benda (IoT). Saya beri tempoh seminggu sahaja!” Begitu kejam Doktor Fiq menjatuhkan hukuman yang menyebabkan kami terpaksa membawa tilam dan bantal selama seminggu ke makmal.



“Min, giliran kita tak lama lagi!” Lamunanku tentang kisah setahun yang lalu tiba-tiba hilang sekelip mata. Aku bingkas bangkit lalu membetul-betulkan kain tudung dan baju.

“Cantik dah tu, Cik Yazmin. Lebih cantik lagi kalau berdiri di sebelah prototaip J-Bat yang pasti akan jadi hebat!” Usik Olan sambil tersenyum bangga. Gembira dengan usikan Olan, aku menarik nafas dalam-dalam dan melepaskannya perlahan-lahan. Aku yakin, masa hadapan akan berada dalam genggaman.

## Kenderaan Masa Hadapan

Sesuatu ciptaan baharu dibuat bagi memenuhi keperluan semasa dan menyelesaikan masalah pengguna. Sesuai dengan konsep tersebut, kenderaan masa hadapan juga dicipta berdasarkan keperluan dan penyelesaian masalah masa hadapan.

- 
- Boleh terbang dan tidak memerlukan kawasan yang luas untuk berlepas atau mendarat.
  - Berkelajuan tinggi di jalan raya.

- 
- 
- Mewah dan glamor.
  - Berkonsepan gabungan klasik dan moden.
  - Diperbuat daripada bahan yang ringan tetapi tahan hentaman kuat.
  - Memanfaatkan teknologi hijau.

2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.

4.4.3 Mempersembahkan cerpen secara langsung dengan kreatif dan menarik.





1. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam bahan. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.
2. Analisis bahan untuk menentukan kejituan idea bahan tersebut.
3. Terokai maklumat tentang dron daripada pelbagai bahan dan analisis kejituan idea dalam bahan tersebut.



## Antara Kepentingan dengan Ancaman



Populariti robot terbang atau umumnya dipanggil dron semakin meningkat. Ini kerana pada masa kini dron mudah diperolehi di kedai biasa mahupun di kedai dalam talian dengan harga mampu milik. Penggunaan dron juga menjadi kegilaan di kalangan remaja yang mahu mengikut trend terkini, iaitu mengambil gambar atau video dari sudut jauh atau mengikut pandangan mata burung. Namun, apa yang ada pada dron sebenarnya?



### 1. Kegunaan ketenteraan dan keselamatan

Dron digunakan seawal Perang Dunia Pertama sebagai sasaran atau aerial target bagi latihan senjata pertahanan udara. Kemudian, dron dibangunkan sebagai peninjau, pengawasan, dan penandaan sasaran semasa peperangan moden serta sebagai sasaran bagi senjata *anti-aircraft* missile. Walau bagaimanapun, antara isu utama yang timbul setelah popularnya dron adalah isu privasi di mana dron membolehkan pengguna mengambil gambar atau merakamkan video dari udara tanpa dikesan oleh mangsa. Malah, di setengah negara termasuk Malaysia juga, undang-undang penggunaan dron diperkenalkan bagi menghalang kawasan-kawasan yang berkaitan dengan keselamatan negara diintip dron.





## 2. Props penggambaran filem

Keupayaan dron merakam panorama indah dari sudut tinggi telah menimbulkan minat yang tinggi terutamanya jurufoto untuk memiliki dron. Produk video dari kamera dron dapat menghasilkan kualiti yang sinematik menjadikan dron sebagai peralatan mesti milik kepada juruvideo. Oleh sebab itulah, dron merupakan salah satu daripada prop-prop yang digunakan dalam penggambaran sebuah filem. Filem *Fantastic Four* misalnya, dron telah digunakan sebagai prop untuk watak Johny Storm ketika terbang di udara. Teknologi ini telah menjadikan penggambaran babak sukar ini kelihatan begitu sempurna dan realistik.

### Petikan Berita 1: PDRM Bakal Guna Teknologi Dron

PETALING JAYA - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menggunakan teknologi dron hujung tahun ini. Kegunaan dron ini bagi membantu pelaksanaan tugas para anggota-anggotanya di sekitar Lembah Klang. Alat kawalan jauh itu akan digunakan antara lain untuk memantau situasi contohnya seperti perhimpunan awam dan rondaan sekitar kawasan penempatan. -Bernama

### Petikan Berita 2: UPM Perkenal Teknologi Pantau Tanaman Guna Dron

JERTIH: Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan pakej teknologi pengeluaran padi berpenghasilan tinggi menerusi pertanian menggunakan teknologi dron. Teknologi ini membolehkan pantauan udara terhadap tanaman itu dilakukan. Projek rintis dijalankan di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara, Besut dan membabitkan 200 petani dengan kawasan tanaman seluas 200 hektar. Dron berupaya untuk merakam imej kawasan seluas 140 sehingga 950 hektar di dalam tempoh satu jam penerbangan, bergantung kepada keadaan cuaca dan ketinggian penerbangan dron.



## 3. Servis penghantaran barang

Di antara syarikat paling awal yang mencetuskan idea servis penghantaran barangan menggunakan dron adalah Amazon. Menurut Amazon, penghantaran menggunakan dron yang dinamakan Prime Air telah membolehkan barangan yang pengguna beli dihantar dalam masa beberapa jam sahaja selepas dibayar. Penghantaran cekap dan cepat yang menggunakan servis dron sudah pasti akan mendapat sambutan ramai pengguna-pengguna.

### Petikan Berita 3: Guna Dron Cari Aedes

MELAKA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperluas penggunaan teknologi dron dalam usaha perangai pembiakan nyamuk-nyamuk aedes mulai tahun depan. Menurut jurucakap, walaupun harganya mencecah RM20,000 seunit, ia adalah pelaburan yang baik dan sangat munasabah. Dron amat efektif sekali dalam membantu mengesan pembiakan aedes terutama sekali di lokasi yang terlindung dan tinggi.





Mendengar  
dan Bertutur

# Makan Sains, Tidur Sains



Aktiviti

1. Dengan berdasarkan bahan, kemukakan idea yang bernas dan rasional tentang bahan secara bertatasusila.
2. Berbincanglah dengan rakan anda tentang satu projek sains yang akan dijalankan.



## Kembara ke Masa Hadapan

Petrosains yang ditubuhkan oleh PETRONAS pada tahun 1999 merupakan sebuah pusat sains kontemporari yang mengetengahkan bahan pameran interaktif dan program saintifik yang menarik. Untuk mendekati orang ramai dan menyebarkan inti pati "Creating Wonder" di seluruh negara, Petrosains telah menubuhkan dan menjalankan pelbagai kegiatan luaran termasuk penubuhan pusat sains mini yang dinamai Petrosains PlaySmart di Kuantan, Pahang, Johor Bahru, Johor, dan Kota Kinabalu, Sabah. Selain itu, pameran bergerak, pertandingan sains peringkat kebangsaan, Festival Sains Petrosains, Cabaran Robotik Petrosains dan banyak lagi turut dijalankan. Cabaran Robotik Petrosains diadakan untuk memperkenalkan dan melatih murid dalam bidang rekaan, pengekodan, dan latihan sensor asas dalam penciptaan robot.



### 1. Robo Tracer

Pertandingan membina robot yang mampu bergerak mengikut laluan yang disediakan. Peserta mengumpulkan mata pada setiap stesen mengikut masa yang diberikan.

### 2. Robo Sumo

Pertandingan pertempuran antara dua robot di dalam gelanggang. Peserta yang berjaya menolak keluar pihak lawan dari gelanggang dikira sebagai pemenang.

## Cabaran Robotik Petrosains

### 3. Innovation

Pertandingan mereka bentuk produk inovatif untuk memerangi isu global berdasarkan tema yang ditetapkan.





## Program Petrosains bagi Murid Sekolah Menengah

### Aktiviti Maker

#### 1. *Air-powered Car*

Peserta berpeluang untuk mereka cipta model kereta yang dapat digerakkan dengan kuasa angin. Aktiviti ini memerlukan peserta mengaplikasikan teori sains berkenaan litar ringkas.

#### 2. *Paper Lantern Circuit*

Dengan menggunakan pita kuprum dan kertas yang telah dipotong menggunakan mesin laser, peserta dapat membuat tanglung yang dapat menghasilkan efek motif yang menarik apabila dinyalakan dalam gelap.

#### 3. *DIY Moon Orrery*

Peserta berpeluang untuk membuat mesin *orrery*, iaitu model mekanikal Sistem Solar. Di samping mempelajari sains angkasa, peserta juga diperkenalkan kepada kemahiran reka bentuk dan kejuruteraan.

#### 4. *Popsickle Drone*

Peserta akan membina dron menggunakan batang ais krim.

### Bengkel Sains Kreatif untuk Sekolah

#### 1. *Jadilah Jurutera*

Peserta akan mereka bentuk jambatan dan berpeluang untuk merasai pengalaman bekerja sebagai jurutera.

#### 2. *Anak Didik Thomas Edison*

Ketahui cara untuk mengubah suai papan litar dan menyalakannya menjadi warna pelangi.

#### 3. *Jadilah Ahli Kimia*

Peserta akan didedahkan kepada eksperimen kimia yang menarik.



PETROSAINS



(Sumber: Petrosains)

1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.





# Inovasi 5G



1. Baca dan analisis bahan untuk mengenal pasti punca masalah. Kemudian, kemukakan cadangan penyelesaian secara rasional.
2. Kenal pasti jenis-jenis ayat dalam bahan dan bina ayat berdasarkan jenis-jenis ayat tersebut mengikut konteks.
3. Berdasarkan bahan, cipta bahagian kesudahan cerita menggunakan pelbagai jenis ayat.



## Adiwira 5G

Kapten Zareer dan tiga orang Pasukan Petugas 5G (PP5G) sedang menghadap skrin besar di hadapan mereka. Di sebelahnyalah Rob-My2 yang berkecerdasan pintar yang tinggi siap siaga menjadi mata dan telinga untuk menangkap sesuatu pergerakan kecemasan.








Hore!



PP5G3, bagaimana dengan kes penggodaman sistem pengesan kita semalam?

Oh, kes selesai, kapten! Penggodam telah ditangkap dan disoal siasat. Nasib baik Rob-My1 cepat mengesan kerja jahat mereka.



Kapten, panggilan kecemasan diterima dari Kedah! Dua orang remaja yang mendaki Gunung Jerai dilaporkan tidak dapat dikesan. Pasukan Bomba dan Penyelamat telah pun bersiap siaga ke lokasi, kapten.



PP5G3, hubungi G-5AT. Minta bantuan mereka untuk mengesan lokasi orang hilang melalui satelit.



G-5AT telah dihubungi, kapten. Mereka telah pun menghantar lokasi orang hilang kepada pihak Bomba dan Penyelamat.

Eh, cepatnya! Nampaknya, dengan sistem perhubungan yang berganda-ganda lebih cepat dan perisian canggih, lebih mudahlah kerja kita, kapten.



Ya, ledakan teknologi dan inovasi 5G sudah tidak dapat ditahan lagi. Kita mesti menguasai dan mengawalnya supaya kita tidak ditelan oleh gelombang 5G ini. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa dalam setiap kekuatan, ada kelemahan. Rob-My2, tolong turunkan layar latihan 5G dan paparkan cabaran yang mungkin berlaku jika tidak diberikan perhatian.



Kita mesti menggembeng tenaga untuk mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan yang dikenal pasti. Pada masa yang sama, aplikasi 5G ini perlu dimanfaatkan seoptimum mungkin agar negara kita mampu menjadi Negara Digital Pintar yang akan menerajui transformasi ekonomi berasaskan teknologi di rantau Asia.

2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional.

5.3.4 Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks.






# Biodiesel



1. Baca bahan dan senaraikan kosa kata yang ditemukan. Kemudian, cari maksud kosa kata tersebut.
2. Kenal pasti masalah yang dihadapi. Kemudian, cadangkan idea yang bernas dan rasional bagi mengatasi masalah tersebut.
3. Cadangkan usaha-usaha yang dapat dilakukan bagi memperluas penggunaan biodiesel di Malaysia.

## Kenali B10

Tahukah anda, apakah yang dikatakan biodiesel? Biodiesel ialah biobahan api alternatif yang digunakan sebagai pengganti bahan bakar, iaitu diesel dan petroleum. Biodiesel ialah bahan api diesel yang berasaskan minyak sayuran atau lemak haiwan setelah melalui proses kimia di loji biodiesel. Biodiesel yang terhasil daripada minyak sawit dikenali sebagai *Palm Methyl Ester* (PME). Di Malaysia, PME ini diadun dengan petroleum diesel bagi membentuk campuran biodiesel dengan bahan api.



Kebanyakan negara menggunakan sistem yang dikenali sebagai faktor “B” bagi menyatakan jumlah biodiesel dalam sebarang campuran bahan api. Bahan api yang mengandungi 5% biodiesel dilabelkan sebagai B5. Jika mengandungi 10%, biodiesel ini dilabelkan sebagai B10. Biodiesel tulen dilabelkan sebagai B100.




Di Malaysia, B5 bagi sektor pengangkutan darat bersubsidi telah dilancarkan pada tahun 2011 di Putrajaya, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, dan Melaka seterusnya diperluas ke Johor mulai tahun 2013. Pada tahun 2014, B7 pula diperkenalkan. Menjelang penghujung tahun 2014, semua negeri di Malaysia telah menggunakan B7.

Pada penghujung tahun 2018 pula, B10 diperkenalkan dalam Majlis Pelancaran Pelaksanaan Program B10 Sektor Pengangkutan yang diadakan di Dataran Putra, Putrajaya. Melalui program ini, diharapkan agar kualiti udara, terutamanya di kawasan bandar akan meningkat apabila pelepasan debu dan asap hitam ke udara semakin berkurangan di samping mengukuhkan harga kelapa sawit.

## KEBAIKAN PELAKSANAAN **BIO**DIESEL

### 1 Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau



### 2 Mempelbagaikan Sumber Tenaga



Mengurangkan pergantungan terhadap diesel

### 3 Memperkukuh Harga Komoditi



- Mengurangkan stok minyak sawit
- Memperkukuh harga buah tandan segar (FFB)

Pelaksanaan sepenuhnya B10 dalam sektor pengangkutan + B7 dalam sektor industri = **709 000 tan biodiesel setahun**





Pemimpin belia teguh wawasan  
Dipandang mulia dengan pengetahuan  
Negara teguh menjadi impian  
Hidup sentosa zaman-berzaman.

## TEMA 16 DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN

1. Bagaimanakah sewajarnya belia meningkatkan potensi diri?
2. Apakah hak dan tanggungjawab pengundi?
3. Hubungan serantau yang mantap mampu mengekalkan keamanan?









# Belia Positif, Terserlah Wibawa



Aktiviti

1. Teliti bahan yang diberikan dan buat rumusan secara kritis dengan ayat yang betul dan gramatis.
2. Hujahkan pendapat anda tentang potensi diri belia untuk diteladani dengan bernasnya.
3. Huraikan potensi diri anda yang mampu menjadi pemangkin pembangunan belia negara.



## Belia Harapan Negara

Belia pada dekad ini menghadapi pelbagai cabaran dan bersaing untuk mencapai kemajuan dalam hidup. Oleh itu, para belia perlu bersiap siaga untuk menangani kesukaran demi kesejahteraan hidup. Yang berikut merupakan perkara asas yang perlu diberikan perhatian dalam pembangunan belia.



(Sumber: <https://www.iyres.gov.my/images/indeksbeliamalaysia2015/>)





Potensi diri belia boleh digilap dan diserlahkan dengan cara memberikan tumpuan pada lima perkara seperti yang berikut:

### 01 Kepimpinan

Keupayaan untuk memimpin, bijak membuat keputusan, dan mengendalikan situasi yang sukar.



### 02 Berdaya upaya

Mempunyai kebolehan dan keupayaan dalam mendorong seseorang untuk sesuatu yang lebih baik.



### 03 Sensitiviti/ Keprihatinan

Keprihatinan kepada nilai dan budaya masyarakat serta penjagaan alam sekitar.



### 04 Keusahawanan

Kreatif dan inovatif dalam mencari peluang dan ruang untuk memaksimumkan sumber.



### 05 Kreatif

Kemampuan, kebolehan, atau keupayaan untuk mencetuskan idea serta menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli.



# POTENSI DIRI





Membaca



Seri Bahasa

# Mari Mengundi



Aktiviti

1. Baca bahan dengan telitinya dan senaraikan kosa kata baharu yang anda pelajari. Kemudian, berikan makna perkataan tersebut dengan merujuk pelbagai sumber.
2. Persembahkan cerpen dengan menggunakan bahan multimedia seperti video dan audio secara kreatif dan menarik.
3. Terokai pelbagai maklumat untuk mengetahui proses pilihan raya di Malaysia dengan lebih lanjut.



## Dakwat Ungu di Jari Telunjuk

Fazrin menunjukkan jari telunjuknya yang telah berdakwat ungu kepada pemandu kereta sewa. Pemandu itu membalasnya dengan menunjukkan ibu jari, tanda bagus. Dia gembira kerana Fazrin berjaya mengundi setelah hampir-hampir gagal. Begini kisahnya ...

Dua hari sebelum hari mengundi, Fazrin diarahkan oleh majikannya untuk menyelesaikan masalah sebuah kilang di Sandakan, Sabah. Masalah tersebut hanya dapat diselesaikannya pada pagi hari mengundi.

Sebaik sahaja masalah itu dapat diatasi, Fazrin bergegas ke Lapangan Terbang Sandakan. Fazrin bernasib baik kerana masih ada satu tiket ke Kuala Lumpur pada pukul 9:20 pagi. Pesawat tersebut dijangka tiba pada pukul 12:05 tengah hari di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, malang tidak berbau, pesawat yang dinaiki oleh Fazrin mengalami kelewatan. Pesawat itu hanya akan berlepas pada pukul 11:50 pagi. Jiwa Fazrin tidak tenteram.

Dalam penantian itu, Fazrin teringat akan suasana hangat sepanjang tempoh berkempen di kawasan pilihan raya tempat dia mengundi. Calon-calon yang bertanding berkempen dengan pelbagai cara. Poster-poster calon digantung di merata-rata tempat. Pada setiap malam, rapat umum diadakan untuk calon menerangkan manifesto parti masing-masing.

Setelah sekian lama menunggu, Fazrin berada di dalam perut pesawat. Pesawat yang dinaiki oleh Fazrin terasa bergerak amat perlahan. Tempoh penerbangan lebih kurang dua jam 45 minit terasa begitu lama. Fazrin bimbang dia tidak dapat melaksanakan tugasnya sebagai rakyat Malaysia buat kali pertama.

Oleh sebab Fazrin mengundi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dia hanya akan memilih wakil rakyat bagi kawasan parlimen sahaja. Dia tidak akan mengundi untuk memilih Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Beberapa bulan dahulu, Fazrin telah pun membuat semakan daftar pemilih melalui laman sesawang Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Hal tersebut perlu dilakukannya kerana hanya pengundi berdaftar sahaja yang dibenarkan mengundi. Dia tidak mahu terlepas peluang untuk memilih bakal peneraju tonggak negara. Fazrin tidak sabar menanti hari pembubaran parlimen.

Selepas pembubaran parlimen, pihak SPR pun mengumumkan hari penamaan calon, tempoh berkempen, hari undi awal, dan hari mengundi. Pada hari penamaan calon, Fazrin mengambil kesempatan untuk turut serta berada di tempat penamaan calon. Para penyokong calon membawa kain rentang dan bendera. Mereka melaungkan pelbagai slogan dan berada dalam jarak lebih 50 meter dari tempat penamaan calon. Jarak antara kedua-dua penyokong calon yang bertanding pula ialah 100 meter.



Lamunan Fazrin terhenti apabila tayar pesawat mencecah landasan kapal terbang. Setelah dibenarkan oleh pramugari, dia bergegas untuk meninggalkan pesawat dan menyelesaikan proses daftar keluar dengan secepatnya. Sebaik-baik sahaja melepasi pintu balai perlepasan, Fazrin menghidupkan telefon pintarnya untuk membuat tempahan kereta sewa.

Setelah lima minit, kereta yang disewa oleh Fazrin tiba. Jam menunjukkan pukul 3:45 petang. Dia ada masa kira-kira satu jam 45 minit untuk tiba di tempat mengundi yang akan ditutup pada pukul 5:30 petang.

“Encik nampak cemas,” kata pemandu kereta sewa.

“Saya bimbang terlewat untuk mengundi,” kata Fazrin.

“Jangan bimbang, kita ada masa yang cukup. Perjalanan dari sini ke sana hanya mengambil masa kira-kira 45 minit. Encik ada masa satu jam di tempat mengundi,” jelas pemandu kereta sewa. Fazrin berasa sedikit lega. Namun demikian, setelah setengah jam berlalu, kereta bergerak dengan perlahan-lahan.

“Ada kemalangan di hadapan,” kata pemandu. Dada Fazrin berdegup kencang. Dia semakin bimbang. Mungkinkah harapannya untuk mengundi akan hancur berkecai?

Akhirnya, Fazrin tiba di tempat mengundi sepuluh minit sebelum pukul 5:30 petang. Dia tergesa-gesa membayar tambang kereta sewa dan meminta pemandu itu menunggu kerana dia mahu pulang ke rumah selepas itu. Petugas di barong SPR menunjukkan isyarat masih sempat kepada Fazrin.

## Jenis-jenis Pengundian

Sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia menjalankan pilihan raya untuk memilih tampuk pemerintahan negara. Dalam proses pilihan raya tersebut, terdapat tiga jenis pengundian:

- Pengundian biasa, iaitu melibatkan pemilih-pemilih biasa yang akan mengundi pada hari yang ditetapkan sebagai hari mengundi.
- Pengundian awal bagi anggota polis, tentera dan pasangan, serta anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) dan pasangan.
- Pengundian pos, iaitu melibatkan pengundi yang tidak hadir, terdiri daripada anggota polis dan tentera yang bertugas pada hari mengundi awal. Pengundian pos termasuk juga pelajar di luar negara dan pasangannya serta kakitangan awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangannya.

Pengundi-pengundi lain yang dibenarkan mengundi secara pos ialah:

- Petugas pilihan raya.
- Ahli panel, pegawai, dan kakitangan SPR.
- Kategori yang ditetapkan oleh SPR layak untuk mengundi secara pos melalui pewartaan.

Pengundian awal akan diadakan lebih awal, iaitu tidak kurang daripada tiga hari sebelum tarikh pengundian biasa. Kertas-kertas undi yang telah ditanda akan disimpan dengan selamatnya dan akan dibuka untuk pengiraan pada pukul 4:00 petang pada hari pengundian sebenar.

Pengundian pos juga akan diadakan lebih awal, sebelum hari pengundian biasa. Kertas undi yang telah ditanda perlu tiba ke pejabat pegawai pengurus selewat-selewatnya pada pukul 5:00 petang pada hari mengundi.

(Sumber: <http://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya>)





# Pemimpin Berkesan, Pencetus Kejayaan



1. Analisis dan olah bahan untuk menghasilkan penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.
2. Kenal pasti jenis ayat yang terdapat dalam bahan dan hasilkan dialog.
3. Hasilkan kajian tentang sumbangan tokoh pemimpin di tempat tinggal anda.


## Karisma Pemimpin



### TUNKU ABDUL RAHMAN

(YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah)

- Perdana Menteri Malaysia yang pertama.
- Mengetuai delegasi perundingan untuk kemerdekaan ke London pada tahun 1955.
- Digelar sebagai “Bapa Kemerdekaan” dan “Bapa Malaysia”.



### TUN V.T. SAMBANTHAN

(Tun Veerasamy Thirunyana Sambanthan)

- Presiden Kongres India Malaya (MIC).
- Menyertai delegasi perundingan untuk kemerdekaan di London pada tahun 1955.
- Menggalakkan perpaduan kaum dan kesejahteraan rakyat Malaysia melalui program yang dianjurkan ketika beliau menjadi Menteri Perpaduan (1971 - 1974).





## TUN TAN CHENG LOCK

- Presiden Persatuan Cina Malaya (MCA).
- Menyokong kerjasama antara kaum melalui penubuhan Perikatan yang dianggotai oleh UMNO, MCA, dan MIC.
- Pemimpin yang disegani dan diterima oleh kaum lain di Tanah Melayu.

## Suara Rakyat Jelata

Adakah anda mempunyai pemimpin idaman?  
Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?

“Ya. Ciri-ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat. Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. Ambil tahu tentang keperluan kami.”

**Puan Nurul Izzati binti Ayob,**  
Pemilik gerai.

Bagaimanakah seorang pemimpin dapat memimpin organisasi dengan berkesannya?

“Pada pandangan saya, pemimpin yang memimpin organisasi dengan berkesannya perlu memiliki wawasan yang jelas untuk organisasinya. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pemimpin yang memiliki kriteria seperti ini! Selain itu, pemimpin juga perlu berfikiran luas dalam menentukan keputusan untuk mengelakkan timbulnya masalah ketika melaksanakan tugas.”

**Encik Long bin Mohamadiah,**  
Pekerja swasta.

Berikan pendapat anda tentang kepimpinan yang dapat memacu kecemerlangan belia.

“Pada pendapat saya, kepimpinan dapat memacu kecemerlangan belia dengan cara memberikan peluang seluas-luasnya kepada generasi muda untuk menimba ilmu pengetahuan. Dengan pengetahuan yang tinggi, belia akan meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya. Berilah sokongan dan bimbingan agar kami dapat mengutip ilmu dan pengalaman sebagai persediaan pada masa hadapan.”

**Saudara Zaid Harithah bin Azeman,**  
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar.

3.5.1 Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

5.3.4 Mengenal pasti dan menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan yang betul mengikut konteks.





# Kecindan Pemimpin



1. Kenal pasti kekuatan dan kelemahan karya. Kemudian, sampaikan ulasan dengan bahasa yang gramatis.
2. Hasilkan anekdot tentang kepemimpinan dan minta rakan anda mengulas kekuatan dan kelemahan anekdot tersebut.

## Tuk Ketua Nasmi

### Anekdote 1

Tuk Ketua Nasmi baik orangnya. Segala macam masalah anak buah akan cuba diselesaikannya. Pada suatu petang nan permai, datang Muthu menemuinya.

“Sawah saya tidak begitu menjadi tahun ini, Tuk Ketua. Siput gondang datang menyerang, habis musnah padi saya. Anak saya yang di universiti pula hendak duit. Baru semalam saya masukkan duit dalam akaunnya. Sekarang ini, saya satu sen pun tak ada, Tuk Ketua,” Muthu mengadu kepada Tuk Ketua Nasmi.

Sedang Muthu membuat aduan, mereka melihat Afiq, anak bongsu Tuk Ketua masuk ke dalam biliknya. Tidak lama kemudian, Afiq keluar dari bilik menghampiri Muthu dan Tuk Ketua Nasmi.

“Nah!” kata Afiq menghulurkan sesuatu. Muthu mengambilnya terkebil-kebil.

“Sekarang Pak Cik Muthu dah ada satu sen,” kata Afiq.

Muthu menggenggam syiling satu sen yang diberikan oleh Afiq. Tersenyum. Bagi Muthu, Afiq berhati luhur, tidak bermaksud untuk mempermain-mainkannya.

### Anekdote 2

Pulang dari bandar, Tuk Ketua Nasmi terus ke surau untuk solat asar berjemaah. Selain di rumah, anak buah boleh berjumpa dengan Tuk Ketua Nasmi di surau. Tuk Ketua Nasmi sebenarnya boleh dibawa berbincang di mana-mana sahaja. Setibanya di tangga surau, Zali memberikan salam dan menyapa Tuk Ketua Nasmi.

“Tadi Lebai Alang terbang, Tuk Ketua,” kata Zali.

“Hah, Lebai Alang terbang ke mana?” Tuk Ketua Nasmi terkejut.

“Tidak lama tadi, lebai tertidur kerana keletihan. Tiba-tiba, dia tersedar dan menyangka telah masuk waktu asar. Lebai pun bangun ambil wuduk lalu bang. Lebai Alang terbang. Sebenarnya, waktu asar belum masuk lagi.”

“Ish ... kamu ini Zali, saya ingatkan betul-betul Lebai Alang terbang,” kata Tuk Ketua Nasmi lantas tertawa.





IMBAS SAYA

### Anekdote 3

Walaupun sibuk menguruskan masalah anak buah, Tuk Ketua Nasmi tidak mengabaikan keluarganya. Setiap hari, seboleh-bolehnya beliau akan meluangkan masa untuk makan malam bersama keluarga. Selepas itu, dia akan menyemak buku latihan tadika yang dibuat oleh anaknya Afiq.

“Afiq, sebab apa ini? Tak buat latihan? Semua muka surat kosong.”

“Apalah ayah ini. Itu buku latihan Jawi, mula dari belakang.”

### Dikir Pemimpin Unggul

Seluas ilmu tekun direncana,  
Negara maju transformasi dijana,  
Pemimpin berilmu berakhlak mulia,  
Menjadi teladan wawasan dilaksanakan.  
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Menjadi idola harapan bangsa,  
Negara dijulang seantero dunia,  
Maju gemilang merentas masa,  
Rakyat cemerlang pencetus idea.  
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Janganlah angkuh membangga diri,  
Kelak jatuh menyembah bumi,  
Biarlah teguh jati diri,  
Baru kukuh pimpinanmu nanti.  
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Tumbuh subur julang mentari,  
Dijaga elok tegak berdiri,  
Pekerti luhur cerminan diri,  
Pemimpin jujur tetap disegani.  
(*awak-awak ulang Rangkap 1*)

Amsyar Sukri  
Johor Bahru

1.8.2 Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernas dan kritis menggunakan ayat yang betul dan gramatis.





# Muafakat Serantau



Aktiviti

1. Baca dan analisis kesalahan bahasa dalam bahan berkenaan SEAMEO. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut.
2. Analisis rencana untuk menentukan kejituan idea dan kesalahan bahasa dalam rencana tersebut.
3. Terokai maklumat tentang pusat serantau lain yang beroperasi di bawah SEAMEO. Bentangkan hasil dapatan anda kepada rakan-rakan.

## SEAMEO

### Apa itu SEAMEO?

Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) adalah sebuah organisasi di antara kerajaan negara-negara serantau yang ditubuhkan pada tahun 1965. Negara-negara serantau yang dimaksudkan adalah negara-negara Asia Tenggara. Objektif penubuhan ialah untuk menggalakkan kerjasama serantau dalam pendidikan, sains dan budaya di rantau ini.

Sebagai sebuah organisasi yang memupuk keupayaan manusia dan meneroka potensi rakyat sepenuhnya, SEAMEO berusaha untuk mencapai lagi aspirasi pembangunan penduduk dalam rantau ini. SEAMEO bertungkus-lumus untuk menjadikan kehidupan rakyat di rantau ini lebih berkualiti dalam pelbagai aspek kehidupan.

### Apakah yang menarik tentang SEAMEO?

SEAMEO mempunyai 26 institusi khusus yang menjalani program latihan dan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, sains, dan budaya. Salah sebuah institusi di bawah SEAMEO ialah Pusat Serantau Pendidikan Sains dan Matematik (SEAMEO RECSAM). Pusat serantau ini beroperasi di Pulau Pinang dan menjalankan pelbagai aktiviti bagi memajukan pendidikan Sains dan Matematik di kalangan negara-negara anggota SEAMEO.

### Bagaimanakah SEAMEO ditadbir?

Badan pembuat dasar tertinggi organisasi ini ialah Majlis SEAMEO yang terdiri daripada 11 orang menteri pendidikan di negara-negara Asia Tenggara. Sekretariat SEAMEO terletak di Bangkok, Thailand. Menurut Piagam SEAMEO, SEAMEO mempunyai tiga kategori keahlian: Ahli Negara, Ahli Bersekutu, dan Ahli Gabungan.

Pada masa kini, SEAMEO terdiri daripada 11 orang Ahli Negara, lapan Ahli Bersekutu dan tiga Ahli Gabungan. Badan yang bertanggungjawab menghasilkan dasar tertinggi organisasi ialah Majlis SEAMEO, yang terdiri dari menteri-menteri pendidikan bagi negara-negara Asia Tenggara.

(Sumber : <http://www.seameo.org>)





## SEAMEO RECSAM: Impak terhadap Dunia Pendidikan

Oleh: Jasmin binti Kamarul

Dalam ledakan ilmu pengetahuan tanpa sempadan dalam era ini, semua pihak mesti sentiasa cakna kepada perubahan dan bersedia untuk mendalami ilmu. Jika kita tidak cakna terhadap perubahan ini, kita akan ketinggalan di dalam arus perkembangan dunia sains dan teknologi. Hal ini dikatakan demikian oleh kerana saban hari pelbagai teori, penemuan dan ciptaan yang canggih dicipta manusia di seantero dunia.

SEAMEO RECSAM yang berpusat di Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai program. Program yang dianjurkan oleh SEAMEO RECSAM ini tidak terhad kepada murid-murid tetapi melibatkan golongan pendidik, termasuk ibu dan bapa.

SEAMEO RECSAM telah ditubuhkan pada 1967. Misi penubuhan pertubuhan ini adalah untuk mempromosi dan meningkatkan pendidikan Sains dan Matematik di kalangan ahli negara-negara SEAMEO. Setelah mendapat mandat ini, SEAMEO RECSAM berusaha melaksanakan mandat dan kini telah berjaya menarik perhatian pelbagai pihak termasuk para pendidik lain-lain negara di dalam dan di luar rantau Asia Tenggara. Keadaan ini mencerminkan kualiti inovasi pendidikan yang dilaksanakan oleh pusat serantau ini.

Pusat serantau ini aktif dalam melaksanakan pelbagai program di sepanjang tahun. Semua aktiviti yang dijalankan ini mempunyai pelbagai objektif. Semua aktiviti yang dijalankan ini telah berjaya menarik penyertaan pelbagai pihak, termasuk ibu bapa. Oleh itu, objektif asasnya tetap sama, iaitu meningkatkan pendidikan Sains dan Matematik para pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan ialah bengkel, persidangan, lawatan penandaarasan, pertandingan, dan lain-lain lagi.

Kejayaan program yang dilaksanakan oleh pihak SEAMEO RECSAM ini terbukti bila sekumpulan saintis muda tanah air berjaya mengharumkan nama negara. Mereka merangkul kemenangan dalam pertandingan yang diadakan dalam Kongres Serantau Mencari Saintis Muda SEAMEO kali ke-11 (SSYS 2018). Begitu juga dengan program SEAMEO Science Olympiad 2019 telah berjaya menarik minat pelajar untuk menjadi saintis. Teruskan usaha anda SEAMEO RECSAM. Kepakaran anda ditagih oleh negara demi untuk melahirkan anak watan bervisi tinggi.





Penilaian

### Soalan 1

*Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada era ini memangkin kecemerlangan murid. Tulis pendapat anda tentang manfaat teknologi ini dalam kalangan murid.*



### Soalan 2

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang lengkap dengan menggunakan ungkapan yang menarik dan bahasa yang gramatis.*

- Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi mempengaruhi pertambahan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di negara ini.  
Pada pendapat anda, bagaimanakah golongan remaja dapat memanfaatkan media sosial?
- Saban hari kita dipaparkan dengan berita kemalangan jalan raya di surat khabar atau siaran berita. Kemalangan di jalan raya seperti tiada kesudahannya.  
Tulis rencana tentang penyelesaian terbaik bagi menangani masalah ini untuk disiarkan dalam majalah sekolah anda.



- c. Hubungan antara negara serantau patut disemarakkan kerana memberikan pelbagai manfaat. Bincangkan.
- d. E-sukan mempunyai tarikan tersendiri dalam kalangan remaja. Namun begitu, ada segelintir ibu bapa kurang menggalakkan anak-anak menceburi bidang sukan ini. Ulas pernyataan di atas.
- e. Golongan remaja kurang meminati bidang pertanian dan penternakan sedangkan tenaga pekerja dalam sektor ini amat diperlukan. Jelaskan langkah-langkah yang dapat diambil bagi mengatasi masalah ini.

### Soalan 3

Fahami infografik di bawah. Kemudian, tulis pendapat anda tentang punca ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak dan cadangkan satu langkah untuk mengatasinya.



(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



#### Soalan 4

Baca bahan dengan telitinya dan kemudian jawab soalan-soalan yang diberikan.

Difteria ialah jangkitan akut yang menjejaskan sistem pernafasan. Wabak difteria berlaku di Rusia, Ukraine, Mongolia, dan Ecuador pada tahun 1990-an. Penyakit difteria meningkat pada musim sejuk di kawasan yang beriklim sederhana. Penyakit ini kerap menjangkiti kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun dan belum mendapat imunisasi. Selain itu, penyakit ini juga dikesan dalam kalangan orang dewasa di kawasan yang tidak mendapatkan imunisasi. Namun, penyakit ini jarang berlaku di negara perindustrian kerana pemberian vaksin telah dilaksanakan.

Penyakit difteria disebabkan oleh bakteria *Corynebacterium diphtheriae*. Bakteria ini menjangkiti tekak dan menghasilkan toksin yang menyebabkan keradangan di sekitar tekak dan leher bengkak sehingga pesakit sukar bernafas. Penyakit ini boleh menyebabkan kematian, terutama dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lima tahun dan ke bawah.

Walaupun penyakit ini berbahaya dan mudah berjangkit, kita masih boleh mengambil langkah pencegahan dengan mendapatkan suntikan pelalian untuk mengekang penularannya. Vaksin yang perlu diambil ialah kombinasi vaksin lima serangkai (DTaP-IPV/Hib) yang diberikan kepada kanak-kanak berumur dua bulan, tiga bulan, lima bulan, 18 bulan, dan tujuh tahun. Pesakit yang dijangkiti penyakit ini akan diberikan antitoksin serta-merta. Setelah keputusan spesimen bakteria daripada pesakit diperolehi, pesakit akan diberikan *Eritromisin* dan *Penisilin*.

(Sumber: [www.myhealth.gov.my/difteria/](http://www.myhealth.gov.my/difteria/))



**Difteria**

**Cara jangkitan**

- ★ Melalui titisan cecair apabila bersin, batuk, atau bercakap.
- ★ Melalui sentuhan fizikal.

**Tanda dan gejala**

- ★ Keletihan.
- ★ Bengkak kelenjar leher.
- ★ Lendir hidung berbau dan bercampur darah.
- ★ Sukar bernafas.
- ★ Sakit tekak.
- ★ Demam.
- ★ Batuk.
- ★ Sukar menelan.
- ★ Sakit kepala.

**Komplikasi Difteria**

- ★ Kerosakan saraf.
- ★ Kerosakan otot jantung.
- ★ Lumpuh.
- ★ Kegagalan pernafasan.
- ★ Kematian.

**Kepentingan suntikan vaksin**

- ★ Sistem imuniti kanak-kanak belum matang dan mudah terdedah kepada sebarang jangkitan.
- ★ Vaksin membantu menguatkan sistem imuniti.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



- a. Apakah maksud difteria?
- b. Siapakah yang kerap dijangkiti penyakit difteria?
- c. Jelaskan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkan jangkitan penyakit ini.
- d. Apakah cadangan anda untuk membantu pencegahan penularan penyakit difteria?
- e. Sejauh manakah penularan penyakit berjangkit memberikan kesan negatif kepada pembangunan negara?

### Soalan 5

*Jawab soalan-soalan di bawah ini.*

- a. Bina satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksudnya.
  - i. menghiasi - menghiasikan
  - ii. membesar - membesarkan
  - iii. menjauhi - menjauhkan
  - iv. peninju - petinju
  - v. pedalaman - pendalaman
  - vi. penemuan - pertemuan
- b. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, kategorikan ayat dalam petikan tersebut mengikut jenis ayat.

Wahai, rakan-rakan sekalian! Adakah anda menjaga kebersihan tempat tinggal? Kebersihan amat penting agar ahli keluarga anda tidak dijangkiti penyakit. Pastikan setiap ruang di rumah anda sentiasa bersih. Jangan biarkan air bertakung di dalam bekas-bekas yang tidak digunakan. Apakah yang perlu anda lakukan terhadap bekas-bekas itu? Simpan dan susun bekas tersebut di tempat yang selamat. Nyamuk Aedes membiak di tempat air bertakung. Syabas, jika anda mengambil berat tentang kebersihan!

- c. Cerakinkan ayat majmuk dalam petikan di bawah ini kepada ayat tunggal.

Penggunaan baja organik telah membantu sektor pertanian kerana dapat meningkatkan mutu tanaman. Baja organik menggalakkan pertumbuhan mikroorganisma baik yang memastikan kesuburan tanah dalam jangka masa panjang. Kos pembelian baja juga dapat dijimatkan kerana baja organik menggunakan bahan buangan organik.



- d. Baca ayat di bawah dengan telitinya dan kemudian nyatakan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai dengan ayat tersebut.
- i. Hasri tidak mahu membeli kasut yang murah, sebaliknya dia mahu membeli kasut yang mahal tetapi dapat dipakai lebih lama.
  - ii. Ayah menggalakkan kami membaca pelbagai bahan bacaan untuk menambahkan ilmu pengetahuan.
  - iii. “Semasa kami menentang penganas komunis, kami telah berjuang dengan bersungguh-sungguh, kami lebih rela terkorban daripada kalah dan menanggung malu,” kata Tuk Su.
  - iv. Ina menggunakan tutur kata yang sopan semasa berbual dengan rakan-rakannya. Dia tidak mahu mereka terluka dengan kata-katanya yang mungkin menghiris hati dan perasaan mereka.
  - v. Walaupun dibesarkan dalam suasana bandar yang moden, Damia Hanna dan adik-beradiknya tidak melupakan adat resam keluarga mereka. Sebagai contoh, majlis perkahwinan abang Damia Hanna yang berlangsung pada minggu lepas masih mengekalkan tradisi masyarakat Minangkabau.
  - vi. Pada awal tahun, Afiq Haikal tidak dapat menjawab soalan-soalan Matematik Tambahan yang diberikan oleh Cikgu Melinda. Walau bagaimanapun, Cikgu Melinda tidak berputus asa dan mengajar Afiq Haikal tanpa mengenal erti putus asa. Akhirnya, Afiq Haikal mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

### Soalan 6

*Secara berkumpulan, simulasikan sesi pembentangan dan soal jawab berdasarkan satu tajuk di bawah.*

a.

**Cara Menjaga Kesihatan**

b.

**Ciri Kenderaan pada  
Masa Hadapan**

c.

**Kepentingan Kursus  
Kepemimpinan Belia**



# Jawapan/Lampiran Pilihan

## TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN

Halaman 4 - 5 (Soalan 2)

Kata Tunggal		Kata Majmuk
guru-guru	kencang	guru penolong kanan
rakan-rakan	bagi	guru kanan mata pelajaran
dengan	oksigen	guru cemerlang
yang	ke	badan air
akan	seluruh	taman tema air
pada	tubuh	luncur jet
aktiviti	proses	luncur air
suatu	ini	luncur angin
saya	dalam	selam skuba
percaya	badan	olahraga
juga	hal	jangka hayat
gemar	sahaja	nilai murni
dan	kekal	tanggungjawab
di	sihat	akhir kata
seperti	berat	terima kasih
jeram	ideal	
bukan	suka	
namun	pula	
udara	oleh	
segar	mereka	
bersnorkel	lebih	
yakin	panjang	
pernah	atlet	
boleh	lain	
dengan	diri	
jari	sudah	
kita	pasti	
stamina	sikap	
fizikal	erat	
mental	lagi	
khusus	masa	
tentang	hidup	
sukan	ada	
ambil	banyak	
deras	agar	
mampu	demi	
adrenalina	sekian	
jantung		



**TEMA 2: INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA**

**Halaman 24 - 25 (Soalan 2)**

**Kata Terbitan**

<b>Awalan</b>	<b>Akhiran</b>	<b>Apitan</b>
belajar	gambaran	berfikiran
bergerak	hadapan	berkelipan
berkesan	hadirin	berlandaskan
berkisar	ucapkan	diaplikasikan
berkualiti	pilihan	digerakkan
berlaku	budiman	diharapkan
bermaksud	hadirat	dihormati
bersedia	muzikal	dijalankan
bertemu		dilengkapi
berupaya		dipersembahkan
kedua		disediakan
membuat		disiarkan
memilih		kehidupan
mencapai		kelebihan
mencari		kemudahan
menganalisis		keperluan
mengikut		melahirkan
menjadi		melalui
menyusul		memanfaatkan
merujuk		membolehkan
pembesar		memerlukan
pembimbing		mempersembahkan
pendidik		mempunyai
pengerusi		menayangkan
pengetua		mendapatkan
sebelum		meneruskan
secara		mengalami
segenap		menjadikan
selepas		menjelaskan
semaksimum		menyediakan
semata-mata		mewujudkan
terakhir		menggalakkan
terbatas		menggunakan
terdapat		menghadapi
terdidik		pembelajaran
terkini		pendidikan
terlebih		pengajaran
tersebut		penggunaan
		perkataan
		perkembangan
		pernyataan
		perubahan



### TEMA 3: MEMETIK BINTANG

#### Halaman 36 – 37 (Soalan 2)

<b>Cantuman huruf dan suku kata perkataan</b> 1. Yawam 2. Permam	<b>Cantuman huruf awal perkataan</b> 1. UA 2. US 3. PLKA 4. RTM 5. IKIM 6. HKL
<b>Cantuman suku kata awal perkataan</b> 1. Bernama 2. cerpen	<b>Cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian perkataan yang mengikutnya</b> 1. senamrobik 2. jenama

### TEMA 4: MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH

#### Halaman 48 – 49 (Soalan 2)

Kata Nama Khas	Kata Nama Am	Kata Ganti Nama
<b>Hidup – manusia</b>	<b>Hidup – manusia</b>	<b>Kata ganti nama diri orang</b>
Adora, Luqman, Nuyah	murid-murid	kita, awak, saya
Cikgu Zaki	ahli	
Cikgu Mashita		<b>Kata ganti nama diri tanya</b>
		apakah, bagaimanakah
<b>Hidup – bukan manusia</b>	<b>Hidup – bukan manusia</b>	<b>Kata ganti nama tunjuk umum</b>
<i>Netherland Dwarf</i>	kambing	itu, ini
<i>Holland Lop</i>	arnab	
<i>New Zealand White</i>	arnab pedaging	
<i>California</i>	arnab hiasan	
	arnab bulu	
<b>Tak hidup – bukan manusia</b>	<b>Tak hidup – institusi</b>	
Projek Ternakan dalam Taman	sekolah, stor perabot lama	
Kelab Pertanian		
	<b>Tak hidup bukan institusi konkrit</b>	
	sangkar, wakaf	
	<b>Tak hidup bukan institusi abstrak berbilang</b>	
	iklan, projek, kertas cadangan, rayuan, keputusan	



**TEMA 5: MEMACU PRODUKTIVITI****Halaman 60 – 61 (Soalan 2)**

<b>Kata Kerja Tak Transitif Berpelengkap</b>	<b>Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap</b>
ada menjadi mengikut memakan berbentuk bergantung terdapat mendapat	berfungsi bermula terbakar masak keluar menegak menyejuk

**TEMA 6: DUNIA PELANCONGAN****Halaman 76 – 77 (Soalan 2)**

<b>Kata Kerja Transitif Aktif</b>	<b>Kata Kerja Pasif</b>	<b>Kata Kerja Tak Transitif</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• mencipta</li> <li>• menghiasi</li> <li>• merupakan</li> <li>• mempunyai</li> <li>• melarikan</li> <li>• mendambakan</li> <li>• menginginkan</li> <li>• menyokong</li> <li>• mengenal</li> <li>• menakjubkan</li> <li>• merentasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• dicipta</li> <li>• diisytiharkan</li> <li>• diperkaya</li> <li>• dihiasi</li> <li>• ditemukan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• beriang ria</li> <li>• melarikan diri</li> <li>• berusia</li> <li>• berterbangan</li> </ul>

**TEMA 7: DEMI KEDAMAIAN****Halaman 88 – 89 (Soalan 2)**

<b>Jenis Kata Adjektif</b>	<b>Kata Adjektif</b>
sifatan atau keadaan	kuat, canggih, lurus, pendiam, baru, berani, nekad, licik, petah, palsu, sah, lanjut, pelik, sulit
warna	hitam
ukuran	besar, pendek, panjang
bentuk	bulat-bulat
waktu	segera, singkat, lambat, panjang
jarak	jauh
cara	sering, mudah, ringkas, terang-terangan, sependai-pandai, sewenang-wenangnya, bersungguh-sungguh
perasaan	cinta, lemas, mempesonakan, ragu-ragu, gundah-gulana, cemas, panik, gawal, hasad
pancaindera	manis, pahit



**TEMA 8: DALAM LIPATAN KENANGAN****Halaman 104 – 105 (Soalan 2)**

<b>Kata Tugas Praklausa</b>	<b>Kata Tugas Pascakata</b>
<b>Kata seru</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cis</li> <li>• Nah</li> </ul> <b>Kata tanya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Siapakah</li> <li>• Apa</li> </ul> <b>Kata perintah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayuh</li> <li>• Jangan</li> </ul> <b>Kata pembenar</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya</li> <li>• Benar</li> </ul> <b>Kata pangkal ayat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hatta</li> <li>• Maka</li> </ul>	<b>Kata pembenda</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• cekapnya</li> <li>• mudahnya</li> </ul> <b>Kata penekan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sesungguhnya</li> <li>• setepat-tepatnya</li> </ul>

**TEMA 9: SAYANGI MALAYSIAKU****Halaman 118 – 119 (Soalan 2)**

<b>Kata Hubung Gabungan</b>	<b>Kata Hubung Pancangan Relatif</b>	<b>Kata Hubung Pancangan Komplemen</b>	<b>Kata Hubung Pancangan Keterangan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• atau</li> <li>• dan</li> <li>• serta</li> <li>• tetapi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• yang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bagi</li> <li>• jika</li> <li>• kerana</li> <li>• sebagai</li> <li>• sebelum</li> <li>• untuk</li> </ul>

**TEMA 10: BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR****Halaman 138 – 139 (Soalan 2)**

<b>Kata pemerli</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• ialah</li> <li>• adalah</li> </ul> <b>Kata nafi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak</li> <li>• bukan</li> </ul> <b>Kata penguat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• agak</li> <li>• amat</li> <li>• benar</li> <li>• sangat</li> <li>• sekali</li> <li>• sungguh</li> </ul>	<b>Kata sendi nama</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• akan</li> <li>• antara</li> <li>• dalam</li> <li>• dari</li> <li>• daripada</li> <li>• dengan</li> <li>• di</li> <li>• ke</li> <li>• pada</li> <li>• terhadap</li> <li>• untuk</li> </ul>	<b>Kata arah</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• atas</li> <li>• hujung</li> </ul> <b>Kata adverba</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• (sakit) tenat</li> <li>• (muncul) kembali</li> <li>• lebih (mengejutkan)</li> </ul>
---	--	--



<b>Kata penegas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• hanya</li> <li>• juga</li> <li>• lagi</li> <li>• pun</li> <li>• sahaja</li> <li>• -lah</li> <li>• -kah</li> </ul>	<b>Kata bantu</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• dapat</li> <li>• hendak</li> <li>• mahu</li> <li>• telah</li> </ul> <b>Kata bilangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• beberapa</li> <li>• empat</li> <li>• ketiga</li> <li>• pertama</li> <li>• setengah</li> <li>• tiga</li> </ul>
--	--

**TEMA 11: EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA**

Halaman 154 – 155 (Soalan 2)

Frasa Nama	Frasa Kerja	Frasa Sendi Nama	Frasa Adjektif
<ul style="list-style-type: none"> <li>• skim simpanan</li> <li>• pembiayaan pengajian</li> <li>• tujuan pelaburan</li> <li>• para pelajar</li> <li>• pusat pengajian tinggi awam</li> <li>• pelepasan taksiran cukai pendapatan</li> <li>• perlindungan takaful</li> <li>• simpanan wang</li> <li>• tabungan wang</li> <li>• akaun ini</li> <li>• warganegara Malaysia</li> <li>• anak jagaan mereka</li> <li>• penjaga mereka</li> <li>• penutupan akaun</li> <li>• peluang lain</li> <li>• perasaan kesal</li> <li>• keinginannya</li> <li>• pelbagai bidang kerjaya</li> <li>• macam-macam bidang ilmu</li> <li>• impiannya</li> <li>• belanjanya</li> <li>• penyembuh kekesalannya</li> <li>• rumahnya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• direka khas</li> <li>• melantik PTPTN</li> <li>• menguruskan deposit</li> <li>• memohon pinjaman pendidikan</li> <li>• membiayai pengajian</li> <li>• mempunyai akaun SSPN-i</li> <li>• ditetapkan oleh PTPTN</li> <li>• memperoleh pelbagai keistimewaan</li> <li>• memiliki simpanan</li> <li>• dijamin oleh kerajaan</li> <li>• mempunyai kadar dividen</li> <li>• boleh dibuka</li> <li>• diberikan pilihan</li> <li>• membuka akaun individu</li> <li>• menjadi penerima manfaat</li> <li>• membaca mesej perbualannya</li> <li>• mendapat keputusan peperiksaan</li> <li>• melihat Ganesh</li> <li>• melanjutkan pelajaran</li> <li>• menawarkan bidang pelajaran</li> <li>• teringat kata-kata</li> <li>• telah muncul</li> <li>• mempunyai pasaran kerja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• dengan simpanan minimum</li> <li>• ke atas pendeposit</li> <li>• di seluruh Malaysia</li> <li>• oleh ibu bapa</li> <li>• pada bila-bila masa</li> <li>• di kaunter</li> <li>• di universiti</li> <li>• ke kolej</li> <li>• di dada</li> <li>• dari dapur</li> <li>• ke tingkat atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• sungguh mudah</li> <li>• hebat sungguh</li> <li>• sedih sangat</li> <li>• begitu teruja</li> <li>• hancur berkecai</li> <li>• amat gembira</li> </ul>



	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ditiup kepadanya</li> <li>• menceburi bidang</li> <li>• membebaskan ayah dan ibunya</li> <li>• mencapai aspirasi hidupnya</li> <li>• melihat ayahnya bergolok bergadai</li> <li>• menanggung kos pembelajarannya</li> <li>• hendak belajar</li> <li>• menyimpan wang</li> <li>• mendaftar pengajian</li> <li>• memanjat anak tangga</li> </ul>		
--	---	--	--

### TEMA 12: ASLI DAN KONTEMPORARI

Halaman 168 – 169 (Soalan 2)

Ayat Dasar FN + FK

Bil.	Subjek (FN)	Predikat (FN)
1.	Bekasnya	pelbagai bentuk.
2.	Tumbuhan yang sesuai	tumbuhan tropika.
3.	Tumbuhan yang sesuai	tumbuhan yang menyimpan air.

Ayat Dasar FN + FK

Bil.	Subjek (FN)	Predikat (FK)
1.	Bekasnya	bertutup.
2.	Penutup	perlu dibuka seminggu sekali.
3.	Bekas tertutup	mengelakkan jangkitan kulat.
4.	Terarium	tidak memerlukan ruang yang luas.
5.	Terarium	menyegarkan udara bilik.

Ayat Dasar FN + FA

Bil.	Subjek (FN)	Predikat (FA)
1.	Bentuk bekasnya	menarik.
2.	Penyediaannya	agak sukar.
3.	Penjagaannya	agak mudah.
4.	Penyiramannya	tidak perlu kerap.
5.	Terarium	cantik.
6.	Penyiramannya	perlu kerap.
7.	Tumbuhan berbunga	tidak sesuai.
8.	Kos pembuatannya	rendah.
9.	Penyediaannya	mudah.

Ayat Dasar FN + FS

Bil.	Subjek (FN)	Predikat (FS)
1.	Taman mini	di dalam bekas lut sinar.
2.	Bekasnya	daripada bahan terbuang.



### TEMA 13: SEGALANYA BERMULA DI SINI

Halaman 180 - 181 (Soalan 2)

#### Ayat Tunggal Susunan Biasa

Bil.	Subjek	Predikat
1.	Anda	pernah menyaksikan diorama dasar laut?
2.	AMUMS	mempunyai pelbagai tarikan.
3.	Pembinaan AMUMS ini	untuk menginspirasikan pemuliharaan hidupan laut.
4.	Ruangan atrium	memaparkan diorama menyelam di Taman Pulau Sipadan.
5.	Bayaran masuk	akan dikenakan.
6.	Hasil kutipan bayaran masuk tersebut	adalah untuk pengurusan AMUMS.

#### Ayat Tunggal Susunan Songsang

1.	Melalui lawatan ke AMUMS ini, pembelajaran mengenai hidupan marin menjadi lebih interaktif.
2.	Di seksyen pameran akuarium, para pelawat dapat bertemu muka dengan pelbagai hidupan laut.
3.	Di seksyen muzium pula, pelawat dapat menyaksikan spesimen hidupan marin yang telah diawet secara lebih dekat.

#### Ayat Majmuk

Ayat Majmuk Gabungan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemuliharaan ini dilakukan melalui pendidikan, penyelidikan, inovasi, dan penerokaan.</li> <li>2. Hal ini secara tidak langsung mampu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan persekitaran marin dalam kehidupan manusia dan membenihkan rasa hormat serta perasaan sayang kita kepadanya.</li> </ol>
Ayat Majmuk Pancangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jika anda berhasrat untuk menyaksikannya, silalah berkunjung ke Akuarium dan Muzium Marin Universiti Malaysia Sabah (AMUMS).</li> <li>2. Panorama di kompleks AMUMS yang terletak di kawasan pinggir laut sungguh mengagumkan.</li> <li>3. Digambarkan bahawa kompleks ini dimeriahkan oleh hidupan marin yang indah dan berwarna-warni.</li> <li>4. Ruangan ini menimbulkan sensasi visual seperti berada di bawah dasar laut yang kaya dengan biodiversiti marin.</li> <li>5. Bahan pendidikan seperti ini mampu membuka mata kita tentang perkaitan antara semua benda hidup dengan alam marin yang kini amat perlu dilindungi.</li> </ol>
Ayat Majmuk Campuran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembelajaran juga menjadi lebih menarik dan tiada nilai taranya, terutamanya apabila kita berada dalam situasi persekitaran kehidupan marin yang sebenar.</li> </ol>



2. Di sini, mereka dapat menyaksikan sifat-sifat unik karang hidup, kima, timun laut, landak laut, udang, penyu, rumpun laut, dan hidupan lain yang begitu menghiburkan.

#### TEMA 14: SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU

Halaman 192 - 193 (Soalan 3)

##### Ayat Tunggal Susunan Biasa

- Saya selalu pulang dari tempat kerja pada pukul 11:30 malam.
- Air tulang belakang diambil dengan cara mencucuk jarum pada tulang belakang.
- Saya penghidap diabetes.
- Saya sangat bimbang.
- Saudari Jaklin tidak perlu risau.

##### Ayat Tunggal susunan songsang

- Adakah pendapatnya benar?
- Dalam istilah perubatan, keadaan ini disebut sebagai *pleural effusion*.
- Jadi, tidak benar pendapat sahabat saudara itu.
- Adakah tindakan mengambil air tulang belakang selamat?
- Adakah kenyataan ini betul?
- Oleh itu, saya kerap mandi malam.
- Sebenarnya, makanan tambahan tidak boleh menggantikan ubat.

##### Ayat Majmuk

##### Ayat Majmuk Gabungan

- Antara puncanya ialah kegagalan jantung, jangkitan tuberkulosis, atau masalah paru-paru.
- Apabila demam atau sakit kepala, saya selalu makan parasetamol.
- Mereka risau parasetamol akan kekal di dalam badan dan boleh merosakkan buah pinggang.

##### Ayat Majmuk Pancangan Relatif

- Paru-paru berair ialah keadaan terdapatnya cecair di dalam paru-paru.
- Memang terdapat lambakan produk makanan tambahan yang semakin popular di pasaran.
- Akibatnya, ada pesakit yang tidak mahu mengambil ubat.

##### Ayat Majmuk Pancangan Komplemen

- Sahabat saya berkata bahawa mandi malam boleh menyebabkan paru-paru berair.
- Ada yang mendakwa bahawa makanan tambahan ini lebih baik berbanding dengan ubat.
- Saya pernah terbaca dalam media sosial bahawa sebiji parasetamol akan kekal di dalam badan selama lebih kurang lima tahun.

##### Ayat Majmuk Pancangan Keterangan

- Anak saya telah membeli makanan tambahan untuk mengubati penyakit saya.
- Makanan tambahan ini boleh digunakan untuk menggantikan ubat?
- Semasa membeli bahan ini, pengguna perlu berhati-hati.
- Fahaman ini menyebabkan masyarakat bimbang untuk mengambil parasetamol bagi menghilangkan rasa sakit.



## Ayat Majmuk Campuran

- Tiada bukti yang menunjukkan bahawa mandi malam akan mengakibatkan paru-paru berair.
- Kebiasaannya, ruang antara tulang lumbar ketiga dan keempat, atau keempat dan kelima akan dicucuk untuk mengambil cecair yang mengelilingi saraf tunjang.
- Prosedur yang dinamakan tusuk lumbar (*lumbar puncture*) ini adalah selamat kerana dilakukan oleh pegawai perubatan yang terlatih.
- Sangat penting pengambilan air tulang belakang untuk memberikan maklumat tertentu tentang pesakit terutamanya yang melibatkan penyakit saraf.
- Tambahan pula, pelbagai medium telah digunakan untuk mempromosikan produk tersebut termasuk radio, televisyen, dan media sosial.
- Hal ini dikatakan demikian kerana banyak makanan tambahan yang tidak diuji secara menyeluruh dari segi keselamatannya.
- Parasetamol ialah sebatian yang digunakan sebagai ubat untuk mengurangkan kesakitan seperti sakit kepala dan sakit gigi, serta menurunkan suhu badan.
- Memang ada yang berfahaman bahawa parasetamol tidak larut di dalam badan.
- Sebenarnya, parasetamol hanya kekal di dalam badan selama beberapa jam sahaja dan diuraikan oleh hati, sebelum disingkirkan melalui air kencing.

## TEMA 15: ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI

Halaman 212 – 213 (Soalan 2)

### Jenis Ayat

Ayat Penyata

1. Lalu lintas terkawal, kapten!
2. Panggilan kecemasan sifar, kapten!
3. Sistem komputer dan komunikasi G-5AT lancar, kapten!
4. Pergerakan kecemasan dikesan di stesen minyak di kawasan Plaza Tol Sungai Besi, lebuh raya Utara-Selatan ke arah selatan.
5. Maklumat tepat - kilometer 299 arah Selatan di antara persimpangan Kajang dengan Bangi.
6. Siap, kapten!
7. Kapten, panggilan kecemasan diterima!
8. Ada rompak bersenjata di Stesen Minyak Pro-X!
9. Pasukan peronda yang terhampir sudah pun bertindak, kapten!
10. Penggodam telah ditangkap dan disoal siasat.
11. Nasib baik Rob-My1 cepat mengesan kerja jahat mereka.
12. Kapten, panggilan kecemasan diterima dari Kedah!
13. Dua orang remaja yang mendaki Gunung Jerai dilaporkan tidak dapat dikesan.



	<ol style="list-style-type: none"> <li>16. Pasukan Bomba dan Penyelamat telah pun bersiap siaga ke lokasi, kapten.</li> <li>17. G-5AT telah dihubungi, kapten.</li> <li>18. Mereka telah pun menghantar lokasi orang hilang kepada pihak Bomba dan Penyelamat.</li> <li>19. Nampaknya, dengan sistem perhubungan yang berganda-ganda lebih cepat dan perisian canggih, lebih mudahlah kerja kita, kapten.</li> <li>20. Ya, ledakan teknologi dan inovasi 5G sudah tidak dapat ditahan lagi.</li> <li>21. Kita mesti menguasai dan mengawalinya supaya kita tidak ditelan oleh gelombang 5G ini.</li> <li>22. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa dalam setiap kekuatan, ada kelemahan.</li> <li>23. Kita mesti menggembleng tenaga untuk mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan yang dikenal pasti.</li> <li>24. Pada masa yang sama, aplikasi 5G ini perlu dimanfaatkan seoptimum mungkin agar negara kita mampu menjadi Negara Digital Pintar yang akan menerajui transformasi ekonomi berasaskan teknologi di rantau Asia.</li> </ol>
Ayat Tanya	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kilometer berapa?</li> <li>2. PP5G3, bagaimana dengan kes penggodaman sistem pengesanan kita semalam?</li> </ol>
Ayat Perintah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua PP5G, sila berikan laporan.</li> <li>2. Hari ini pantau semua bahagian secara lebih kerap.</li> <li>3. Jangan sampai ada yang tertinggal.</li> <li>4. Rob-My2, berikan maklumat yang tepat!</li> <li>5. PP5G1, zum lokasi!</li> <li>6. PP5G3, hubungi G-5AT.</li> <li>7. Minta bantuan mereka untuk mengesan lokasi orang hilang melalui satelit.</li> <li>8. Rob-My2, tolong turunkan layar latihan 5G dan paparkan cabaran yang mungkin berlaku jika tidak diberikan perhatian.</li> </ol>
Ayat Seruan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wah, nampaknya kita memulakan hari ini dengan begitu baik sekali!</li> <li>2. Siap siaga! Siap siaga!</li> <li>3. Hore!</li> <li>4. Oh, kes selesai, kapten!</li> <li>5. Eh, cepatnya!</li> </ol>



## TEMA 16: DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN

Halaman 222 - 223 Jenis ayat

Ayat penyata	Ayat Tanya	Ayat Seruan
Ciri-ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat.	Adakah anda mempunyai pemimpin idaman?	Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pemimpin yang memiliki kriteria seperti ini!
Pada pandangan saya, pemimpin yang memimpin organisasi dengan berkesannya perlu memiliki wawasan yang jelas untuk organisasinya.	Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?	
Selain itu, pemimpin juga perlu berfikiran luas dalam menentukan keputusan untuk mengelakkan timbulnya masalah ketika melaksanakan tugas.	Bagaimanakah seorang pemimpin dapat memimpin organisasi dengan berkesannya?	
Dengan pengetahuan yang tinggi, belia akan meningkatkan kebolehpasaran pendidikan dan kerjaya dalam pelbagai bidang.		
Ayat Perintah		
Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami.		
Ambil tahu tentang keperluan kami.		
Berilah sokongan dan bimbingan agar kami dapat mengutip ilmu dan pengalaman sebagai persediaan pada masa hadapan.		



# Glosari

*adrenalina* hormon yang dirembeskan oleh bahagian medula kelenjar adrenal, terhasil daripada rangsangan sistem saraf yang dipengaruhi oleh keadaan cemas atau takut  
*agi idup agi ngelaban* selagi nyawa di badan, pasti akan melawan  
*antropologi* pengajian saintifik tentang asal usul manusia (perkembangan fizikal dan budayanya, ciri-ciri rasnya dan adat resam, serta kepercayaannya), kaji manusia  
*arus karau* arus karnu, aliran air yang mengalir semula ke laut selepas setiap pukulan ombak ke pantai

*automasi* sistem pelaksanaan tugas serta alat automatik yang pada keseluruhannya membolehkan pelbagai aspek dan proses kerja dilakukan dengan sedikit sahaja atau sama sekali tidak memerlukan tenaga manusia

*badan air* mana-mana alur, tasik, kolam, tanah perairan, perairan pantai, dan badan air lain, sama ada semula jadi atau buatan

*batu jatuh glasier* batuan asing asalan glasier yang dijatuhkan daripada bongkah ais yang mencair ke dalam batu sedimen

*biodiversiti* kepelbagaian jenis tumbuhan dan haiwan yang terdapat pada suatu ekosistem

*degradasi* proses yang melibatkan perendahan permukaan bumi yang lazimnya dilakukan oleh agen seperti atmosfera dan glasier

*diatonik* berkenaan penggunaan not yang bertepatan dengan tangga nada sahaja

*diorama* model tiga dimensi yang menggambarkan pemandangan di hadapan latar belakang dua dimensi berbentuk lengkung, untuk membantu pengajaran dengan lebih jelas

*farmaseutikal* bidang yang berkaitan dengan ubat-ubatan atau farmasi

*filharmonik* berkaitan dengan persembahan, penghayatan dan sebagainya; orkestra, muzik dan sebagainya

*gastronomi* kajian, seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yang baik

*gawal* keliru, salah, silap

*genre* kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu

*hari langsung* hari majlis perkahwinan dilangsungkan

*hibrid* anak haiwan atau tumbuh-tumbuhan yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis yang berlainan jenis, kacukan

*iglu* rumah orang Eskimo yang berbentuk seperti kubah

*imunisasi* perihal atau perbuatan mendapatkan atau memberikan perlindungan daripada penyakit tertentu menerusi suntikan

*itinerari* program sesuatu perjalanan atau lawatan (termasuk tempat-tempat yang dikunjungi)

*jongor* muncung yang panjang (pada kumbang, ikan, dan sebagainya)



*kaliks* lingkaran daun (disebut sepal) yang membentuk salut luar pada bunga yang melindungi kudup bunga

*kemandirian* perihal (keadaan) dapat berdiri sendiri

*kepala air* permulaan atau penghabisan air bah, lidah air

*konjunktiva* membran bermukus yang menyelaputi bahagian depan bola mata dan permukaan bawah kelopak mata

*kontemporari* pada masa yang sama, semasa atau sesama (dengan seseorang atau sesuatu), (pada) masa kini

*kulinari* berkaitan dengan masak-memasak

*maeda* jeneral tentera Jepun di Sarawak

*mauduk* tajuk (ceramah, perbahasan, dan lain-lain)

*mobiliti* perihal mudah berpindah

*modus operandi* cara (prosedur dan sebagainya) untuk melakukan (melaksanakan) sesuatu

*mukosa* lapisan tisu yang mengandungi kelenjar mukus, yang melapik saluran atau rongga tertentu dalam tubuh, membran mukus

*nutrien* bahan makanan berkhasiat, zat makanan

*pemegang taruh* pihak berkepentingan

*pengikrar* orang (kumpulan orang dan sebagainya) yang berikrar atau mengikrarkan sesuatu

*perisian hasad* perisian yang direka bentuk untuk memusnahkan sistem komputer tanpa pengetahuan pemilik komputer

*perisian intip* perisian yang dipasang secara tersembunyi pada komputer peribadi untuk memintas atau mengambil sebahagian kawalan atas interaksi pengguna dengan komputer tanpa pengetahuan pengguna tersebut

*plankton* sejenis benda halus (organik) yang terapung-apung di air (menjadi makanan ikan)

*polikarbonat* asid karbonik yang kumpulan karbonyatnya berulang, merupakan bahan termoplastik dan digunakan untuk membuat bentuk korona

*radar* alat untuk mengesan arah dan jarak jauh kapal (kapal terbang dll) dengan gelombang radio

*rentis* laluan hutan

*ruuai* kawasan terbuka dan terhad, tempat mempamerkan atau mempromosikan produk atau perkhidmatan tertentu

*sida-sida* pegawai dalam istana

*shirodhara* berasal daripada perubatan tradisional India. Dalam bahasa Sanskrit, *shiro* bermakna kepala dan *dhara* bermakna jatuh atau meleleh yang berkaitan dengan penggunaan minyak yang jatuh dan dibiarkan meleleh pada kepala pesakit

*terapeutik* (1) berkenaan rawatan penyakit; (2) berkenaan sesuatu (aktiviti, udara, dan lain-lain) yang membantu menenangkan fikiran seseorang

*transplantasi* pemindahan

*wasangka* curiga



# Senarai Rujukan

- A. Samad Ahmad, 2003. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afiq Hanif. "Zaman Robot" dlm. *Harian Metro*. 2 November 2017.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2004. *Tertib Mengarang: Asas Retorik untuk Pelajar dan Pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hana Maizuliana Solehan dan Nurul Azmawati Mohamed (Peny.), 2017. *Penyakit Berjangkit*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hassan Abd. Mutalib, 2016. *From Mouse Deer To Mouse: 70 Years Of Malaysia Animation*. Kuala Lumpur: Aswara.
- Kassim Ahmad, 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marohani Yusoff, 1999. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ali Salim, 2012. "Fort Margherita" dlm. *Karya Sasterawan 2011*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia.
- Nik Safiah Karim, 1989. "Bahasa Melayu Baku: Ke arah Pembinaan Bahasa Kebangsaan yang Sempurna" dlm. *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2013. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam *et al.*, 2003. *Buku Teks Sejarah Malaysia Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam, 2018. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saedah A. Ghani dan Rezki Perdani Sawai, 2018. *Pengurusan Kemarahan: Pengenalan & Latihan*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Zainon Ismail, 1994. *Tekstil Tenunan Melayu: Keindahan Budaya Tradisional Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhazeli Abdullah *et al.*, 2017. *Bukan Doktor Gugel*. Kuala Terengganu: Penerbitan Kata-Pilar.
- Tajul Ariffin Nordin, Roslee Ahmad dan Rahimawati Abdul Rahim, 2007. *Membina Pelajar Cemerlang: Evolusi Pendidikan Sepanjang Hayat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.



Ummadevi Suppiah, 2005. *Tun V.T. Sambanthan, Pemimpin Berjiwa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Usman Awang, 1988. *Drama-drama Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[www.myhealth.gov.my/asas-penjagaan-kulit](http://www.myhealth.gov.my/asas-penjagaan-kulit) (dicapai pada 4 Mei 2019).

<http://www.letakkepala.wordpress.com> (dicapai pada 5 April 2019).

<http://eprints.ums.edu.my/5071/1/nc0000002097.pdf> (dicapai pada 20 Februari 2019).

*Utusan Borneo*, Selasa, 9 Oktober 2012 (dicapai pada 30 Mac 2019).

<https://www.scribd.com/doc/250667648/KONSEP-PELANCONGAN-GASTRONOMI>  
(dicapai pada 20 April 2019).

<http://www.malaysia.travel/ms-my/bn/places/states-of-malaysia/sarawak/gunung-mulu-national-park> (dicapai pada 25 April 2019).

<https://www.ptptn.gov.my/> (dicapai pada 2 Februari 2019).

<http://www.myhealth.gov.my/perkhidmatan-rawatan-traditional-dan-komplementari-yang-berikan-oleh-kkm/> (dicapai pada 15 Mei 2019).

<https://www.bharian.com.my/node/112431> (dicapai pada 15 Mei 2019).

<https://www.myrokan.com/2016/10/terrarium-menarik-untuk-hiasan-dan.html>  
(dicapai pada 20 Februari 2019).

<https://iluminasi.com/bm/5-kegunaan-lain-drone-selain-daripada-menangkap-gambar-dan-video.html> (dicapai pada 5 Mac 2019).

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/terengganu/teknologi-drone-bagi-pantau-sawah-di-besut-1.628981#ixzz5iPlv7MLG> (dicapai pada 5 Mac 2019).

<http://www.sinarharian.com.my/semasa/pdrm-guna-teknologi-drone-hujung-tahun-ini-1.419169> (dicapai pada 5 Mac 2019).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/496793/guna-dron-cari-aedes>  
(dicapai pada 5 Mac 2019).

<http://www.dca.gov.my/ms/> (dicapai pada 5 Mac 2019).

<http://www.myhealth.gov.my/forensik-sebagai-kerjaya-di-kkm/> (dicapai pada 10 Mac 2019).

<http://fstm.kuis.edu.my/blog/revolusi-animasi-di-malaysia/> (dicapai pada 25 Mac 2019).

<https://www.thevocket.com/tip-pitching-ketika-mohon-kerja-melalui-jobstreet/>  
(dicapai pada 5 Mac 2019).

[https://www.dof.gov.my/dof2/resources/user\\_29/Documents/Perangkaan%20Perikanan/2017%20Jilid%201/Jadual\\_Akuakultur.pdf](https://www.dof.gov.my/dof2/resources/user_29/Documents/Perangkaan%20Perikanan/2017%20Jilid%201/Jadual_Akuakultur.pdf) (dicapai pada 10 Mei 2019).

<https://www.forestry.gov.my/index.php/my/tumbuhan-ubatan/2>  
(dicapai pada 10 Mei 2019).

<https://www.iyres.gov.my/images/indeksbeliamalaysia2015/IBM2015full.pdf>  
(dicapai pada 20 April 2019).

<https://www.orangperak.com/kilang-arang-industri-paling-tua-di-kuala-sepetang.html>  
(dicapai pada 15 Februari 2019).



# Indeks

- akronim 36, 37, 41  
analisis maklumat 6, 21, 58, 76, 86, 94, 178  
anekdot 224, 225  
ayat majmuk 180, 181, 192, 193, 231, 240, 241  
ayat tunggal susunan biasa 180, 181, 192, 193, 240, 241  
ayat tunggal susunan songsang 192, 240, 241
- berbual 82, 136, 148, 232  
berikan penilaian 52  
bersoal jawab viii, 34, 35, 130, 131, 153  
bertatasusila 65, 72, 73, 78, 79, 84, 92, 93, 103, 116, 117, 123, 135, 137, 146, 147, 151, 160, 161, 170, 180, 181, 197, 210, 211  
bina ayat 6, 24, 36, 41, 48, 56, 64, 69, 76, 99, 143, 182, 212  
biodata 132, 257  
borang penilaian sendiri ix, 37, 60, 74  
borang penilaian kertas cadangan 53  
buat kesimpulan 110, 111, 118, 132  
buat pembentangan 44, 122  
buku skrap 102, 124
- cipta ii, 2, 50, 166, 180, 182, 204, 206, 212  
ceramah 53, 64, 65, 79, 93, 100
- dengar dan berikan respons 28, 50  
deklamasikan sajak 32, 138  
dendangkan gurindam 50  
dialog 48, 118, 131, 137, 148, 222  
drama 10, 116, 117, 129, 130, 131, 141, 142
- frasa adjektif 154, 155, 238  
frasa kerja 154, 155, 238  
frasa nama 154, 155, 238  
frasa sendi nama 154, 155, 238
- golongan kata nama 48, 49  
gurindam 50, 51  
grafik vii, viii, 34, 88, 152, 164, 165, 178, 179, 185, 198, 199, 201
- gramatis 21, 33, 38, 77, 91, 94, 95, 97, 106, 107, 121, 127, 135, 151, 157, 166, 167, 184, 190, 191, 204, 205, 218, 219, 222, 223, 224, 225, 228
- hasilkan karikatur 32  
hubung kaitkan 74  
homofon 16  
homograf 16
- iklan 48, 52, 190, 235  
infografik 39, 130, 171, 229  
intonasi 4, 5, 10, 11, 24, 25, 48, 49, 123, 138, 146, 147, 176, 177, 196, 197  
isi-isi penting 66  
istilah 2, 3, 6, 7, 16, 17, 139, 192, 241
- jadual 28, 47, 53, 97, 184, 248  
jelaskan isu 190  
jenis ayat 212, 222, 231, 242, 244  
jenis soalan 103, 117
- kandungan teks xx, 36, 37, 60, 61, 74, 75  
karangan viii, 38, 66, 97, 120, 121, 127, 134, 141, 150, 151, 157, 184, 228  
kata hubung 118  
kata kerja transitif 76  
kata kerja tak transitif 60  
kata majmuk 4, 5, 233  
kata terbitan ix, 24, 25, 234  
kata tugas ix, 104, 105, 119, 139  
kata tunggal 4, 5, 233  
kejituan idea 125, 194, 195, 200, 208, 209, 226, 227  
kenal pasti maklumat 30, 152, 154  
kenal pasti kerjaya 36  
kenal pasti dan jelaskan maklumat 18, 46, 80  
kerangka karangan 66, 67, 68  
kesalahan bahasa 124, 125, 126, 195, 208, 209, 226, 227  
kesesuaian masa 102, 103, 197, 259  
kesesuaian soalan 102, 103, 197, 259



kosa kata 135, 138, 139, 154, 155, 182, 183, 186, 206, 207, 214, 220, 221  
 lagu 2, 25, 42, 116, 117, 122, 137, 171  
 laluan kerjaya 28, 31  
 laporan 6, 30, 212, 243  
 lengkapkan maklumat 52, 62  
 makna perkataan 138, 220  
 multimedia 44, 89, 120, 121, 128, 166, 167, 220  
 nada 4, 5, 10, 11, 24, 25, 28, 29, 48, 49, 50, 51, 138, 155, 176, 177, 196, 197, 245  
 nilai bentuk serta kandungan 36, 60, 74  
 nilai keseluruhan soalan 260  
 nilai soalan 116  
 olah bahan 134, 166, 222  
 olah maklumat 164, 178, 198, 201  
 pantun 136, 177, 186, 196, 197, 260  
 pascakata 104  
 pelbagai ujaran 3, 8, 9, 17, 23, 251  
 pembentangan xvi, 44, 100, 122, 123, 147, 232  
 penanda wacana 135, 166, 167, 222, 223  
 perbualan santai 72, 73, 180, 181  
 penyelesaian masalah xvii, 148, 149, 163, 207, 213  
 perenggan kesimpulan 106, 114  
 peribahasa v, x, 8, 10, 41, 64, 65, 74, 75, 76, 82, 90, 99, 150, 232, 252  
 perkataan viii, xi, xv, xix, 2, 3, 16, 17, 19, 24, 41, 69, 89, 99, 110, 135, 138, 143, 169, 220, 231, 234, 235  
 pidato 5, 18, 24, 25, 35  
 praklausa 104  
 prafrasa 138  
 promosi 18, 65, 68  
 poster 52, 140  
 ramalan xx, 20, 21, 32, 96, 118  
 rangka karangan 97, 120  
 rangkai kata xix, 2, 3, 6, 7, 16, 17, 99  
 rencana 53, 112, 126, 141, 226, 228  
 respons 11, 21, 28, 29, 33, 50, 51, 116, 117, 136, 137, 199, 260  
 risalah 28, 150, 254  
 rumusan xviii, 218  
 rumuskan isu 190  
 sajak 32, 99, 116, 138, 139, 204  
 sampaikan pendapat 64, 78  
 sebutan 2, 3, 4, 5, 16, 17, 24, 25, 139  
 seloka 105, 134, 135, 150, 151  
 senaraikan maklumat 110, 198  
 simulasikan 34, 232  
 susun fakta dan hujah 44, 108, 255  
 sinopsis 130, 131, 132  
 sketsa 120, 121, 166, 167  
 skrip drama 10, 11, 48, 49, 92, 93, 108, 109, 130, 131  
 syarahan 4, 5, 25, 65, 78, 79, 84, 93, 100, 184, 187  
 teka silang kata iv, 69  
 temu duga 34, 35, 36, 37, 52, 144, 152  
 tulis perenggan 76, 90, 94, 106, 114, 138, 154  
 terokai maklumat 4, 6, 8, 20, 28, 46, 74, 104, 124, 156, 178, 208, 226  
 tulis ramalan 20, 21, 32  
 tulis kertas cadangan 52  
 teka silang tarsia iv, 54  
 ulasan pandangan penulis 176, 192  
 ulasan 117, 184, 224  
 ungkapan 2, 3, 6, 7, 16, 17, 131, 135  
 ungkapan yang menarik 106, 107, 121, 127, 151, 157, 184, 228  
 QUACK xix, 104



# Skrip Pendengaran

## TEMA 1

### 1.1.2 Mendengar dan Bertutur

#### Jom Belajar Berenang - muka surat 8

- Cikgu Zana: Murid-murid, bersama-sama kita hari ini ialah Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah Tengku Kamalden, Ketua Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Dr. Tengku akan mengajar kita tentang Panduan Asas Berenang. Apa khabar Dr. Tengku?
- Dr. Tengku: Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah, saya sihat.
- Cikgu Zana: Baiklah, soalan yang pertama. Berenang itu apa sebenarnya?
- Dr. Tengku: Berenang ialah pergerakan kita di dalam air dari poin A ke poin B. Kita boleh menggunakan apa-apa gaya pun untuk bergerak, termasuk terapung di belakang badan sambil menguisakan tangan. Itu juga dikira sebagai berenang.
- Cikgu Zana: Oh, begitu! Jadi, apakah perkara penting yang perlu kami ketahui untuk belajar berenang?
- Dr. Tengku: Baiklah, sebenarnya, sebelum belajar berenang, kita perlu ambil perhatian tentang aspek keselamatan di air, contohnya, papan tanda yang ada, keadaan cuaca, keadaan arus yang deras, dan warna air, sekiranya keruh. Oleh itu, apabila tiba di badan air, jangan terus terjun. Lakukanlah pemerhatian terlebih dahulu dan jangan berenang bersendirian.
- Kedua, kita perlu belajar tentang cara-cara untuk masuk ke dalam air, terutamanya apabila kita tidak pasti tentang kedalaman air.
- Ketiga, kita perlu belajar bernafas dengan betul di dalam air. Kaedah bernafas di dalam air berbeza dengan kaedah bernafas di darat. Caranya, semasa di permukaan air, tarik nafas dalam-dalam melalui mulut, kemudian tahan. Semasa di dalam air, lepaskan nafas yang ada di rongga dada melalui hidung atau mulut, sedikit demi sedikit. Jangan tarik nafas melalui hidung seperti di darat.
- Keempat, amat penting juga untuk kita tahu tentang tatacara berjalan di dalam air. Semasa di dalam air, kita perlu berjalan menyenget seperti ketam untuk mengurangkan rintangan.
- Kelima, kita perlu belajar cara mengapungkan diri di dalam air. Mengapungkan diri juga ada beberapa cara. Pelajarilah satu atau dua cara kerana setiap cara itu ada kebaikannya yang tersendiri.
- Cikgu Zana: Baiklah, terima kasih, Dr. Tengku kerana sudi memberikan penerangan tentang panduan belajar berenang.
- Dr. Tengku: Sama-sama. Mari, murid-murid, kita belajar berenang.



## TEMA 2

### 1.1.1 Mendengar dan Bertutur

#### Makanan Sihat, Otak Cerdas – muka surat 16

Aku menyemak latihan bina ayat yang dibuat oleh murid-muridku. Aku capai satu lagi buku latihan dan terpandang nama di kulit buku ... Muhammad Haikal bin Imran. Nama itu mengingatkan aku tentang seseorang yang bernama Haikal juga. Peristiwa ini kekal dalam ingatanku.

Aku melihat Haikal sendirian di bawah pohon rendang pada waktu rehat sedangkan rakan-rakannya yang lain menikmati juadah di kantin. Rupa-rupanya, Haikal tidak membawa duit saku atau bekalan makanan. Oleh sebab itu, setiap kali waktu rehat dia akan duduk di situ membaca buku.

Selepas peristiwa itu, aku membawakan bekal untuk Haikal. Aku hanya membantu sekadar yang termampu. Haikal pula pada waktu itu bagai yang disebut dalam peribahasa Melayu, “orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi”. Bantuan itu memang diperlukannya.

Sekarang Haikal telah bekerja. Dia menjadi Pegawai Dietetik di sebuah hospital kerajaan. Pada petang semalam, sedang aku menonton televisyen di ruang tamu sambil melipat kain pelekat, Haikal datang ke rumahku.

Haikal: Kalaulah dahulu saya bena tak bena terhadap nasihat cikgu, tentu saya tidak akan berjaya seperti sekarang.

Cikgu: Haikal pun murid yang rajin dan mendengar kata. Nasihat cikgu tidak terbang di angin lalu sahaja. Haikal tidak menganggap nasihat cikgu hanya menyemak fikiran. Eh, yang di tangan Haikal itu apa?

Haikal: Oh, ini pelekat tentang pemakanan sihat! Cikgu boleh berikan pelekat ini kepada murid-murid. Pelekat ini boleh ditampal di mana-mana sebagai peringatan tentang pemakanan sihat. Bukankah cikgu dahulu selalu mengingatkan saya agar menjaga pemakanan?

Cikgu: Ha, ha, ha! Ya, cikgu masih ingat.

Haikal: Cikgu memang arif tentang pemakanan. Saya pula suka makan rendang daging tetapi cikgu larang saya makan banyak-banyak. Kata cikgu, pengambilan minyak yang banyak tidak baik untuk kesihatan.

Cikgu: Semua itu untuk kebaikan Haikal juga. Bukankah Haikal gemar bernyanyi duet dengan Farisha? Nanti rosak pula suara Haikal yang merdu itu.

Haikal: Ah, ada-ada saja cikgu ini!

Cikgu: Cikgu bergurau saja. Selain rendang, minuman yang ada kafein juga cikgu minta Haikal kurangkan. Minuman berkarbonat pula tidak dibenarkan sama sekali. Masakan cikgu pula tidak mengandungi perasa tiruan atau monosodium glutamat (MSG) langsung.

Haikal: Terima kasih cikgu kerana memberikan tuntun yang baik kepada saya. Jasa cikgu amat saya hargai.



## TEMA 2

### 1.1.2 Mendengar dan Bertutur

#### Kuala Lumpur, Kota Buku Dunia – muka surat 22

Kuala Lumpur dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat melalui Pembacaan” oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* atau ringkasnya UNESCO. Keputusan yang diumumkan oleh Ketua Pengarah UNESCO, Audrey Azoulay itu berdasarkan saranan Jawatankuasa Penasihat Kota Buku Dunia.

Kuala Lumpur dipilih kerana adanya fokus yang tinggi terhadap pendidikan yang inklusif, pembangunan masyarakat berasaskan pengetahuan, dan kebolehcapaian membaca kepada segenap populasinya. Program ini menumpukan perhatian kepada empat tema, iaitu membaca dalam semua bentuk, pembangunan infrastruktur industri buku, inklusif dan akses digital, dan pemberdayaan kanak-kanak melalui membaca. Aktiviti pembacaan dan pengupayaan buku turut tertumpu kepada golongan gelandangan, orang kurang upaya, orang asli, anak yatim, dan banduan.

Antara acara dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kota Buku ialah pembinaan kota buku, kempen membaca dalam kalangan pengguna tren, peningkatan perkhidmatan dan capaian digital oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk orang kurang upaya, dan perkhidmatan digital baharu kepada 12 perpustakaan di kawasan perumahan kos rendah.

Sesebuah kota itu dikatakan mempunyai rohnya sendiri apabila aktiviti di sekitar pusat bandar dipenuhi dengan aktiviti yang mengayakan minda dan mengasah pemikiran warga kota. Selain acara hiburan hujung minggu di sana-sini, Kuala Lumpur juga berhak mempunyai acara jualan buku dan aktiviti yang berkaitan dengannya.

Acara perbukuan pernah diadakan di Kuala Lumpur dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kota. Antara acara tersebut termasuklah Kota Kata di ruang pesiar kaki di Maju Junction dan Festival Sastera Kanak-kanak di Jalan Tunku Abdul Rahman. Sebagai Kota Buku Dunia, acara-acara perbukuan seperti ini tentu akan lebih menarik.

## TEMA 3

### 1.2.1 Mendengar dan Bertutur

#### Di Sebalik Tabir Pesawat – muka surat 28

Nurin: Dr. Wan, saya Nurin pelajar tingkatan 4 dari SMK Budi Daya. Saya ingin mendapatkan maklumat tentang kerjaya dalam bidang penerbangan.

Dr. Wan: Selamat datang ke tapak pameran kami. Tahukah Nurin, peluang kerjaya dalam bidang penerbangan sangat luas?

Nurin: Bolehkah Dr. jelaskan lebih lanjut?

Dr. Wan: Bidang penerbangan ini menawarkan pelbagai pilihan kerjaya. Ada yang bertugas di darat dan ada juga yang bertugas di udara.

Nurin: Apakah contoh kerjaya penerbangan yang bertugas di udara?

Dr. Wan: Untuk makluman Nurin, kerjaya yang tugasnya di udara ialah juruterbang, pramugara, dan pramugari.

Nurin: Apakah kelayakan yang diperlukan?

Dr. Wan: Nurin, kelayakan yang diperlukan untuk kerjaya ini ialah memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia. Namun, ada juga yang memiliki diploma dan ijazah pertama.



Nurin: Dr, apakah keistimewaan kerjaya di udara ini?

Dr. Wan: Sebenarnya, Nurin, menjadi juruterbang, pramugara, dan pramugari ini umpama belayar sambil memapan, merapat sambil belayar. Semasa menjalankan tugas, mereka juga dapat menimba pengalaman baharu dan melancong ke serata dunia. Itulah keistimewaan kerjaya di udara ini.

Nurin : Wah, sungguh menarik! Apakah pula contoh kerjaya penerbangan yang tugasnya di darat?

Dr. Wan: Untuk pengetahuan Nurin, kerjaya di darat lebih banyak pilihan.

Nurin: Bolehkah Dr. berikan contohnya?

Dr. Wan: Sebagai contoh, jika Nurin mempunyai kelayakan dalam bidang kejuruteraan, Nurin boleh memohon kerja sebagai Jurutera Penyelenggara Pesawat. Namun, Nurin perlulah mengikuti beberapa kursus yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan.

Nurin: Oh, begitu!

Dr. Wan: Nurin pernah nampak menara di kawasan lapangan terbang? Nurin tahu fungsi menara tersebut?

Nurin: Ya, Dr. Saya pernah nampak menara tersebut, tetapi tidak tahu pula tentang fungsinya.

Dr. Wan: Sebenarnya, Nurin, di menara tersebut ada Pegawai Kawalan Trafik Udara. Pegawai ini akan berkomunikasi dengan juruterbang bagi memastikan keselamatan ruang udara dan lalu lintas pesawat seperti polis trafik di jalan raya.

Nurin: Dr., apa lagi contoh kerjaya dalam bidang penerbangan?

Dr. Wan: Selain daripada kerjaya yang saya terangkan tadi, ada banyak lagi contoh kerjaya dalam bidang penerbangan. Nurin boleh mendapatkan info tentang kerjaya yang lain dalam risalah ini. (Dr. Wan menghulurkan sekeping risalah kepada Nurin)

Nurin: Sekarang barulah saya tahu tentang kerjaya dalam penerbangan. Terima kasih Dr.

Dr. Wan: Sama-sama.

### TEMA 3

#### 3.2.1 Menulis

#### Daripada Kartun kepada Animasi – muka surat 32

Teks memperkenalkan tajuk video

Muzik latar yang sesuai

#### DARI TITIK KE TITIK

DARIPADA KARTUN KEPADA ANIMASI

1. Filem 1 potong pada minit - 0.26-0.35
2. Filem 2 potong pada minit - 14.48 -15.15

Teks audio:

Wayang kulit merupakan antara animasi awal di Malaysia. Persembahan wayang kulit dilakukan oleh tok dalang. Karakter yang membantu penceritaan dilukis di atas kulit lembu dan dipotong menggunakan teknik animasi guntingan.

Dunia animasi di Malaysia berkembang dengan kelahiran filem animasi pendek Malaysia yang pertama, Hikayat Sang Kancil. Pasukan juruanimasi mengambil masa yang lama untuk menyiapkan karakter dengan melukis di atas kertas secara lukisan tangan.

Masukkan tajuk kecil dan gambar-gambar.  
Rujuk folder Gambar 1

Industri filem animasi negara berkembang pesat dengan adanya idea kreatif Hassan Muthalib atau Pak Hassan, sebagai pelopor animasi. Bapa Animasi Negara ini bukan sahaja kreatif malah boleh memberikan idea yang berimpak tinggi sepanjang zaman.

Masukkan tajuk kecil dan gambar-gambar.  
Rujuk folder Gambar 2

Sebelum era digital dalam pembikinan filem animasi, karakter kartun dihasilkan melalui lukisan yang banyak. Kemudian, proses memindahkan lukisan ke dalam bentuk kepingan seluloid dilakukan sebelum filem animasi ditayangkan kepada penonton.

## TEKNOLOGI ANIMASI

### FILEM-FILEM ANIMASI

3. Filem 3 potong pada minit - 55.02-55.40  
(Upin Ipin)

Antara filem animasi popular yang dekat di hati penonton ialah *Geng Pengembaraan Bermula: Upin dan Ipin*.

potong pada Boboiboy minit - 20.32 - 21.00

Boboiboy,

potong pada Omar dan Hana - 1.00-1.20

dan Omar dan Hana.

SEKIAN

Semoga industri filem animasi negara terus berkembang pada masa hadapan.

## TEMA 4

### 1.3.1 Mendengar dan Bertutur

#### Asam yang Manis - muka surat 44

Juruhebah Radio: Bertemu lagi dalam rancangan Peladang Jaya. Saya, DJ Ahlia, akan membincangkan topik rozel atau nama saintifiknya *Hibiscus sabdariffa L*. Bersama-sama kita pada pagi ini ialah Encik Arbain bin Awang, Pegawai FAMA. Beliau akan berkongsi dengan para pendengar tentang tanaman ini. Apa khabar, Encik Arbain?

Encik Arbain: Khabar baik, DJ Ahlia.

Juruhebah Radio: Bolehkah Encik Arbain ceritakan tentang tanaman rozel?

Encik Arbain: Untuk pengetahuan para pendengar, rozel sesuai ditanam di tanah jenis bris dan liat yang baik salirannya. Benih rozel perlu disemai di dulang semaian terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke batas. Masa yang diambil untuk semaian ini lebih kurang 10 hingga 14 hari. Biasanya, rozel hanya memerlukan masa antara 85 hingga 100 hari sahaja untuk dituai.

Juruhebah Radio: Adakah petani sendiri yang memproses rozel menjadi produk?

Encik Arbain: Untuk makluman para pendengar semua, rozel hanya diproses di Pusat Pemprosesan Makanan FAMA dan beberapa kilang milik swasta



yang lain. Selepas dituai, petani akan memisahkan kelopak rozel yang berwarna merah atau dikenali sebagai kaliks daripada bijinya. Kaliks akan dikumpulkan dan dijual dalam bentuk segar kepada pihak FAMA.

Juruhebah Radio: Encik Arbain, di manakah petani boleh mendapatkan biji benih rozel?

Encik Arbain: Petani mesti mendapatkan biji benih rozel yang dibekalkan oleh Pejabat Pertanian Daerah sahaja. Langkah ini penting untuk menjamin kualitinya.

Juruhebah Radio: Oh, begitu! Jika ada pendengar yang berminat untuk memulakan penanaman rozel, apakah yang perlu dilakukan?

Encik Arbain: Pertama sekali, mereka perlulah merujuk Pejabat Pertanian Daerah yang terdekat dengan kediaman untuk mendapatkan maklumat dan panduan. Tetapi, petani perlulah memastikan jenis tanah yang hendak diusahakan sesuai untuk tanaman rozel.

Juruhebah Radio: Akhir kata, apakah harapan Encik Arbain untuk perkembangan tanaman rozel pada masa hadapan?

Encik Arbain: Saya berharap lebih ramai petani yang menceburkan diri dalam penanaman rozel kerana tanaman ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Saya juga berharap agar rozel terus mendapat permintaan bukan sahaja untuk industri makanan dan minuman, malahan rozel juga boleh dimanfaatkan dalam industri farmaseutikal dan perubatan juga.

Juruhebah Radio: Begitulah perkongsian daripada Pegawai FAMA tentang tanaman rozel. Terima kasih diucapkan kepada Encik Arbain kerana sudi ditemu bual untuk santapan telinga para pendengar pada pagi ini. Semoga bertemu lagi dan selamat maju jaya.

Encik Arbain: Terima kasih kembali.

## TEMA 4

### 1.3.1 Mendengar dan Bertutur

#### Asam yang Manis – muka surat 45

Razin: Dania, ada tonton televisyen, Saluran 5, semalam?

Dania: Tidak, semalam saya agak sibuk. Ada berita menarik?

Razin: Semalam ada rancangan tentang rozel. Tanaman ini sesuai untuk projek usahawan tani kita.

Dania: Benar, tapi saya terlepas pula rancangan itu.

Razin: Jangan bimbang, Dania. Saya ada membuat catatan semasa menonton semalam.

Dania: Wah, nasib baik! Boleh beritahu saya, apa yang awak catat?

Razin: Boleh, Dania. Dengar. Nama saintifik rozel ialah *Hibiscus sabdariffa L.*

Dania: *Hibiscus*? Rozel ada kaitan dengan bunga raya?

Razin: Ya, spesies rozel sama dengan bunga raya. Rozel juga dipanggil asam paya, asam kumbang, dan asam susur.

Dania: Oh, begitu! Apakah kegunaan rozel, Razin?

Razin: Kelopak rozel yang dipanggil kaliks boleh diproses menjadi kordial, jem, teh herba, dan jus. Kaliks juga boleh dijadikan halwa dan kudap-kudapan yang enak.

Dania: Tidak sangka saya kegunaan rozel banyak rupa-rupanya.  
 Razin: Ada lagi kegunaan rozel, Dania. Rozel cantik dijadikan tanaman hiasan.  
 Dania: Wah, bukan sahaja cantik malahan boleh dimakan pula! Untunglah sesiapa yang menanam pokok ini. Selain kaliks, bahagian apa lagi yang berguna?  
 Razin: Daun yang muda boleh dijadikan ulam dan bahan untuk memasak asam pedas dan kari. Batang pokok rozel boleh dikeringkan untuk dijadikan gentian tali yang kuat.  
 Dania: (Sambil tertawa) Kalau begitu, bolehlah emak saya memasukkan daun rozel ke dalam asam pedas selepas ini.  
 Razin: Tentu sedap air tangan ibu awak itu. Terliur saya. Ada lagi, Dania. Ekstrak biji rozel digunakan untuk membuat kosmetik.  
 Dania: Wah, menarik sekali!  
 Razin: Memang menarik! Dalam bidang inovasi farmaseutikal, biji rozel dibuat gincu.  
 Dania: Tapi, prospek pasaran rozel ini bagaimana? Adakah untuk pasaran tempatan sahaja?  
 Razin: Menurut Pegawai FAMA semalam, rozel mendapat permintaan tempatan dan antarabangsa. Misalnya, kaliks segar dibungkus secara pek dingin beku untuk dieksport.  
 Dania: Terima kasih, Razin. Maklumat ini sangat berguna.  
 Razin: Sama-sama, Dania.

## TEMA 4

### 1.2.1 Mendengar dan Bertutur

#### Wanita Berjiwa Perkasa - muka surat 50

##### Biodata Tokoh PeladangNita Kebangsaan 2017

Hajah Zaiton binti Haji Mohd Yusof dilahirkan pada tanggal 11 Mei 1955. Wanita berjiwa perkasa ini memulakan kerjaya sebagai penjawat awam di Kementerian Pendidikan Malaysia. Minat yang mendalam dalam dunia perladangan dan keusahawanan menyebabkan beliau meninggalkan dunia perkhidmatan awam dengan bersara awal pada tahun 2009. Beliau memulakan langkah dengan menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Setiu dan menyertai kursus keusahawanan. Projek utama yang diusahakan oleh Hajah Zaiton ialah projek Industri Asas Tani (IAT). Umpama serikandi bertulang besi, berurat dawai, tokoh nan seorang ini membuktikan jiwa kentalnya dengan menceburi bidang pertanian dan mengusahakan beberapa projek perladangan.

Antaranya, beliau mengusahakan tanaman kelapa sawit seluas empat ekar, menternak lembu dan kambing secara pawah, dan menternak lebah kelulut untuk madu kelulut. Kini, tokoh wanita terbilang ini menjalankan projek dan penyelidikan dengan bimbingan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Universiti Putra Malaysia, Serdang untuk memproses ekstrak daun gelam dan menghasilkan minyak bagi merawat sakit saraf. Pengerusi PeladangNita Negeri Terengganu ini turut bergiat aktif bersama NGO dan dilantik menjadi Ketua Daerah Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia Daerah Setiu.

Atas sumbangan yang banyak dan penglibatan aktif Puan Hajah Zaiton dalam sektor perladangan dan keusahawanan, maka beliau dianugerahi Tokoh PeladangNita Kebangsaan pada tahun 2017 bersempena dengan Hari Peladang, Penternak, dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2017. Tahniah diucapkan kepada Puan Hajah Zaiton binti Haji Mohd Yusof!



## **TEMA 5**

### **1.3.2 Mendengar dan Bertutur**

#### **Sistem Binaan Berindustri – muka surat 58**

Sistem Binaan Berindustri merupakan sistem pembinaan yang menggunakan komponen prasiap yang disediakan terlebih dahulu. Tujuan utama penggunaan sistem ini adalah untuk mengoptimumkan proses kerja dan meminimumkan penggunaan kos buruh. Terdapat lima jenis sistem binaan berindustri yang digunakan secara meluas di Malaysia, iaitu:

##### **1. Sistem Konkrit Pratuang**

Terdapat dua jenis sistem konkrit pratuang. Pertama, komponen yang menggunakan rasuk, tiang, papak, dan dinding tidak gelas beban. Kebiasaannya, komponen ini dihasilkan di luar tapak pembinaan dengan menggunakan mesin dan acuan. Kedua, dinding gelas beban, menawarkan sistem yang lebih mudah, iaitu papak dan dinding. Kedua-kedua komponen itu boleh dikeluarkan di kilang atau dibuat di tapak pembinaan.

##### **2. Sistem Kerangka Keluli**

Sistem ini selalu digunakan untuk kerangka bumbung. Struktur keluli sesuai untuk bangunan tinggi dan kebiasaannya digunakan dengan panel papak dan dinding konkrit pratuang.

##### **3. Sistem Acuan**

Pembinaan dengan sistem ini menggunakan cara yang sistematik dan berasaskan mekanikal. Kos dapat dijimatkan kerana panel acuan boleh digunakan semula. Sistem acuan ini berasaskan keluli tetapi sejak belakangan ini aluminium dan plastik turut digunakan.

##### **4. Sistem Kerangka Kayu**

Sistem ini merupakan kaedah pasang siap terawal pernah digunakan. Namun demikian, kerangka kayu pasang siap semakin kurang digunakan di Malaysia kecuali untuk pembinaan wakaf dan calet.

##### **5. Sistem Blok**

Pada asasnya sistem blok merupakan Sistem Binaan Berindustri yang berasaskan sistem konkrit pratuang. Oleh sebab saiznya yang kecil, komponen ini senang untuk diuruskan. Kebanyakan jenis blok tersebut juga boleh dibuat dengan mudahnya di tapak pembinaan.

## **TEMA 7**

### **1.3.2 Mendengar dan Bertutur**

#### **NIOSH Menyantuni Sekolah – muka surat 86**

##### **Kenali Program KKP di Sekolah**

Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, terdapat banyak kemalangan dilaporkan di sekolah yang melibatkan para guru, kakitangan dan murid. Sebahagian daripada kemalangan tersebut turut melibatkan kecederaan dan kematian.

Sehubungan dengan itu, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara telah memperkenalkan Program Keselamatan dan Kesihatan di sekolah (Program KKP di sekolah) sejak tahun 2015. Hingga tahun 2018, sebanyak 50 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam program yang diadakan melalui kerjasama Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Antara aktiviti KKP di sekolah ialah aktiviti ceramah, aktiviti menjejak ancaman, kuiz mengecam ancaman, dan pertandingan mewarna serta melukis poster. Perlu diingat bahawa sesebuah sekolah dikatakan selamat, bukan hanya bermaksud sekolah tersebut bebas daripada masalah disiplin dan jenayah, malahan sesebuah sekolah perlu memastikan bahawa semua kemudahannya juga selamat.

Oleh itu, pihak sekolah sewajarnya mengambil bahagian dalam Program KKP di Sekolah bagi meningkatkan kesedaran warga sekolah mengenai aspek keselamatan dan kesihatan. Warga sekolah perlu sedar tentang konsep keselamatan dan kesihatan yang baik supaya mereka dapat menjadikannya sebagai suatu budaya. Warga sekolah, terutamanya murid-murid boleh bertindak sebagai mata dan telinga pihak pengurusan sekolah dalam mengenal pasti ancaman dan menilai risiko.

Mari, sama-sama kita pastikan, sekolah kita, “Kondusif, Selamat, dan Sihat”.

## **TEMA 8**

### **1.5.1 Mendengar dan Bertutur**

#### **Rumah Pusaka Chow Kit – muka surat 102**

Andaikan anda akan menemu bual Puan Norma binti Manjawali. Dengar soalan berikut dengan telitinya dan kenal pasti soalan tersebut dari segi jenis, kesesuaian soalan, dan kesesuaian masa.

#### **Soalan 1**

Bilakah rumah ini dibina?

#### **Soalan 2**

Nenek tinggal di sini sejak bila?

#### **Soalan 3**

Apakah perasaan nenek tinggal di rumah ini?

#### **Soalan 4**

Bagaimanakah nenek masih boleh tinggal di rumah ini sedangkan urbanisasi berkembang pesat di Kuala Lumpur?

#### **Soalan 5**

Mengapakah rumah tradisional ini hendak dijual?

#### **Soalan 6**

Banyak keuntungan diperoleh dengan menjual rumah ini?

## **TEMA 8**

### **1.5.1 Mendengar dan Bertutur**

#### **Selamatkan Warisan Negara – muka surat 103**

Andaikan anda akan menemu bual para sukarelawan daripada Persatuan Rumah Pusaka Chow Kit. Dengar soalan berikut dengan telitinya dan kenal pasti soalan tersebut dari segi jenis, kesesuaian soalan, dan kesesuaian masa.

#### **Soalan 1**

Mengapakah Persatuan Rumah Pusaka Chow Kit ditubuhkan?

#### **Soalan 2**

Bagaimanakah segala rintangan untuk membina rumah ini semula diatasi?





IMBAS SAYA

### Soalan 3

Di manakah bahagian-bahagian rumah yang telah dibuka disimpan?

### Soalan 4

Semasa struktur rumah ini dibuka, apakah cara yang digunakan untuk memudahkannya dipasang semula?

### Soalan 5

Kalian gembira dengan pembinaan semula rumah pusaka Chow Kit?

### Soalan 6

Adakah ahli-ahli persatuan ini popular setelah rumah ini dibina semula?

## TEMA 8

### 1.3.1 Mendengar dan Bertutur

#### Kain Telepek - muka surat 108

Telepek merupakan karya seni menghiasi kain dengan serbuk berwarna emas yang amat unik sekali. Berdasarkan sastera lama, telepek bermakna bunga atau lain-lain yang diperbuat daripada emas. Seni ini banyak berkembang di negeri Pahang dan Johor suatu ketika dahulu. Telepek biasanya menghiasi baju kurung labuh Riau, kain sarung, dan kain ikat kepala.

Penghasilan kain telepek melalui beberapa proses, iaitu proses menenun kain, membuat penerap ukiran bunga, menggerus, dan menelepek. Kain untuk ditelepek hendaklah daripada jenis yang halus dan padat tenunannya. Penerap atau acuan pula perlu diukir dengan motif-motif tradisional secara cermat. Proses menggerus pula menggunakan siput gerus, bertujuan untuk menggilap dan melicinkan kain.

Proses menelepek bermula dengan menyapukan sejenis gam yang dinamakan gam Arab pada lengan. Kemudian, penerap akan ditekap pada gam di lengan dan dipindahkan ke permukaan kain. Selepas itu, serbuk emas dalam bentuk perada ditekap di atas kain untuk meninggalkan kesan emas pada motif yang telah diukir.

Hasil kraf tekstil ini amat unik kerana motif bagi setiap jenis kain berbeza. Bagi baju kurung, motif bunga pecah lapan membentuk hiasan hati berantai digunakan. Kain sarung pula dipenuhi lingkaran dan urutan motif bunga pecah empat yang berkembang kepada pecah enam dan lapan. Kain ikat kepala pula lebih berpusat kepada motif bunga cengkik pecah empat bahagian dalam, dan kelopak disusun berantai serta mengarah ke dalam.

Kain telepek amat menarik ketika dipakai kerana serbuk emas akan menampilkan kilauan pancaran cahayanya.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**





RM18.50

ISBN 978-983-49-2513-0



9 789834 925130

FT014001